

BAB KEENAM
ANALISIS MASALAH PENTERJEMAHAN KOLOKASI BAHASA ARAB
KE BAHASA MELAYU

6.0 Pengenalan

Bab ini akan menyajikan hasil analisis data yang diperolehi dari Tafsir *Fī Zilāl al-Qur'ān* yang mencakupi jenis-jenis kolokasi dalam bahasa Arab serta masalah penterjemahannya ke bahasa Melayu-Malaysia. Sejumlah jenis kolokasi dalam penyelidikan ini merupakan jenis yang belum pernah disampaikan oleh para penyelidik terdahulu. Jenis-jenis kolokasi bahasa Arab dibahagi secara gramatis dan semantik. Oleh kerana itu bab ini terbahagi menjadi beberapa sub-bab mengikut jumlah jenis kolokasi tersebut. Terjemahan contoh berasal dari terjemahan Melayu-Malaysia dengan penanda huruf "M" dan dari Melayu-Indonesia dengan penanda huruf "I", sementara TS diberi kod "A". Bagi memudahkan pemahaman istilah-istilah nahu bahasa Arab, penulis memberikan padanan dalam bahasa Inggeris dengan merujuk kepada sejumlah pakar nahu bahasa Arab dari Barat, di antaranya J.A. Haywood dan H. M. Nahmad (1965) dalam bukunya *A New Arabic Grammar of the Written Language*, dan W. Wright (1979) dalam bukunya *A Grammar of the Arabic Language*, selain pakar dari Arab sendiri, iaitu Antoine El-Dahdah (1997) dalam *A Dictionary of Arabic Grammar in Charts and Tables* di mana ia membuat senarai istilah nahu Arab dalam bahasa Arab, Inggeris, dan Perancis.

Dalam bab ini juga dikemukakan pengkajian terhadap batasan-batasan kolokasi bahasa Arab, kriteria-kriterianya, ciri-cirinya, dan tentang kekerapan kemunculannya.

6.1 Jenis Kolokasi Bahasa Arab dalam Tafsir *Fī Zilāl al-Qur'ān*

Secara garis besar, jenis kolokasi dikelompokkan menjadi dua kelompok, yaitu secara gramatis dan secara semantik. Yang dimaksud dengan pengelompokkan secara gramatis adalah pembahagian jenis kolokasi mengikuti golongan kata yang dikenal dalam tatabahasa bahasa Melayu. Hal ini dipilih untuk memudahkan pembahagian jenis kolokasi tersebut. Jenis kolokasi secara gramatis dalam penyelidikan ini mengikut jenis-jenis kolokasi yang pernah dibuat oleh para penyelidik terdahulu dengan beberapa tambahan jenis baharu sehingga jumlahnya mencapai 21 jenis, iaitu:

1. Kolokasi Binaan Mā + Min
2. Kolokasi FK
3. Kolokasi FS
4. Kolokasi KA+FS (Ket)
5. Kolokasi KA + KA
6. Kolokasi KA+KN – Iḍāfat
7. Kolokasi KA+KN – Tamyīz
8. Kolokasi Keterangan
9. Kolokasi KK + FS (Ket)
10. Kolokasi KK + Ket
11. Kolokasi KK + KN
12. Kolokasi KK + KNV + KA
13. Kolokasi KN (Nomina Agentis) + FS
14. Kolokasi KN + KA
15. Kolokasi KN + KK

16. Kolokasi KN + KN (Idāfat)
17. Kolokasi KN + KSN + KN
18. Kolokasi KN + KSN
19. Kolokasi KNm + KSN + KNj
20. Kolokasi Prt **أَمَّا** /ammā/ + **فَ** /fa/
21. Kolokasi Prt **لَا** /lā/

Sedangkan kolokasi secara semantik sebanyak 5 jenis, iaitu:

1. Kolokasi Antonim
2. Kolokasi Pelengkap
3. Kolokasi Sinonim
4. Kolokasi Ungkapan Am
5. Kolokasi Ungkapan Khas

6.1.1 Jenis Kolokasi Secara Gramatis:

Seperti disebutkan di atas, kolokasi secara gramatis ini terdapat 21 jenis.

Berikut penjelasan masing-masing:

6.1.1.1 Kolokasi Binaan Mā + Min:

Kolokasi yang terdiri dari KH **مَا** /mā/ dan KSN **مِنْ** /min/ yang dalam tatabahasa Arab dikenal dengan **مِنْ الْبَيَانِيَّةِ** /min al-bayāniyyat/ ‘KSN min bagi menjelaskan’ ini merupakan jenis kolokasi yang banyak ditemui dalam data dan merupakan jenis yang tidak pernah dikemukakan oleh para penyelidik terdahulu.

Chatibul Umam (1980: 36) mendakwa bahawa binaan seperti ini hanya terdapat dalam bahasa Arab.

Pencarian kolokasi jenis ini tidak dapat dilakukan dengan menggunakan *aConcorde* kerana beberapa hal. Pertama, unsur bahasa مَا /mā/ dalam bahasa Arab bentuknya dapat berubah-ubah manakala bersambung dengan kata lain, seperti KSN ل /li/, مِنْ /min/, عَنْ /an/, atau فِي /fi/ sehingga akan muncul menjadi لِمَا /li-mā/, مِمَّا /mimmā/, عَمَّا /ammā/, atau فِيمَا /fi-mā/. Kedua, bentuk مَا /mā/ ini mempunyai banyak jenis. Ya'qūb (1983: 487) dalam bukunya *مُعْجَمُ الإِعْرَابِ وَالْإِمْلَاءِ* /mu'jam al-i'rāb wa al-implā'/ menyebutkan ada sebelas jenis مَا /mā/. Ketiga, bentuk مَنْ dalam data tidak selamanya berupa KSN. Bentuk tersebut boleh jadi berbunyi مَنْ /man/ 'siapa'. Itulah sebabnya mengapa Brashi (2005) tidak menggunakan korpus teks Arab sebagai bahan penyelidikannya. Contoh:

- (106) وَمَا يُبْذَلُ أَعْدَاءُ هَذَا الدِّينِ مِنْ جُهْدٍ (A/1/408)
 /wa mā yu- bzilu a`dā'u hāza al-
 dīn-i
 dan apa ia (m) mengeluarkan musuh-musuh ini (m) art agama
 min juhd-in/
 dari daya upaya
 '...musuh-musuh agama ini berusaha dengan segala macam (M/2/358)
 tipu daya..'
 '...beserta segala usaha yang dilakukan pihak musuh (I/2/85)
 terhadap agama Allah...'
- (107) وَحَقِيقَةُ مَا عَلَيْهِ أَعْدَاؤُهُمْ مِنَ الْبَاطِلِ (A/1/408)
 /wa haqīqat-u mā `alay-hi a`dā'u -hum
 dan hakikat apa atas-nya (m) musuh-musuh mereka (m)
 min-a l- bāṭil-i/
 dari Art kebatilan
 '...dan hakikat kepalsuan yang ada di sebelah musuh-musuh (M/2/358)
 mereka...'
 '...dan hakikat kebatilan yang dipegang teguh oleh musuh- (I/2/85)
 musuh mereka...'

- (108) **إِسْقَاطُ قِيَمَةٍ مَا يُدْلُونَ بِهِ مِنْ حُجَجٍ**
 /isqāṭ-u qīmat-i mā yu-dl-ūna
 menjatuhkan nilai apa mereka (m) mengemukakan
 bi -hi min ḥujaj-in/
 dengan-nya (m) dari hujah-hujah
 '...menjatuhkan nilai hujah-hujah yang dikemukakan mereka...' (M/2/366)
 '...dan digugurkanlah alasan-alasan yang mereka kemukakan...' (I/2/88)
- (109) **فِي دَائِرَةِ مَا يَعْلَمُونَ مِنَ الْأَمْرِ**
 /fī dā'irat-i mā ya`-lam-ūna min-a
 dalam lingkaran apa mereka (m) mengetahui dari
 l- amr-i/
 art-perkara
 '...berada dalam lingkungan perkara yang diketahui mereka...' (M/2/366)
 '...dalam lingkaran urusan yang mereka ketahui...' (I/2/88)
- (110) **وَمَا اجْتَرَحُوهُ مِنَ الْآثَامِ**
 /wa mā jtarah -ū -hu min
 dan yang telah melakukan mereka (m)-nya (m) dari
 al- āthām-i/
 art-dosa-dosa
 '...dan dosa-dosa yang telah dilakukan mereka...' (M/2/400)
 '...dan dosa-dosa yang mereka lakukan...' (I/2/107)
- (111) **لِيَفْضَحَ مَا يَقُومُونَ بِهِ مِنْ لَبْسِ الْحَقِّ بِالْبَاطِلِ**
 /li- yu-fḍiḥ-a mā ya-qūm-ūna
 supaya ia (m) mendedahkan apa mereka (m) berdiri
 bi -hi min labs-i al-ḥaqq-i bi
 dengan-nya (m) dari mengelirukan art kebenaran dengan
 al -bāṭil-i/
 art-kebatilan
 '...untuk membongkarkan perbuatan jahat yang dilakukan mereka, iaitu perbuatan mencampuradukkan kebenaran dengan kepalsuan...' (M/2/372)
 '...untuk mengungkap tindakan mereka mencampuradukkan yang hak (kebenaran) dengan kebatilan...' (I/2/91)
- (112) **يُبَيِّنُ مَا فِي هَذِهِ الْحَالِ مِنْ نَقَائِصٍ**
 /yu-bayyin-u mā fī hādhihi al-ḥāl-i min
 ia (m) menerangkan apa dalam ini (f) art-hal dari
 naqā'iṣ-a/
 kekurangan-kekurangan
 '...menerangkan sifat-sifat mereka yang tercela...' (M/2/378)
 '...dan dijelaskan kekurangan-kekurangannya...' (I/2/93)

- (113) (A/1/419)
 وَذَلِكَ فِيْمَا كَانُوْا يَرْعَمُوْنَ مِنَ الْاَقَانِيْمِ
 /wa dhālika fī -mā kān-ū
 dan itu (m) dalam apa adalah mereka (m)
 ya-z‘am-ūna min-a l- aqānim-i/
 mereka (m) mendakwa dari art-oknum-oknum
 ‘...yang didakwa mereka sebagai oknum-oknum...’ (M/2/385)
 ‘...yang ketiganya dianggap sebagai satu wujud (yakni satu wujud terdiri atas tiga oknum)...’ (A/1/97)
- (114) (A/1/429)
 شَعَلْتُ مَا مَرَّ مِنَ السُّوْرَةِ
 /syaghala -t mā marra
 telah menyibukkan ia (f) apa telah melalui ia (m)
 min- al-sūrat-i/
 dari art-surah
 ‘...telah memenuhi segala ayat-ayat yang telah silam dari surah ini...’ (M/2/399)
 ‘...yang banyak menyita surah ini...’ (I/2/107)
- (115) (A/1/429)
 وَعَلَى ضَوْءٍ مَا كَشَفْتُهُ مِنْ اَخْطَاٍ
 /wa ‘alā ḍaw’i mā kasyafa -t -hu
 dan atas cahaya apa telah menyingkap ia (f)-nya (m)
 min akhtā-in/
 dari kesalahan-kesalahan
 ‘...dan berdasarkan kesilapan-kesilapan yang berlaku di dalam peperangan itu...’ (M/2/399)
 ‘..., kesalahan...’ (I/2/107)

Dari contoh-contoh di atas tampak bahawa KH مَا /mā/ dan KSN مِنْ /min/ sentiasa muncul bersamaan meskipun tidak berdampingan. Pada umumnya jenis kolokasi ini tidak diterjemahkan sama ada ke bahasa Melayu-Malaysia atau pun Melayu-Indonesia. Catford (1965: 27) menamakannya dengan padanan *zero* dan *nil*. Sesuatu unsur BS berpadanan *zero* manakala unsur tersebut sebetulnya ada padanannya dalam bahasa sasaran, tetapi tidak dimunculkan secara eksplisit. Hal itu dilakukan untuk memperoleh bentuk yang wajar dalam bahasa sasaran. Apabila unsur BS tersebut muncul, penterjemahan cenderung ke harafiah seperti yang berlaku pada contoh (110) iaitu dalam terjemahan Melayu. KSN مِنْ /min/ diterjemahkan

menjadi 'iaitu'. Hal ini berlaku kerana dalam terjemahan Melayu, frasa مَا يَفْعُلُونَ بِهِ / mā ya-qūm-ūna bi-hi/ diterjemahkan menjadi 'perbuatan jahat yang dilakukan mereka', sedangkan dalam terjemahan Melayu-Indonesia menjadi 'tindakan mereka'. Dengan adanya jumlah kata yang lebih banyak itulah KSN مِنْ /min/ mendapat padanan 'iaitu', berbeza dengan terjemahan Melayu-Indonesia yang hanya menggunakan dua buah kata 'tindakan mereka' sehingga KSN مِنْ /min/ tidak diberi padanan.

6.1.1.2 Kolokasi FK:

Kolokasi Frasa Kerja ini merupakan kombinasi dari KK dengan KSN yang dalam bahasa Inggeris dikenal dengan *Phrasal Verbs*. Kombinasi KK + KSN ini merupakan sumber utama ungkapan idiomatik dalam bahasa Arab (Mir, 1989: 5). Kehadiran KSN setelah KK atau KN menimbulkan kesan yang cukup penting sehingga boleh mengubah erti, bahkan dapat membuat maknanya berlawanan. Contoh yang paling popular adalah kombinasi KK رَغِبَ /raghiba/ dengan KSN فِي /fi/ yang bererti 'suka' dan رَغِبَ /raghiba/ dengan KSN عَنْ /‘an/ yang bererti 'tidak suka' (al-Rajhiy, 2004: 415). Sebuah KK dapat berkombinasi dengan lebih dari dua KSN dan masing-masing akan memberi kesan pada maknanya (Rāsyid, 1996: 206). Misalnya KK ذَهَبَ /dhahaba/ dalam Al-Qur'an:

- (116) ذَهَبَ اللَّهُ نُورِهِمْ ... البقرة: ١٧
 /dhahaba Allāh-u bi- nūr-i -him/
 telah pergi ia (m) Allah dengan cahaya-mereka (m)
 '...tiba-tiba Allah padamkan api...' (M/1/83)

(117) ﴿ فَلَمَّا ذَهَبَ عَنْ إِبْرَاهِيمَ الرَّوْعُ ... ﴾ هود: ٧٤
 /fa lammā dhahaba ‘an ibrahīma al-raw‘u/
 maka apabila telah pergi ia (m) dari Ibrahim art-rasa takut
 'Dan apabila perasaan takut hilang dari Ibrahim...!' (M/8/555)

(118) ﴿ ثُمَّ ذَهَبَ إِلَىٰ أَهْلِهِ يَتَمَطَّى ﴾ القيامة: ٣٣
 /thumma dhahaba ilā ahli -hi
 kemudian telah pergi ia (m) kepada keluarga-nya (m)
 ya- tamattā/
 ia (m) berjalan dengan sombong/
 'Kemudian dia pergi kepada keluarganya berjalan dengan lagak yang
 sombong' (M/16/582)

Dalam ketiga contoh di atas, KK ذَهَبَ /dhahaba/ dengan KSN بـ /bi/ yang menerbitkan makna "padamkan", dengak KSN عَنْ /‘an/ yang menerbitkan makna "hilang" dan dengan KSN إِلَىٰ /ilā/ yang menerbitkan makna "pergi".

KK yang diikuti KSN ini dapat berupa KK Tak Transitif (KKTT) yang dalam bahasa Arab dikenal dengan nama لَازِمٌ /lāzim/, iaitu yang tidak memerlukan objek dan dapat berupa KK Transitif (KKT) iaitu yang memerlukan objek yang dalam bahasa Arab dikenal dengan nama مُتَعَدِّيٌ /muta‘addī/. Untuk memudahkan pelajar bahasa Arab mengenali KKTT yang menjadi KKT dengan bantuan KSN, Mūsā bin Muḥammad bin al-Malyanī al-Aḥmadī (1986) telah membuat sebuah kamus yang bertajuk مُعْجَمُ الْأَفْعَالِ الْمُتَعَدِّيَةِ بِحَرْفِ /mu‘jam al-af‘āl al-muta‘addiyaṭ bi ḥarf/ 'Kamus Kata Kerja yang Menjadi Transitif dengan Partikel/Artikel'. Namun, tidak seluruh KKTT yang menjadi KKT termuat dalam kamus ini. Untuk itu, beberapa kamus lainnya dijadikan rujukan tambahan dalam penyelidikan ini.

Jika kehadiran KSN setelah KKTT akan mengubahnya seakan menjadi KK Transitif (KKT), maka bila KSN yang berkombinasi dengan KKTT akan mengubahnya dari berobjek satu menjadi berobjek dua atau lebih. Berikut contoh-contoh Kolokasi KKTT + KSN:

- (119) (A/1/54)
 تَطَعَى عَلَى قِيَمَةِ الْإِنْسَانِ
 /ta- tḡhā ‘alā qīmat-i al -insān-i/
 ia (f) melampai batas atas nilai art-manusia
 KK KSN FN
 '...mengatasi nilai manusia...'
 KK FN (M/1/103)
 '...mengalahkan nilai manusia...'
 KK FN (I/1/64)
- (120) (A/1/56)
 ثُمَّ يَتَحَدَّثُ عَنِ الْأَرْضِ
 /thumma ya-taḥaddath-i ‘an-i al-arḍ-i/
 kemudian ia (m) berbicara tentang art-bumi
 KK KSN KN
 'Kemudian ia memperkirakan tentang bumi ...'
 KK KSN KN (M/1/107)
 'Kemudian membicarakan bumi...'
 KK KN (I/1/66)
- (121) (A/1/55)
 يَنْظُرُ فِي هَذَا الْقُرْآنِ
 /ya- nḡur-u fī hādhā al-qur‘ān-i/
 ia (m) melihat dalam ini (m) art-qur'an
 KK FS KN
 '...mengkaji al-Qur'an...'
 KK FN (M/1/107)
 '...memperhatikan Al-Qur'an ini...'
 KK FN (I/1/66)
- (122) (A/1/55)
 لَا يَعْتَمِدُ عَلَى الْخَلْقِ
 /lā ya- ‘tamid-u ‘alā al-khalq-i/
 tidak ia (m) bergantung atas art-ciptaan...'
 FK KSN KN
 '...tidak bergantung kepada ciptaan yang diada-adakan...'
 FK KSN FN (M/1/107)
 '...bukan mengada-ada...'
 FK (I/1/66)
- (123) (A/1/55)
 يَكْشِفُ عَنْ حَقِيقَةِ
 /ya -ksyif-u ‘an ḡaqīqat-i/
 ia (m) mendedahkan tentang hakikat
 KK KSN KN
 '... mendedahkan hakikat...'
 KK KN (M/1/107)
 '...mengungkapkan hakikat...'
 KK KN (I/1/66)

- (124) جَاءَ بِهِ الْإِسْلَامُ (A/1/352)
- /jā'a bi -hi al-islām-u/
telah datang ia (m) dengan-nya (m) art-Islam
 FK FS KN
 '...dibawa oleh Islam...'
 KK KSN KN (M/2/205)
 '...dibawa oleh Islam...'
 KK KSN KN (I/2/17)
- (125) حَتَّى نَلِمَ بِثَلَاثَةِ خُطُوطٍ (A/1/357)
- /ḥattā nu- limma bi- thalāthaṭ-i khuṭūṭ-in/
 sehingga kita memahami dengan tiga garis-garis
 KK KS FN
 '...sehingga kita kumpulkan tiga garis...' (M/2/219)
 KK FN
 '...sebelum kita kemukakan tiga langkah...' (I/2/22)
 KK FN
- (126) يَتَمَشَّى مَعَنَا (A/1/357)
- /ya-tamasysyā ma'a -nā/
 ia (m) bersetuju beserta kami/kita
 KK FS KGN
 '...sesuai dengan kami...' (M/2/243)
 KA KSN KGN
 '...yang kami hadapi...'
 FK (I/2/31)
- (127) فَلَا يَسْمَحُونَ لَهَا بِالْوُجُودِ (A/1/370)
- /fa lā ya-smah-ūna la -hā
 maka tidak mereka (m) membenarkan bagi-nya (f)
 KK FS
 bi al -wujūd-i/
dengan art-wujud
 FS
 'Oleh kerana itu mereka tidak membenarkan hakikat-hakikat itu' (M/2/257)
 KK FN
 wujud ...'
 KA
 'Sehingga, mereka tidak membenarkan sesuatu...'
 KK KN (I/2/37)

(128)	يُشْفِقُ مِنَ الْعَوْدَةِ	(A/1/371)
	/yu- syfiq-u min-a l- 'awdat-i/ ia (m) <u>berwaspada</u> <u>dari</u> art- <u>kembali</u> FK KSN KN	
	'...ia <u>merasa bimbang dan takut</u> kembali...'	(M/2/258)
	FK KN	
	'... <u>merasa sangat sayang</u> <u>kalau</u> <u>kembali</u> ...'	(I/2/38)
	FK KH KK	

Dalam tatabahasa Melayu KN dapat menjadi transitif dengan menambah akhiran *-kan*. Misalnya, KN "*kata*" yang dalam ayat boleh hadir dengan beberapa imbuhan lain, seperti *mempeR-* sehingga menjadi "*memperkatakan*" (Nik Safiah Karim, *et al*, 2006: 177). Kamus Dewan memberi dua definisi untuk KK "*mempertahankan*" dengan contoh masing-masing:

1. melahirkan (dgn kata-kata), mempercakapkan, menceritakan: *terasa senang hatinya sebab ia dapat memperkatakan apa yang tersimpan di dalam hatinya; dan sepanjang hari itu orang memperkatakan hal itu;*
2. membincangkan, membicarakan: *mereka berkumpul memperkatakan dagangan mereka pada hari itu; memperkatakan masalah penulisan yang serius; memperkatakan kesusasteraan rakyat.* (Noresah bt. Baharom, *et al*, 2005: 686)

Untuk itu, jika merujuk kepada Tatabahasa Dewan dan Kamus Dewan, penggunaan KSN "*tentang*" setelah KKT "*memperkatakan*" seperti dalam contoh (120) di atas adalah sebagai gangguan tatabahasa Arab dalam tatabahasa Melayu seperti yang pernah dibahas oleh Dr. Ph. S. Van Ronkel (1977) dalam bukunya *Mengenai Pengaruh Tatakalam Arab terhadap Tatakalam Melayu*, terjemahan Dra. A. Ikram. Salah satu contoh yang dikemukakan oleh Van Ronkel مَرَرْتُ عَلَى قَوْمٍ /marrar-tu 'alā qawm/ yang diterjemahkan menjadi "*aku lalu atas kaum*". Selain Van Ronkel, Asmah Haji Omar (1991) juga membahas pengaruh tatabahasa Arab terhadap bahasa Melayu dalam bukunya *Bahasa Melayu Abad Ke-16: Satu Analisis*

Berdasarkan Teks Melayu 'Aqa'id Al-Nasafi. Mengikuti penjelasan Asmah Haji Omar, penggunaan KSN "tentang" seperti dalam contoh (120) adalah berfungsi sebagai "pengantar objek". Menurut beliau, penggunaan KSN "tentang" seperti dalam ayat *Saya sudah tahu tentang hal itu*, adalah penggunaan bahasa yang lebih formal berbanding dengan ayat *Saya sudah tahu itu* (Asmah Haji Omar, 1991: 60).

Dalam contoh (125) KK نُئِمَّ /nu- limma/ berkolokasi dengan KSN بِ /bi/. Menurut Anīs *et al* (1973: 2/840) أَلَمَّ بِالْمَعْنَى /alamma bi al-ma'nā/ ertinya عَرَفَهُ /'arafahu/, maksudnya 'mengetahui makna'. KK أَلَمَّ /alamma/ ini juga boleh muncul tanpa berkolokasi dengan KSN: أَلَمَّ الشَّيْءُ /alamma al-syay'u/ yang bererti قَرُبَ /qaruba/ 'mendekat'. Makna 'kumpulkan' dalam contoh (125) diambil dari KK لَمَّ جَمَعَهُ جَمْعاً شَدِيداً /lamma al-syay'a/ yang dijelaskan oleh Anīs dengan makna جَمَعَهُ جَمْعاً شَدِيداً /jama'a-hu jam'-an syadīd-an/ 'mengumpulkannya dengan keras'. Oleh itu, terjemahan yang benar dari contoh (125) di atas adalah '...sehingga kita mengetahui tiga garis...'.
 Pada contoh (126) kombinasi KK + KSN + Kata Ganti Nama (KGN) يَتَمَشَّى مَعَنَا /ya-tamasysyā ma'a-nā/ yang secara harfiah bererti 'ia (m) bersetuju beserta kami/kita' dalam terjemahan Melayu-Indonesia mendapat padanan 'yang kami hadapi', sebuah padanan yang tampak terlalu jauh dari apa yang dimaksud dalam TS.

KK سَمَحَ seperti dalam contoh (122) berkolokasi dengan dua KSN, iaitu لِ /li/ yang lekat dengan objek pertama dan بِ /bi/ dengan objek kedua. Abd. Rauf Dato' Haji Hassan (2005: 188) telah melakukan perkara yang sangat elok manakala menjelaskan kata سَمَحَ /samaḥa/:

1 membenarkan; mengizinkan. 2 membolehkan

سَمَحَ - يَسْمَحُ لَهُ بِ

KK يُشْفِقُ /yu-syfiq-u/ pada contoh (128) mendapat padanan yang berbeza antara terjemahan Melayu-Malaysia dan Melayu-Indonesia. Dalam terjemahan Melayu-Malaysia berpadanan dengan 'merasa bimbang dan takut', sedang dalam terjemahan Melayu-Indonesia berpadanan dengan 'merasa sangat sayang'. Kamus ekabahasa لِسَانُ الْعَرَبِ /lisān al-'Arab/ membezakan makna KK يُشْفِقُ /yu-syfiq-u/ bergantung pada FS setelahnya (Ibn Manẓūr, 1996: 10/179): أَشْفَقَ عَلَيْهِ /asyfaqa 'alayhi/ bererti حَذَرَ /hadhira/ 'waspada', sedangkan أَشْفَقَ مِنْهُ /asyfaqa minhu/ bererti جَزِعَ /jazi'a/ 'gelisah, risau'. Pembezaan makna juga berlaku pada kamus ekabahasa yang lain, iaitu الْمُعْجَمُ الْوَسِيطُ /al-mu'jam al-wasīṭ/ menjelaskan bahawa KK يُشْفِقُ /yu-syfiq-u/ ketika berkombinasi dengan FS مِنْهُ /min-hu/ maknanya adalah خَافَهُ وَحَذَرَ مِنْهُ /khāfa-hu wa ḥadhira min-hu/ 'takut kepadanya dan waspada terhadapnya', dan jika berkombinasi dengan FS عَلَيْهِ /'alay-hi/ maka maknanya adalah عَظَفَ وَخَافَ عَلَيْهِ /'aṭafa wa khāfa 'alay-hi/ 'berasa belas kasihan dan khuatir terhadapnya' (Anīs *et al*, 1973: 1/487).

Kata مُشْفِقُونَ /musyfiq-ūna/ seperti yang tercantum dalam ayat 49 dari surah al-Anbiyā' adalah kata terbitan dari KK يُشْفِقُ /yu-syfiq-u/ dalam bentuk jamak.

﴿... وَهُمْ مِنَ السَّاعَةِ مُشْفِقُونَ﴾ ﴿٤٩﴾ ﴿الأنبياء: ٤٩﴾

/wa hum min al- sā'at-i musyfiq-ūna/

dan mereka (m) dari art-hari qiamat berasa takut dan waspada

'...dan mereka sentiasa menaruh kebimbangan kepada hari Qiamat' (M/11/53)

Dari penjelasan di atas tampak bahwa terjemahan Melayu-Malaysia pada contoh (128) di atas lebih mendekati apa yang dimaksudkan oleh TS, berbanding dengan terjemahan Melayu-Indonesia

Berikut adalah contoh-contoh KKT yang berkombinasi dengan KSN atau FS:

- (129) قَبْلَ أَنْ يَأْمُرَهُ اللَّهُ بِقِتَالٍ (A/1/381)
- /qabl-a an ya- 'mur-a -hu Allāh-u
sebelum art ia (m) memerintah-nya (m) Allah
FK
- bi qitāli/
dengan memerangi
FS
- '...sebelum beliau diperintah memerangi...' (M/2/285)
FK
- '...sebelum Allah memerintahkannya memerangi...' (I/2/50)
FK
- (130) يَفْؤُدُنَا إِلَىٰ اِعْتِبَارِ الْاِنْسَانِ (A/1/398)
- /ya- qūd-u -nā ilā 'tibār-i al- insān-i/
ia (m) membawa-kita kepada penganggapan art manusia
FK KSN FN
- '...membawa kita menganggapkan manusia itu...' (M/2/329)
FK FK
- '...membawa kita untuk menetapkan manusia...' (I/2/71)
FK KSN FK
- (131) يُخْبِرُنَا عَنْ نَشْأَةِ (A/1/398)
- /yu-khbiru -nā 'an nasy'at-i/
ia (m) menjelaskan-kita tentang kejadian
FK KSN KN
- '...menjelaskan kepada kita tentang kejadian...' (M/2/329)
KK FS FS
- '...memberitahukan kepada kita tentang adanya rahasia
kehidupan...' (I/2/71)
KK FS FS
- (132) يَصُدُّ النَّاسَ عَنْ دِينِ اللَّهِ (A/1/402)
- /ya- ṣuddu al- nās-a 'an dīn-i Allāh-i
ia (m) menghalangkan art-orang dari agama Allah
KK KN FS
- '...menghalangkan orang lain dari agama Allah...' (M/2/340)
KK FN FS

- '...menghalang-halangi orang lain untuk memeluk agama (I/2/76)
 KK FN FS
 Allah...'
- (133) يُحَذِّرُ الْجَمَاعَةَ الْمُسْلِمَةَ مِنْ هَذَا الْمَرْقِ الرَّبِيِّ (A/1/419)
 /yu- ḥadhdhir-u al-jamā‘at-a al-muslimat-a
 ia (m) memberi amaran art-jamaah art-muslimah
 FK FN
 min hādhā al-mazlaq-i al-wabī’-i/
 dari ini (m) art-tempat tergelincir art-berpenyakit
 FS
 '...mengingatkan kaum Muslimin ...tentang tempat gelincir (M/2/385)
 KK FN FS
 yang merbahaya ini...'
 '...memperingatkan seluruh jamaah dari sikap licik...'
 KK FN FS (I/2/96)
- (134) فَيُحَرِّمُ عَلَيْهِ التَّزْوُجَ مِنْ أُمَّهِ (A/1/608)
 /fa- yu- ḥarram-u ‘alay-hi al-tazawwuj-u
 maka ia (m) diharamkan atas-nya (m) art-berkahwin
 KK FS KN
 min ummi-hi/
 dari ibu -nya (m)
 FS
 'Oleh itu diharamkan kepada lelaki berkahwin (M/3/240)
 KK FS KK
 dengan ibu isterinya...'
 FS
 'Karena itu, haram bagi seseorang nikah dengan ibu...' (I/2/310)
 KA FS FK
- (135) فَلَا يَحِلُّ لَهُ صَيْدُهَا (A/1/847)
 /fa- lā ya-ḥill-u la -hu ṣaydu -hā/
 maka tidak ia (m) halal bagi-nya (m) buruan-nya (f)
 FA FS FN
 '...oleh sebab itu tangkapannya tidak halal dimakan oleh (M/4/184)
 FN FA
 tuannya...'
 '...buruan tersebut tidak halal bagi majikan...' (I/3/176)
 FN FA FS
- (136) وَكُتِبَ عَلَيْهِمُ الْخُلُودُ فِي الْعَذَابِ (A/1/947)
 /wa kutib-a ‘alay-him-u al-khulūd-u
 dan telah ditulis ia (m) atas-mereka (m) art-kekal
 FK FS KN
 fī al-‘adhāb-i/
 di dalam art-azab

- '...dan ditulis kekal di dalam azab Neraka...' (M/2/429)
FK
- 'Ditetapkan atas mereka bahwa mereka akan kekal di neraka...' (I/3/293)
KK FS FA
- (137) قَدْ أَجَلَىٰ بَنِي قَيْنُقَاءَ عَنْ جَوَارِهِ فِي الْمَدِينَةِ (A/1/534)
/qad ajlā bani qaynuqā'a 'an jiwār-i -hi
telah mengusir ia (m) bani qaynuqa' dari kejiranan-nya (m)
FK KN FS
fī al -madīnat-i/
di art-madinah
- '...mengusir keluar Bani Qaynuqa' dari Madinah...' (M/3/44)
FK KN FS
- '...telah mengusir Bani Qaynuqa' dari Madinah...' (I/2/233)
FK KN FS
- (138) وَيَدْعُوهُمْ إِلَى الْوَفَاءِ بِعَهْدِهِمْ (A/1/64)
/wa ya- d'ū -hum ilā al-wafā'i
dan ia (m) mengajak-mereka (m) kepada art-menunaikan
FK FS
bi- 'ahd-i-him/
dengan janji -mereka (m)
- 'Ia mengajak mereka menunaikan perjanjian mereka...' (M/1/129)
FK FK
- '...diserunya mereka untuk menunaikan janji mereka...' (I/1/76)
FK FS

KKT يَأْمُرُ /ya-'mur-a/ 'memerintah' dalam contoh (129) berkombinasi dengan KSN بِ/bi/ yang mendapat padanan *zero* sama ada dalam terjemahan Melayu-Malaysia atau Melayu-Indonesia. Demikian halnya dalam terjemahan Melayu-Malaysia untuk KSN إِلَى/ilā/ pada contoh (130), KSN عَلَى/alā/ pada contoh (136), dan KSN إِلَى/ilā/ pada contoh (138).

Sementara itu KSN yang mendapat padanan adalah: إِلَى/ilā/ 'untuk' (130), عَنْ/an/ 'tentang' (131), عَنْ/an/ 'dari' (terjemahan Melayu-Malaysia), dan 'untuk' (terjemahan Melayu-Indonesia) masing-masing pada contoh (132), عَنْ/an/ 'tentang' (terjemahan Melayu-Malaysia), dan 'dari' (terjemahan Melayu-Indonesia) pada

contoh (133), عَلَى/‘alā/ 'kepada' (terjemahan Melayu-Malaysia), dan 'bagi' (terjemahan Melayu-Indonesia) pada contoh (134), لِي/li/ 'oleh' (terjemahan Melayu-Malaysia), dan 'bagi' (terjemahan Melayu-Indonesia) pada contoh (135), عَلَى/‘alā/ 'atas' dalam terjemahan Melayu-Indonesia (136), عَنْ/‘an/ 'dari' dalam kedua-dua versi terjemahan (137), dan إِلَى/ilā/ 'untuk' dalam terjemahan Melayu-Indonesia (138).

KK أَخْبَرَ /akhbara/ seperti dalam contoh (131) pada umumnya berkolokasi dengan KSN بِ/bi/ sebagaimana dijelaskan dalam لِسَانُ الْعَرَبِ /Lisān al-‘Arab/:

وَأَخْبَرَهُ: نَبَأَهُ /wa khabbara-hu bi kadhā wa akhbara-hu: nabba’a-hu/. Maksudnya, khabbara-hu bi kadhā atau akhbara-hu bi kadhā maknanya adalah nabba’a-hu iaitu 'memberitahunya'. Penjelasan yang sama diberikan oleh kamus الْمُعْجَمُ الْوَسِيطُ /al-Mu‘jam al-Wasīṭ/ (Anīs *et al*, 1973: 1/214) ataupun dalam kamus الْمُعْجَمُ الْعَرَبِيُّ الْأَسَاسِيُّ /al-Mu‘jam al-‘Arabiy al-Asāsī/ (Jamā‘at min Kibār al-Lughawiyīn al-‘Arab, 1989: 377). Pemilihan KSN عَنْ/‘an/ untuk berkolokasi dengan KK أَخْبَرَ /akhbara/ yang dilakukan oleh Sayyid Quṭb juga terdapat di beberapa tempat lainnya dalam Tafsir *Fī Zīlāl al-Qur’ān*. Misalnya:

- (139) لِيُخْبِرَ بِنَفْسِهِ عَنْ قَاتِلِهِ (A/1/79)
 /li- yu- khbir-a bi- nafs-i-hi ‘an
 supaya ia (m) memberitahu dengan diri -nya (m) tentang
 qātili -hi/
 pembunuh-nya (m)
 '...dan menceritakan sendiri siapakah pembunuhnya yang (M/1/168)
 sebenar...'
 '...untuk menerangkan sendiri siapa pembunuhnya...' (I/1/95)
- (140) وَأَخْبَرْنَا الْقُرْآنَ الْكَرِيمَ عَنْ قَدْرِ مِنْ صِفَاتِهِمْ (A/1/1042)
 /wa akhbara -nā al- qur’ān-u al-karīm-u
 dan telah memberitahu ia (m)-kita art-qur'an art-mulia
 ‘an qadr-in min ṣifāt-i -him/
tentang kadar dari sifat-sifat mereka (m)
 '...dan al-Qur'anul-Karim telah menerangkan kepada kita (M/5/31)

sebahagian dari sifat-sifat mereka...'
 'Al-Qur'an memberitahkan kepada kita tentang beberapa sifat malaikat...'

(141) الَّذِي يُخْبِرُ بِهِ عَنِ الْمَاضِي (A/2/1134)

/al-ladhī yu- khbir-u bi -hi 'an
 yang (m) ia (m) memberitahu dengan-nya (m) tentang
 al- māḍī/
 art-masa silam

'...menceritakan masa silam...'

(M/5/264)

'...memberitahkan tentang masa lalu...'

(I/4/140)

Namun demikian, kolokasi KK أَخْبَرَ /akhbara/ dengan KSN بِ/bi/ juga banyak

ditemui dalam Tafsir *Fī Zilāl al-Qur'ān*. Misalnya:

(142) ثُمَّ يُخْبِرُهُمْ بِحَقِيقَةِ (A/1/471)

/thumma yu- khbir-u -hum bi- ḥaqīqat-i/
 kemudian ia (m) memberitahu-mereka (m) dengan hakikat

'Kemudian al-Qur'an menceritakan kepada mereka hakikat...'

(M/2/501)

'Kemudian beliau beritahukan kepada mereka bahwa hakikat...'

(I/2/157)

(143) وَيُخْبِرُنَا كَذَلِكَ بِمَا لَهُمْ مِنْ خَصَائِصِ الْحَيَاةِ (A/1/518)

/wa yu-khbir-u -nā kadhālika bi- mā
 dan ia (m) memberitahu-kita juga dengan apa

la- hum min khaṣā'is-i al- ḥayāt-i
 bagi-mereka (m) dari keistimewaan-keistimewaan art-hidup

'...juga menceritakan kepada kita bahawa mereka mempunyai ciri-ciri hidup...'

(M/3/5)

'Dia juga menginformasikan kepada kita mengenai beberapa kekhasan hidup...'

(I/2/214)

(144) فَيُخْبِرُ بِهِ نَبِيَّهُ (A/1/724)

/fa- yu- khbir-u bi -hi nabiyya-hu/
 maka ia (m) memberitahu dengan-nya (m) nabi -nya (m)

'...menyampaikan berita itu ... kepada nabi mereka...'

(M/3/498)

'...segera menyampaikannya kepada Nabinya...'

(I/3/39)

(145) أَخْبَرَ اللَّهُ رَسُولَهُ [ص] بِأَمْرِهِمْ (A/1/894)

/akhbara Allāhu rasūl-a-hu [ṣ]
 ...telah memberitahu ia (m) Allah rasul- Nya (m) s.a.w,

- bi- amr-i - him/
 dengan perkara-mereka (m)
 '...maka Allah telah memberitahu kepada beliau tentang (M/4/302)
 taktik-taktik...'
 'Allah memberitahu kepada beliau tentang seluruh urusan...'
 (I/3/233)
- (146) وَيُخَبِّرُ بِالْغَيْبِ (A/1/986)
- /wa yu-khbir-u bi al-ghayb-i/
 dan ia (m) memberitahu dengan art-perkara ghaib
 '...dan memberitakan perkara-perkara yang ghaib...'
 (M/4/522)
 '...menginformasikan tentang perkara gaib...'
 (I/3/337)

Demikian beberapa contoh yang memperlihatkan kombinasi KK sama ada dengan KSN atau KSN, makna KK tersebut berkisar antara "*menceritakan*", "*menerangkan*", "*memberitakan*", "*memberitahu(kan)*", "*menginformasikan*", atau "*menyampaikan*", sedangkan KSN بِ/ bi/ atau /KSN عَنْ/ 'an/, terkadang diterjemahkan dan terkadang tidak diterjemahkan. Ketika diterjemahkan, padanan yang diberikan adalah: "*tentang*", "*bahwa*" (dalam terjemahan Melayu-Indonesia), dan "*mengenai*".

Pemadanan KSN عَلَى/ 'alā/ dengan KSN 'atas' seperti dalam contoh (136) terjemahan Melayu-Indonesia merupakan pengaruh tatabahasa Arab terhadap bahasa Melayu seperti yang diisyaratkan oleh Van Ronkel (1977) dan Asmah Haji Omar (1991). Dalam teks Melayu 'Aqa'id Al-Nasafi, Asmah Haji Omar menemukan penggunaan KSN "*atas*" yang merupakan terjemahan harfiah dari KSN عَلَى/ 'alā/.

Misalnya:

'...rahmat Allah *atas* pesuruh-Nya'
 '...dan sembahyang kita *atas* segala salih dan fasiq'

Menurut Asmah Haji Omar (1991: 67), dalam bahasa Melayu sekarang ini, KSN *atas* dalam contoh pertama boleh digantikan dengan *untuk* atau *kepada*,

sedangkan dalam contoh kedua kata tersebut boleh digantikan dengan KSN *untuk*, sehingga kedua ayat tersebut menjadi:

'...rahmat Allah *untuk* pesuruh-Nya'
'...rahmat Allah *kepada* pesuruh-Nya'
'...dan sembahyang kita *untuk* segala salih dan fasiq'

Oleh kerana itu, penggunaan KSN "*atas*" dalam contoh (136) terjemahan Melayu-Indonesia akan lebih elok jika diberi ganti dengan "*kepada*":

'Ditetapkan *kepada* mereka bahwa mereka akan kekal di neraka'

Jika dalam terjemahan Melayu-Indonesia terdapat terjemahan harfiah KSN عَلَى/‘alā/ menjadi KSN "*atas*", -- maka masih dalam contoh (136) – terjemahan harfiah juga berlaku dalam terjemahan Melayu-Malaysia untuk KK كُتِبَ/kutiba/ yang diterjemahkan menjadi "*ditulis*".

Dalam data, ditemui bahawa KK كَتَبَ/kataba/ boleh berkombinasi sama ada dengan KSN عَلَى/‘alā/ atau KSN لِي/li/. Di antaranya:

(147) فَلَمَّا كُتِبَ عَلَيْهِمُ الْقِتَالُ تَوَلَّوْا إِلَّا قَلِيلًا مِّنْهُمْ (A/1/262)

/fa lammā kutiba ‘alay-him
maka apabila telah dituliskan atas-mereka (m)
al- qitāl-u ta-wallaw illā qalīl-an
art-pertempuran mereka berpaling melainkan sedikit
min-hum/
dari mereka (m)

'Maka apabila peperangan telah diwajibkan ke atas mereka, mereka berpaling darinya kecuali sedikit sahaja dari mereka'. (M/2/11)

'Maka, tatkala perang itu diwajibkan atas mereka, mereka pun berpaling, kecuali beberapa orang saja di antara mereka'. (I/1/312)

- (148) وَكَتَبَ عَلَيْهِمُ الذَّلَّةُ (A/1/65)
 /wa kataba 'alay-him al- dhillat-u/
 dan telah menulis ia (m) atas-mereka (m) art-kehinaan
 '...dan diterapkan kehinaan ke atas mereka...'
 '...ditimpakan kehinaan atas mereka...'
- (149) وَكَتَبَ السُّخْطَ وَاللَّعْنَةَ عَلَى بَنِي إِسْرَائِيلَ (A/1/947)
 /wa kataba al- sukhṭa wa al- la'nat-a
 dan telah menulis ia (m) art-kemarahan dan art-kutukan
 'alā banī isrā'īla/
atas bani Israel/
 '...dan mengenakan kemurkaan dan laknat ke atas Bani
 Israel'.
 '...dan menetapkan kemurkaan dan kutukan kepada Bani
 Israel'.
- (150) التَّكَالِيفِ وَالْأَحْكَامِ . فَلَمَّا كَتَبَهَا اللَّهُ عَلَيْهِمْ (A/1/986)
 /al- takālīf-i wa al- aḥkām-i.
 art-perintah-perintah dan art-hukum-hukum
 fa lammā kataba -hā allāh-u
 maka apabila telah menulis ia (m)-nya (f) Allah
 'alay-him
atas-mereka (m)
 '...berbagai perintah dan hukum-hukum dan apabila perintah-
 perintah dan hukum-hukum itu diwajibkan ke atas mereka...
 '...tugas-tugas dan hukum-hukum. Maka ketika Allah
mewajibkannya kepada mereka...'

Kombinasi KK كَتَبَ /kataba/ + KSN لِي /li/ digunakan dalam teks al-Qur'an:

- (151) ﴿... فَأَلْزَمْنَا بَشَرَهُنَّ وَابْتَعُوا مَا كَتَبَ اللَّهُ لَكُمْ...﴾ البقرة: ١٨٧
 /fa al-āna
 maka sekarang
 bāsyirū -hunna
 lakukanlah hubungan kelamin dengan mereka (f)
 wa btaghū mā kataba allāhu la -kum/
 dan carilah apa telah menulis ia (m) Allah untuk-mu (m)
 'Maka sekarang lakukanlah hubungan kelamin dengan
 mereka dan carilah kenikmatan yang telah ditetapkan Allah
 untukmu.'
 'Maka, sekarang, campurilah mereka dan carilah apa yang
 telah ditetapkan Allah untukmu...'

Sebagaimana juga digunakan dalam pentafsiran:

(152) وَالْمُسْلِمُ يَبْتَغِي هَذَا الْحَالِ الَّذِي كَتَبَهُ لَهُ رَبُّهُ (A/1/242)

/wa al- muslim-u ya-btaghī hādhā al- ḥalāl-a al-ladhī
dan art-orang Islam ia-mencari ini (m) art-halal yang (m)
kataba -hu la -hu rabb-u-hu/
telah menulis ia (m)-nya (m) bagi-nya (m) Tuhan-nya (m)

'Orang muslim mencari yang halal dan yang ditetapkan
untuknya oleh Allah itu...'
(I/1/287)

'...dan kewajiban seorang Muslim ialah mencari apa yang
telah ditetapkan oleh Tuhannya...'
(M/1/575)

(153) وَكَتَبَ لَهُمُ الْجَنَّةَ جَزَاءً لَهُمْ (A/1/963)

/wa kataba la -hum al-jannat-a
dan telah menulis ia (m) bagi-mereka (m) art-syurga
jazā'-an la -hum/
balasan bagi-mereka

'... dan menetapkan Syurga sebagai balasan untuk mereka...'
(M/4/461)

'...dan dipastikan-Nya surga bagi mereka sebagai balasan
untuk mereka
(I/3/310)

Dari contoh-contoh di atas tampak bahawa KK كَتَبَ /kataba/ boleh berkombinasi dengan KSN عَلَى /'alā/ dan juga dengan KSN لِي /li/. Padanan yang diberikan untuk KK كَتَبَ /kataba/ terkadang "*menetapkan*", "*mewajibkan*". Yang menarik untuk dicermati adalah objek KK كَتَبَ /kataba/ tersebut. Objek dengan kombinasi KK كَتَبَ /kataba/ + KSN عَلَى /'alā/ : "*perang*", "*kehinaan*", "*kemurkaan dan laknat*", "*tugas-tugas dan hukum-hukum*", sedangkan objek dengan kombinasi KK كَتَبَ /kataba/ + KSN لِي /li/ : "*keni'matan*", "*yang halal*", dan "*syurga*". Kenyataan ini menegaskan apa yang dikatakan oleh Ibn Jinniy (1913: 2/271, 311) bahawa KSN عَلَى /'alā/ digunakan untuk makna yang mengandung perkara yang tidak disukai dan KSN لِي /li/ untuk makna yang mengandung perkara yang disukai.

6.1.1.3 Kolokasi FS:

Kolokasi ini terdiri dari KSN dan KN atau Kata Ganti Nama Tunjuk (KGNT)

yang membentuk sebuah frasa yang disebut Frasa Sendi Nama (FS). Contoh:

- (154) عَلَى الْحَدِّ الْأَدْنَى (A/1/21)
 /‘alā al- ḥadd-i al- adnā/
 atas art-had art-yang terendah
 '...sekurang-kurangnya...'
 '...minimal...'
 (M/1/21)
 (I/1/25)
- (155) فَمِنْ الْجَائِزِ أَنْ يُوصَفَ عَبْدٌ مِنْ عِبَادِهِ (A/1/22)
 /fa min-a al- jā'iz-i an yū-ṣaf-a 'abd-un
 maka dari art-diizinkan art ia (m) disifatkan hamba
 min 'ibād-i -hi/
 dari hamba-hamba-nya (m)
 'Mana-mana hamba Allah boleh disifatkan...'
 'Maka, boleh saja seorang hamba di antara hamba-hamba-
 Nya disifati...'
 (M/1/22)
 (I/1/26)
- (156) مَعَ هَذَا (A/1/38)
 /ma‘a hādhā/
 bersama ini (m)
 '...namun demikian...'
 'Namun demikian...'
 (M/1/64)
 (I/1/46)
- (157) عَلَى الرَّغْمِ مِنْ (A/1/59)
 /‘alā al-raghm-i min/
 atas art-walaupun dari
 'Walaupun ...'
 'Namun demikian,...'
 (M/1/116)
 (I/1/70)
- (158) فِي حَاجَةٍ إِلَى (A/1/68)
 /fi ḥājat-in ilā/
 dalam keperluan kepada
 '...memerlukan kepada ...'
 '...membutuhkan...'
 (M/1/139)
 (I/1/82)
- (159) فَمِنْ بَابِ أَوْلَى يَنْحَرِفُونَ عَنِ الْحَقِّ (A/1/84)
 /fa- min bāb-i awlā ya-nḥarif-ūna 'an
 maka dari bab utama mereka (m) menyeleweng dari

	al-ḥaqq/ art-kebenaran	
	'Mereka yang seperti ini <u>tentulah</u> menyeleweng lebih jauh lagi dari kebenaran...'	(M/1/183)
	' <u>Sudah tentu</u> mereka lebih berpaling lagi dari kebenaran...'	(I/1/102)
(160)	مَعَ الْأَسْفِ /ma'a al-asaf-i/ bersama art-kesedihan	(A/1/414)
	'...malangnya...'	(M/2/373)
	'...dengan amat disayangkan...'	(I/2/91)
(161)	بِعَضِّ النَّظَرِ عَنْ اِعْتِبَارَاتِ /bi-ghadd-i al-nazar-i 'an 'tibārāt-i/ dengan merendahkan art-pandangan dari anggapan-anggapan	(A/1/467)
	'...tanpa mengira ...'	(M/2/492)
	'...dengan tidak melihat...'	(I/2/153)
(162)	بِالِإِضَافَةِ إِلَى /bi al-idāfat-i ilā/ dengan art-penambahan kepada	(A/1/559)
	'...di samping...'	(M/3/102)
	'...di samping...'	(I/2/261)
(163)	أَمْرٌ مُّحَابَاةٍ لِّجِنْسٍ عَلَى حِسَابِ جِنْسٍ /amr-a muḥābat-in li jins-in 'alā ḥisāb-i jins-in perkara pilih kasih bagi jenis <u>atas hitungan</u> jenis	(A/1/591)
	'...sikap pilih kasih terhadap jenis lelaki <u>dengan mengorbankan</u> jenis perempuan ...'	(M/1/35)
	'...sikap pilih kasih berdasarkan jenis kelamin...'	(I/2/290)

Dari contoh-contoh di atas tampak bahawa KSN dalam TS mendapat padanan yang beragam. Contoh (154), (155), (156), (158), dan (159) versi terjemahan Melayu-Indonesia memperlihatkan bahawa KSN mendapat padanan *zero*. Pepadanan KSN إِلَى /ilā/ dengan KSN "kepada" dalam terjemahan Melayu-Malaysia pada contoh (158) merupakan terjemahan harfiah dan boleh dianggap sebagai gangguan tatabahasa Arab dalam bahasa Melayu. KK "memerlukan" adalah Kata

Kerja Transitif yang tidak memerlukan kata bantu untuk mencapai objeknya. Terjemahan harfiah juga berlaku pada contoh (161) versi terjemahan Melayu-Indonesia. FS *بِعَضِّ النَّظَرِ عَنْ* /bi- ghaḍḍ-i al-naẓar-i ‘an/ diterjemahkan menjadi '*dengan tidak melihat*', padahal FS tersebut merupakan sebuah ungkapan idiomatis (Fāyid, 2007: 97) yang tidak dapat diterjemahkan kata per kata. Untuk ungkapan itu Fāyid memberikan penjelasan sebagai berikut:

بِعَضِّ النَّظَرِ عَنْ (كَذًّا) : مَعَ بَجَاهِلٍ، دُونَ اِعْتِبَارٍ لَهُ، دُونَ وَضْعِهِ فِي
الْحُسْبَانِ، بِتَرْكِهِ جَانِبًا، بِاِغْفَالٍ، دُونَ اِهْتِمَامٍ بِهِ.

/bi- ghaḍḍ-i al- naẓar-i ‘an kadhā: ma‘a
dengan merendahkan art-pandangan dari begini: dengan
tajāhul-in, dūna ‘tibār-in la -hu dūna
buat-buat tidak tahu tanpa mengira bagi-nya (m), tanpa
waḍ‘i -hi fī al- ḥusbān-i, bi -tarki -hi
meletakkan-nya (m) dalam art-anggapan, dengan meninggalkan-nya
jānib-an bi-ighfāl-i dūna ihtimām-in bi -hi
di samping, dengan mengabaikan, tanpa perhatian dengan-nya

Dalam bahasa Melayu-Malaysia, ungkapan itu padanannya adalah '*tanpa menghiraukan, tanpa memperdulikan*', atau '*tanpa mengira*'. Padanan yang sesuai dengan pengertian yang diberikan oleh Fāyid di atas.

Padanan dengan kategori yang sama tampak dalam terjemahan contoh (162) dan contoh (158) terjemahan Melayu-Malaysia. Pada contoh (162) dalam kedua-dua versi terjemahan sama-sama berkategori FS "*di samping*", sedangkan pada contoh (163) dalam terjemahan Melayu-Malaysia FS *عَلَى حِسَابٍ* /‘alā ḥisāb-i/ berpadanan dengan FS "*dengan mengorbankan*". FS dalam TS tersebut tidak mendapatkan padanan dalam terjemahan Melayu-Indonesia. Wehr (1980: 176) menjelaskan ungkapan tersebut sebagai berikut:

عَلَى حِسَابِ فُلَانٍ : to s.o.'s debit, at s.o.'s expense, to s.o.'s disadvantage;
'dengan merugikan orang lain, dengan mengorbankan orang lain'

Fāyid (2007: 325) memasukkan ungkapan tersebut ke dalam kelompok idiom.

6.1.1.4 Kolokasi KA + FS (Ket):

Kolokasi ini terdiri dari gabungan KA dan FS yang berfungsi sebagai Keterangan. Hoogland (2003) mengklasifikasikan kolokasi ini sebagai '*adjective + adverb*' dengan memberikan tiga contoh: (1) صَعْبٌ لِلْعَايَةِ /ṣa'b-un li al-ghāyat/ 'sangat sukar', (2) أَقَلُّ قِيَاساً بـ /aqall-u qiyās-an bi/ 'lebih sedikit berbanding dengan', dan (3) مَحْدُودٌ لِلْعَايَةِ /maḥdūd-un li al-ghāyah/ 'sangat terhad'. Meskipun perkataan *adverb* dapat dipadankan dengan kata adverba dalam bahasa Melayu-Malaysia, istilah adverba tidak digunakan dalam penyelidikan ini. Hal ini mengacu kepada pernyataan Nik Safiah Karim, *et al* (2006: xiv) bahawa golongan kata adverba tidak perlu dan tidak tepat bagi bahasa Melayu-Malaysia. Dalam bahasa Inggeris, adverba menerangkan KK dalam predikat, sedangkan dalam bahasa Melayu-Malaysia unsur keterangan tidak hanya terbatas pada menerangkan KK, kerana predikat ayat dalam bahasa Melayu-Malaysia bukan hanya terdiri daripada KK, melainkan juga struktur lain, seperti frasa adjektif "Pegawai itu *sibuk selalu*", atau frasa sendi nama: "Mereka *dengan segera* ke Johon Bahru".

Tentang contoh (2) yang diberikan oleh Hoogland, iaitu أَقَلُّ قِيَاساً بـ /aqall-u qiyās-an bi/, dalam penyelidikan ini tidak dikelompokkan pada jenis kolokasi KA + FS – Ket. Alasannya adalah bahawa bentuk Adjektif أَقَلُّ /aqallu/ yang berpola أَفْعَلُ /af'alu/ mempunyai perlakuan tersendiri kerana keterangannya bukan berbentuk

Frasa Sendi Nama. Untuk itu, jenis kolokasi seperti ini penulis tempatkan pada jenis kolokasi terasing (Lihat: 6.1.1.4 Kolokasi KA + KN (KA+KN) – Tamyīz). Berikut contoh Kolokasi KA + FS-Ket:

- (164) بَعِيدَةٌ عَنْ وَاقِعِنَا الْمُحَدَّدِ (A/1/349)
- /ba‘īdat-un ‘an wāqi‘-i-nā al -muḥaddad-i/
 jauh (f) dari realiti-kita art-tertentu
 KA FS (Ket)
 '...jauh dari realiti hidup kita yang tertentu...' (M/2/199)
 KA FS (Ket)
 '...jauh dari kenyataan kita yang terbatas...' (I/2/14)
 KA FS (Ket)
- (165) مُضْطَّرَّةٌ إِلَى التَّظَاهِرِ بِالْإِسْلَامِ (A/1/351)
- /muḍṭarrat-un ilā al- tazāhur-i bi al-islām-i/
 terpaksa (f) kepada art-berpura-pura dengan art-islam
 KA FS (Ket)
 '...terpaksa berpura-pura menganut Islam...' (M/2/202)
 KA Ket
 '...terpaksa berpura-pura menampakkan keislaman...' (I/2/15)
 KA Ket
- (166) وَهُمْ آمِنُونَ مِنْ عَزْمَةِ الْعَقِيدَةِ (A/1/354)
- /wa hum āmin-ūna min ‘azmat-i al- ‘aqīdat-i/
 dan mereka (m) aman dari ketegasan art-akidah
 KA FS (Ket)
 '...sedangkan mereka aman dari kekuatan 'aqidah...' (M/2/209)
 KA FS (Ket)
 '...sementara mereka merasa aman dari penaklukan
 FK FS (Ket)
 akidah...'
- (167) إِنَّهُ شَعْبٌ مُهَدَّدٌ بِالْإِنْقِرَاضِ (A/1/211)
- /inna -hu sya‘b-un muhaddad-un
 sesungguhnya ia (m) bangsa terancam (m)
 KA
 bi al -inqirād/
dengan art-kemusnahan
 FS (Ket)
 'Umat Sweden merupakan satu umat yang terancam (M/1/500)
 KA
dengan keputusan keturunan...
 FS (Ket)

	'Mereka adalah bangsa yang <u>terancam</u> kehancuran'	(I/1/251)
	KA KN (Ket)	
(168)	عَيْرٌ مَّقْصُورَةٌ عَلَى الشَّعَائِرِ	(A/1/257)
	/ghayr-u maqṣūrat-in 'alā al-sya'ā'ir-i/ tidak <u>terhadkan</u> (m) atas art-syiar-syiar/ KA FS (Ket)	
	'...tidak hanya <u>terbatas</u> pada upacara-upacara...'	(M/1/615)
	KA FS (Ket)	
	'...tidak <u>terbatas</u> pada ibadah-ibadah ritual saja...'	(I/1/306)
	KA FS (Ket)	
(169)	المَوْحَشَةُ بِالْفِرَاقِ	(A/1/259)
	/al-mūḥasyatu bi al- firāq-i/ art-berasa kesepian dengan art-perpisahan KA FS (Ket)	
	'...yang kesunyian kerana bercerai...'	(M/2/3)
	KA Ket	
	'...yang sedih karena perceraian itu...'	(I/1/308)
	KA Ket	
(170)	وَقَلْبُهُ مُطْمَئِنٌّ بِالْإِيمَانِ	(A/1/245)
	/wa qalbu-hu muṭm'in-un bi al-īmān-i/ dan hati -nya (m) tenang (m) dengan art-iman KA FS (Ket)	
	'...sedangkan hatinya tetap beriman...'	(M/2/191)
	KA Ket	
	'...sedang hatinya tetap mantap dalam iman...'	(I/1/403)
	FA FS (Ket)	

Kolokasi KA + FS (Ket) pada umumnya diterjemahkan mengikuti pola kolokasi dalam bahasa Arab, kecuali dalam contoh (165) dan (169) sama ada dalam terjemahan Melayu-Malaysia atau Melayu-Indonesia, bentuk FS tidak muncul, namun fungsinya sebagai Keterangan tetap wujud. Hal yang sama berlaku dalam contoh (170) versi terjemahan Melayu-Malaysia.

6.1.1.5 Kolokasi KA + KA:

Kolokasi ini terdiri dari dua buah KA atau lebih yang muncul tanpa Kata

Hubung apa pun. Contoh:

- (171) أَنَا الْعَبْدُ الْقَلِيلُ الصَّغِيرُ (A/1/11)
 /ana al-‘abd-u al- qalīl-u al- saḡhīr-u/
 aku art-hamba art-sedikit art-kecil
 KA KA
 ‘...seorang hamba yang amat kerdil dan amat kecil..’ (M/1/1)
 FA FA
 ‘...aku sejumput hamba yang kecil..’ (I/1/13)
 KA
- (172) هَذَا التَّكْرِيمُ الْعُلُوِّيُّ الْجَلِيلُ (A/1/11)
اشْتَرَاكَ / sehingga jika terjemahan itu mengikuti urutan asal ia akan berbunyi "penyertaan yang hebat". Sedangkan dalam terjemahan Melayu-Indonesia, KK اشْتَرَاكَ /isytaraka/ berpadanan dengan FK "bersekutunya", dan KA عَيْنِفَا /'anīf-an/ ini sama sekali tidak mendapat padanan. Kalaulah KA tersebut diterjemahkan, dan KK اشْتَرَاكَ /isytaraka/ diberi padanan yang lebih sesuai, maka terjemahannya akan berbunyi:

Pertarungan dan perseteruan ini tidak pernah reda sejak lahirnya Islam, khususnya sejak kedatangannya di Madinah dan berdirinya daulatnya di sana, yaitu pertarungan dan perseteruan yang diikuti oleh kaum musyrikin dan kaum Yahudi dengan sengitnya...!

Dalam contoh (258) FK لَا يَشْهَدُ عَلَيْهِ هَذِهِ الشَّهَادَةُ /lā ya-syhad-u 'alay-hi hādhihi al- syahādat-a/ dalam terjemahan Melayu-Malaysia berpadanan dengan FN "satu pengakuan yang tidak dibuat". KA الْآثِمَةُ /al- āthimat-a/ dalam TS sebenarnya merupakan penerang KNV الشَّهَادَةُ /al- syahādat-a/, dan bukannya penerang "orang", dan KA tersebut dalam terjemahan Melayu-Indonesia malah tidak diberi padanan sama sekali.

(A/1/440)
 فَخُنْ بِهَذَا نَشْهَدُ عَلَى الْإِسْلَامِ بِالْفُشْلِ وَالْمَسْخِ . حَيْثُ لَا
 يَشْهَدُ عَلَيْهِ هَذِهِ الشَّهَادَةُ الْآثِمَةُ مَنْ لَا يَزْعُمُونَ - مِثْلَنَا - أَتَهُمْ
 مُسْلِمُونَ

/fa naḥnu bi- hādḥā na- syhad-u
 maka kita/kami dengan ini (m) kami/kita memperakui
 'ala al- islām-I bi- al- fasyal-I wa al-maskh-I
 atas art-islam dengan art-kegagalan dan art-perubahan
 ḥaythu lā ya- syhad-u 'alay-hi hādhihi
 mana tidak ia(m) memperakui atas-nya (m) ini (f)
 al- syahādat-a al- āthimat-a man lā ya- z'am-ūna
 art-perakuan art-berdosa siapa tidak ia (m) mendakwa
 mithlu -nā anna-hum muslim-ūna/
 seperti-kita/kami bahawa-mereka (m) beragama Islam

'Dengan perbuatan ini bererti kita mengaku gagal dan memesongkan Islam, iaitu satu pengakuan yang tidak dibuat oleh orang yang berdosa dari mereka yang tidak mendakwa diri mereka sebagai orang-orang Islam seperti yang dilakukan oleh kita'. (M/2/425)

'Nah, dengan sikap seperti itu, berarti kita menganggap Islam itu lumpuh dan layak dihapuskan, padahal orang-orang yang tidak mengaku muslim saja tidak berpandangan demikian.' (I/2/119)

Apabila mengikut TS dengan cermat, maka terjemahan Melayu-Malaysia akan berbunyi:

'Dengan perbuatan ini bererti kita mengaku gagal dan memesongkan Islam, iaitu satu pengakuan yang berdosa yang tidak dibuat oleh mereka yang tidak mendakwa diri mereka sebagai orang-orang Islam seperti yang dilakukan oleh kita'.

Dan terjemahan Melayu-Indonesia:

'Nah, dengan sikap seperti itu, berarti kita menganggap Islam itu lumpuh dan layak dihapuskan, yaitu satu anggapan yang berdosa yang tidak dilakukan oleh orang-orang yang tidak mengaku muslim seperti kita.'

6.1.1.13 Kolokasi KN + FS:

Kolokasi ini terdiri dari Kata Nama + Frasa Sendi Nama. KN dapat berupa KN *Agentis* (*Nomina Agentis*) yang dalam bahasa Arab dikenal dengan اسم الفاعل /ism al-fā'il/, KN *Patientis* (*Nomina Patientis*) (Wright, 1979: i/194) yang dalam bahasa Arab dikenal dengan اسم المفعول /ism al-maf'ūl/, atau Infinitif, iaitu اسم مصدر /ism maṣdar/ (El-Dahdah, 1997: ٤-م) yang berkolokasi dengan FS. Contoh:

(260) وَ أَنَّ الْمُعْوَلَ عَلَيْهِ (A/1/27)

/wa anna al -mu'awwal-a 'alay-hi/
dan bahawa art-bergantung atas-nya (m)
KN FS

'Yang menjadi asas pegangan...' (M/1/36)
FK

'Ada satu hal yang perlu diperhatikan...' (I/1/33)
Klausa

- (261) يُشَدِّدُ الْقُرْآنُ فِي النَّهْيِ عَنْهَا (A/1/48)
- /yu- syaddid-u al- qur'ān-u fī al- nahy-I 'an- hā/
ia (m) mengeratkan art-qur'an dalam art-larangan dari-nya
(f) KN FS
- '...yang dilarang keras oleh al-Qur'an...'
FK (M/1/88)
- '...yang dilarang keras oleh Al-Qur'an...'
FK (I/1/57)
- (262) وَالْفَرِيقُ الْمُشَارُّ إِلَيْهِ (A/1/84)
- /wa al- fariq-u al -musyār-u ilay -hi/
dan art-golongan art-ditunjukkan kepada-nya (m)
KN FS
- 'Golongan yang dimaksudkan...'
FK (M/1/182)
- 'Golongan manusia yang diisyaratkan...'
FK (I/1/102)
- (263) وَأَعْرَفُهُمْ بِالْحَقِيقَةِ الْمُنَزَّلَةِ عَلَيْهِمْ (A/1/84)
- /wa a'raf-u -hum bi al- haqīqat-I
dan paling mengetahui-mereka (m) dengan art-hakikat
al -munazzalat-I 'alay-him/
art-diturunkan atas -mereka (m)
KN FS
- '...yang amat arif dengan hakikat-hakikat yang diturunkan
FK (M/1/182)
- kepada mereka...'
FS
- '...yang paling mengetahui dan mengerti hakikat sesuatu
yang diturunkan ...'
FK (I/1/102)
- (264) الْمَغْفُورُ لَهُ كُلُّ مَا يَعْمَلُ (A/1/85)
- /al -maghfūr-u la -hu kullu mā ya- 'mal-u/
art-diampuni (m) bagi-nya (m) semua apa ia (m) melakukan
KN FS
- '...yang diampunkan segala....yang telah mereka lakukan...'
FK (M/1/184)
- '...yang diampuni semua perbuatan...'
FK (I/1/103)
- (265) الْأَمْرُ بِالْمَعْرُوفِ (A/1/87)
- /al-amr-u bi al-ma'rūf-i/
art-perintah dengan art-diketahui
KN FS

- '...menyuruh mereka mengerjakan amalan-amalan yang baik...' (M/1/190)
FK FK
- '...melakukan amar ma'ruf...' (I/1/106)
FK
- (266) وَالنَّهْيُ عَنِ الْمُنْكَرِ (A/1/87)
/wa al -nahy-u 'an-I al- munkar-i/
dan art-larangan dari art-perlakuan yang mungkar
KN FS
'...dan melarang mereka melakukan perbuatan-perbuatan yang jahat...' (M/1/190)
FK FK
'...dan nahi munkar...' (I/1/106)
FN
- (267) خَاصُّ بَعْدَةِ الْمُتَوَفَّى عَنْهَا زَوْجُهَا (A/1/237)
/khāṣṣ-un bi- 'iddat-i al-mutawaffā 'an-hā
khusus dengan 'iddah art-wafat dari-nya (f)
KN FS
zawj-u-hā/
suami -nya (f)
'...khusus mengenai 'iddah perempuan yang kematian suaminya...' (M/1/564)
FN
'...khusus mengenai iddah wanita yang kematian suami.' (I/1/282)
FN
- (268) أَلْمَدْخُولُ بِهَا (A/1/259)
/al-madkhūl-u bi -hā/
art-dimasuki (m) dengan-nya (f)
KN FS
'...yang telah disetubuhi...' (M/2/3)
FK
'...yang sudah dicampuri...' (I/1/308)
FK
- (269) أَلنُّكُولُ عَنْهَا (A/1/266)
/al-nukūl-i 'an -hā/
art-berpaling dari-nya (f)
KN FS
'...mengelakkan diri darinya...' (M/2/21)
FK FS
'...menghindar darinya...' (I/1/316)
KK FS

(270)	الْمُنْبِثُ مِنْهَا	(A/1/283)
	/al-munbathiq-u min-hā/ <u>art-terpancar</u> <u>dari-nya (f)</u> KN FS	
	'...yang terbit dari risalah ini...'	(M/2/54)
	FK FS	
	'...yang bersumber dari risalah ini...'	(I/1/334)
	FK FS	

Dari contoh-contoh di atas kita mengetahui bahwa kolokasi KN + FS mendapat padanan dengan kategori yang berbeza. Pada umumnya bentuk KN dalam TS menjadi FK dalam TT sama ada dalam terjemahan Melayu-Malaysia atau terjemahan Melayu-Indonesia, sedangkan FS pada kebanyakan contoh mendapat padanan *zero*. Pada contoh (260) terjemahan Melayu-Indonesia Kolokasi KN + FS ini berpadanan dengan Klausa '*Ada satu hal yang perlu diperhatikan*'.

FS berpadanan dengan FS serupa berlaku pada contoh (263) terjemahan Melayu-Malaysia di mana FS عَلَيْهِمْ /alay-him/ berpadanan dengan FS 'kepada mereka', pada contoh (269) dalam kedua-dua versi terjemahan, FS عَنْهَا /'an-hā/ berpadanan dengan FS 'darinya', dan pada contoh (270), FS مِنْهَا /min-hā/ berpadanan dengan FS 'dari risalah ini'.

Pemadanan FS الْأَمْرُ بِالْمَعْرُوفِ /al-amr-u bi al-ma'rūf/ dengan '*melakukan amar maruf*' pada contoh (265) dan FS النَّهْيُ عَنِ الْمُنْكَرِ /al-nahyu 'an al-munkar/ dengan '*nahi munkar*' pada contoh (266) versi terjemahan Melayu-Indonesia, merupakan hasil penterjemahan fonologi (Catford, 1965: 56). Hal itu sengaja dipilih kerana ungkapan "*amar makruf dan nahi munkar*" telah dimasukkan sebagai salah satu entri dalam *Kamus Besar Bahasa Indonesia* (Tim Penyusun Kamus Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa, 1995: 30) yang diberi definisi:

- (273) التَّوْمُ الْمُسْتَعْرَقُ (A/1/287)
 /al-nawm-i al -mustaghraq-i/
art-tidur art-nyenyak
 KN KA
 '...tidur yang nyenyak...' (M/2/61)
 KN FA
 '...tidur lelap...' (I/1/338)
 KN KA
- (274) الْبَدْلُ السَّمْحُ (A/1/311)
 /al-badhli-i al-samḥ-i/
art-pemberian art-murah hati
 KN KA
 '...pengorbanan yang amat murah hati...' (M/2/115)
 KN FA
 '...pengorbanan yang toleran...' (I/1/366)
 KN FA
- (275) الْعَطَاءُ الْفَيَّاضُ (A1/311)
 /al-'ṭā'-i al -fayyād-i/
art-pemberian art-melimpah
 KN KA
 '...pemberian yang amat banyak...' (M/2/115)
 KN FA
 '...kedermawanan yang melimpah...' (I/1/366)
 KN FA
- (276) السِّتْرُ الْمُسْدَلُ (A/1/302)
 /al-sitr-a al-musdal-a/
art-tirai art-dilabuhkan
 KN KA
 '...tirai yang menutupi...' (M/2/94)
 KN FK
 '...tirai yang dilabuhkan...' (I/1/341)
 KN FK
- (277) الْأَزْمَاتُ الْاِقْتِصَادِيَّةُ (A/1/321)
 /al-azmāt-u al- iqtisādiyyat-u/
art-krisis-krisis art-ekonomi
 KN KA
 '...krisis-krisis ekonomi...' (M/2/139)
 FN
 '...krisis ekonomi...' (I/1/377)
 FN

banyak", dan "*kedermawanan yang melimpah*". Juga berpadanan dengan bentuk FN + FK seperti dalam contoh (276) dalam kedua-dua versi terjemahan "*tirai yang menutupi*" dan "*tirai yang dilabuhkan*". Selain itu, Kolokasi KN + KA ini juga berpadanan dengan bentuk FN seperti yang tampak dalam contoh (277) "*krisis-krisis ekonomi*" dan "*krisis ekonomi*", contoh (278) "*barang-barang pengguna*" dan "*barangnya*", dan dalam contoh (279) "*pertumbuhan ekonomi*". Sementara contoh terakhir, iaitu (280) memperlihatkan bahawa Kolokasi KN + KA dalam TS berubah menjadi KN dalam teks sasaran, "*pelacuran*".

Ungkapan yang terdapat dalam contoh (277) hingga (280) adalah termasuk "*borrowed collocation*" seperti yang diisyaratkan oleh Blau (1981) dan Fāyid (2006). Ungkapan *الأَزْمَاتُ الْاِقْتِصَادِيَّةُ* /al-azmāt al-iqtisādiyyat/ merupakan terjemahan dari *economic crisis*, *السَّلْعُ الْاِسْتِهْلَاكِيَّةُ* /al-sila‘-i al- istihlākiyyat-i/ terjemahan dari *consumer goods*, *النُّمُوُّ الْاِقْتِصَادِي* /al-numuww-i al-iqtisādiy/ terjemahan dari *economic growth*, dan *الرَّقِيقُ الْاَبْيَضُ* /al-raqiḳ-i al- abyad-i/ terjemahan dari *white-slavery*. Ungkapan terakhir termasuk dalam kategori idiom, kerana maknanya tidak dapat difahami dari kata per kata. Kamus *Macmillan English Dictionary For Advanced Learners* (Rundel, ed., 2002: 1637) mendefinisikan *white-slavery* dengan "*the illegal practice of forcing girls and young women to work as prostitutes in a foreign country*".

6.1.1.15 Kolokasi KN + KK:

Kolokasi ini terdiri dari KN dan KK. KN dalam kolokasi jenis ini dalam bentuk KN Tak Tentu (*Indefinite substantive* *اسْمٌ نَكِرَةٌ* /ism nakirat/). Contoh:

- (281) وُدٌّ يُسْتَعَادُّ (A/1/246)
- /wudd-in yu- sta'ād-u/
kasih ia (m) dikembalikan
 KN KK
 '...kasih sayang yang boleh dipulihkan...' (M/1/586)
 KN FK
 '...kasih sayang...' (I/1/292)
 KN
- (282) عَوَاطِفَ تُسْتَجَاشُ (A/1/246)
- /'awāṭif-a tu- stajāsy-u/
perasaan-perasaan ia (f) digerakkan
 KN KK
 '...sentimen yang baik yang boleh dirangsangkan...' (M/2/586)
 FN FK
 '...kelemahlembutan...' (I/1/292)
 KN
- (283) هَوَى يُطَاعُ (A/1/250)
- /haw-an yu- ṭā'-u/
nafsu ia (m) ditaati
 KN KK
 '...mengikut nafsu...' (M/1/595)
 KK KN
 '...mengikuti hawa nafsu...' (I/1/297)
 KK KN
- (284) شَهْوَةٌ تُسْتَجَابُ (A/1/250)
- /syahwat-an tu- stajāb-u/
nafsu syahwat ia (f) diperkenankan
 KN KK
 '...melayani kehendak keinginan...' (M/1/595)
 KK FN
 '...menuruti panggilan syahwat...' (I/1/297)
 KK FN
- (285) طِفْلَةٌ تُؤَادُّ (A/1/251)
- /ṭiflat-an tū- 'ad-u/
kanak-kanak perempuan ia (f) ditanam hidup-hidup
 KN KK
 '...kanak-kanak...ditanam hidup-hidup...' (M/1/597)
 KN FK
 '...anak-anak wanita dikubur hidup-hidup...' (I/1/298)
 FN FK

- (286) كَلَامٌ يُتْلَى (A/1/261)
 /kalām-un yu- t̤lā/
percakapan ia (m) dibaca
 KN KK
 '...kalam yang dibaca...' (M/2/7)
 KN FK
 '...bacaan...' (I/1/310)
 KN
- (287) نِزَامٌ يَحْكُمُ (A/1/562)
 /nizām-un ya-ḥkum-u/
peraturan ia (m) memerintah
 KN KK
 '...peraturan yang memerintah...' (M/3/117)
 KN FK
 '...peraturan yang mengatur...' (I/2/261)
 KN FK
- (288) مَنَهَجٌ يَتَحَكَّمُ (A/1/562)
 /manhaj-un ya- taḥkkaḥm-u/
sistem ia (m) mengawal
 KN KK
 '...sebuah sistem yang mengawal dan mengendalikan...' (M/3/117)
 FN FK
 '...manhaj yang dilaksanakan...' (I/2/261)
 KN FK
- (289) قِيَادَةٌ تُطَاعُ (A/1/562)
 /qiyādat-un tu- ṭā'-u/
kepimpinan ia (f) dita'ati
 KN KK
 '...satu kepemimpinan yang pasti dita'ati...' (M/3/117)
 FN FK
 '...kepemimpinan yang dipatuhi...' (I/2/261)
 KN FK
- (290) عُرْفًا يُطَاعُ (A/2/623)
 /'urf-an yu-ṭā'u/
kebiasaan ia (m) dipatuhi
 KN KK
 '...peraturan tradisi yang dipatuhi...' (M/3/223)
 FN FK
 '...tradisi yang dipatuhi...' (I/2/326)
 KN FK

Contoh-contoh di atas memperlihatkan bahawa Kolokasi KN + KK mendapat padanan yang beragam. Bentuk KK dalam TS pada umumnya berubah menjadi FK dalam TT, sedangkan KN berubah menjadi FN seperti dalam contoh (282) terjemahan Melayu-Malaysia "*sentimen yang baik*", contoh (285) terjemahan Melayu-Indonesia "*anak-anak wanita*", contoh (288) terjemahan Melayu-Malaysia "*sebuah sistem*", contoh (289) terjemahan Melayu-Malaysia "*satu kepimpinan*", dan contoh (290) terjemahan Melayu-Malaysia "*peraturan tradisi*".

KK يُسْتَعَادُّ /yu-sta'ād-u/ dalam contoh (281) dan تُسْتَجَاشُ /tu-stajāsy-u/ dalam contoh (282) tidak mendapatkan padanan dalam terjemahan Melayu-Indonesia, padahal kedua-kedua KK tersebut berfungsi memberikan penjelasan terhadap KN sebelumnya.

Bentuk padanan yang merupakan kebalikan dari bentuk dalam TS berlaku dalam contoh (283) dan (284), di mana urutan KN + KK menjadi KK + KN: "*mengikut nafsu*" dan "*mengikut hawa nafsu*", dan menjadi KK + FN: "*melayani kehendak keinginan*", dan "*mengikuti hawa nafsu*".

6.1.1.16 Kolokasi KN + KN (*Idāfat*):

Kolokasi ini terdiri dari KN yang berkolokasi dengan KN yang membentuk binaan إِضَافَةٌ /idāfat/ (*genitive construction*). Contoh:

(291)	كَلِمَةُ الْفَصْلِ	(A/1/23)
	/kalimat-a al -faṣl-i/ <u>kata</u> <u>art-pemutusan</u> KN KN	
	'... <u>kata pemutus</u> ...' FN	(M/1/26)
	'... <u>kata pasti</u> ...' FN	(I/1/28)

- (292) قَهْرُ الطَّبِيعَةِ (A/1/25)
 /qahr-u al-ṭabī‘at-i/
menewaskan art-alam
 KN KN
 '...menakluk alam...'
 FK (M/1/32)
 '..."Menaklukkan alam"...'
 FK (I/1/30)
- (293) حَرْبِ الْأَعْصَابِ (A/1/326)
 /ḥarb-i al- a‘ṣāb-i/
perang art-saraf-saraf
 KN KN
 '...perang saraf...'
 FN (M/2/148)
 '...perang urat saraf...'
 FN (I/1/382)
- (294) فَصْلِ الْخُطَابِ (A/1/34)
 /faṣl-i al- khiṭāb-i/
pemutusan art-ucapan
 KN KN
 '...kata pemutus...'
 FN (M/1/55)
 '...garis pemisah...'
 FN (I/1/41)
- (295) وَسَائِلِ الْإِنْتِاجِ (A/1/60)
 /wasā'il-a al- intāj-i/
pengantara-pengantara art-pengeluaran
 KN KN
 '...alat-alat pengeluar...'
 FN (M/1/118)
 '...sarana ...produksi...'
 FN (I/1/71)
- (296) صِمَامِ الْأَمْنِ (A/1/348)
 /ṣimām-u al- amn-i/
injak art-keamanan
 KN KN
 '...injak keselamatan...'
 FN (M/1/380)
 '..."klep" pengaman...'
 FN (I/1/194)

- (297) مَنَاهِجُ الْحَرَكَةِ (A/1/348)
 /manāhij-u al-ḥarakat-i/
kaedah-kaedah art-gerakan
 KN KN
 '...peraturan-peraturan bergerak...' (M/2/197)
 FN
 '...manhaj bergeraknya...' (I/2/13)
 FN
- (298) مِحَاكٌ مِ الْمَعْرَكَةِ (A/1/352)
 /miḥakk-i al-ma'rakat-i/
batu uji art-peperangan
 KN KK
 '...batu uji peperangan...' (M/2/204)
 FN
 '...ujian berupa peperangan...' (I/2/17)
 FN
- (299) مَرَاجِلُ الطَّرِيقِ (A/1/352)
 /marāḥil-i al-ṭarīq-i/
peringkat-peringkat art-jalan
 KN KN
 '...peringkat perjuangan...' (M/2/204)
 FN
 '...tahapan perjalanannya' (I/2/17)
 FN
- (300) وَجْهَةٌ النَّظَرِ (A/2/976)
 /wijhat-i al-nazar-i/
arah art-pandangan
 KN KN
 '...sudut pandangan...' (M/4/499)
 FN
 '...sudut pandang...' (I/3/327)
 FN

Dari contoh-contoh di atas dapat diketahui bahawa Kolokasi KN + KN (Idāfat) ini pada umumnya berpadanan dengan bentuk FN sama ada dalam terjemahan Melayu-Malaysia atau terjemahan Melayu-Indonesia. Perubahan kategori hanya berlaku dalam satu contoh, iaitu (292) di mana KN + KN berubah menjadi KK + KN "menakluk alam", dan "menaklukkan alam".

Beberapa kolokasi di atas terdapat kolokasi pinjaman "*borrowed collocation*" yang merupakan terjemahan dari kolokasi bahasa Inggris seperti dikemukakan oleh Blau (1981: 60). Kolokasi pinjaman tersebut adalah dalam contoh (292) ungkapan قَهْرُ الطَّبِيعَةِ /qahr-u al-ṭabi‘aṭ-i/ adalah terjemahan dari "*force of nature*" yang mengikut pendapat Kan‘ān (t.t) merupakan ungkapan yang tidak mengakui Tuhan sebagai Pencipta alam semesta. Tentang ungkapan ini Sayyid Quṭb menulis:

"Ungkapan ini jelas menggambarkan satu pandangan jahiliyah yang putus hubungan dengan Allah dan dengan roh alam buana yang patuh kepada Allah...". (Sayyid Qutb, 2000: 1/32)

Contoh kolokasi pinjaman yang lain adalah حَرْبِ الْأَعْصَابِ /ḥarb-i al- a‘ṣāb-i/ dalam contoh (293) sebagai terjemahan dari "*war of nerves*", صِمَامُ الْأَمْنِ /ṣimām-u al- amn-i/ dalam contoh (296) terjemahan dari "*safety valve*", dan وَجْهَةَ النَّظَرِ /wijhat-i al-naẓar-i/ dalam contoh (300) terjemahan dari "*point of view*".

6.1.1.17 Kolokasi KN + KSN + KN:

Kolokasi ini terdiri dari KN yang berkombinasi dengan KSN dan KN.

Contoh:

- (301) عَصَابَةٌ مِنَ الْمُضَلِّلِينَ (A/1/16)
 /‘iṣābat̤-an min-a al- muḍallil-īn/
kumpulan penjenayah dari art-penyestat-penyestat
 KN KSN KN
 '...satu kumpulan penyesat...'
 FN (M/1/15)
 '...sekelompok orang yang menyestat...'
 FN (I/1/19)

- (302) نَظَافَةٌ فِي الشُّعُورِ (A/1/17)
 /nazāfat-an fī al- syu‘ūr-i/
kebersihan dalam art-perasaan
 KN KSN KN
 '...kebersihan perasaan...'
 FN (M/1/18)
 '...kesucian perasaan...'
 FN (I/1/20)
- (303) طَرَفٍ مِنْ حِكْمَةٍ (A/1/21)
 /ṭarf-in min ḥikmat-in/
hujung dari hikmat
 KN KSN KN
 '...sebahagian hikmat...'
 FN (M/1/21)
 '...hikmah...'
 KN (I/1/25)
- (304) رُكَّامٌ مِنَ الْعَقَائِدِ (A/1/23)
 /rukām-un min-a al- ‘aqā'id-i/
timbunan dari art-‘aqidah-‘aqidah
 KN KSN KN
 '...timbunan ‘aqidah-‘aqidah ...'
 FN (M/1/25)
 '...bertumpuk-tumpuk akidah...'
 FN (I/1/27)
- (305) نَفَرٌ مِنَ الْكُبَرَاءِ (A/1/31)
 /nafar-un min al- kubarā'-i/
sekumpulan orang dari art-orang-orang besar
 KN KSN KN
 '...segelintir manusia dari golongan orang-orang besar ...'
 FN KSN FN (M/1/44)
 '...golongan pembesar dan para tokoh...'
 FN (I/1/38)
- (306) حَسَاسِيَّةٌ فِي الضَّمِيرِ (A/1/39)
 /ḥasāsiyat-un fī al- ḍamīr-i/
perasaan sensitif dalam art-hati nurani
 KN KSN KN
 '...perasaan yang peka di dalam hati nurani...'
 FN KSN KN (M/1/66)
 '...sensitivitas dalam hati...'
 KN KSN KN (I/1/46)

- (307) مُخَالَفَةُ عَنِ الْأَمْرِ (A/1/466)
 /mukhālafaṭ-un ‘an al- ‘amr-i/
pelanggaran dari art-perintah
 KN KSN KN
 ‘...satu pelanggaran perintah...’ (M/2/490)
 FN
 ‘...menyelisih perintah...’ (I/2/152)
 KK KN
- (308) حَرَكَةٌ مِنَ الْهَوَى (A/1/466)
 /ḥarakat-un min-a al- hawā/
gerakan dari art-hawa nafsu
 KN KSN KN
 ‘...satu tindakan hawa nafsu ...’ (M/2/490)
 FN
 ‘...mengikuti hawa nafsu...’ (I/2/152)
 KK KN
- (309) فِي فُسْحَةٍ مِنَ الْعُمْرِ (A/1/603)
 /fi fushaṭ-in min-a al-‘umr-i/
 dalam lapang dari art-usia
 KN KSN KN
 ‘...masih dalam usia yang lapang...’ (M/3/228)
 FN
 ‘...dalam usia yang masih lapang...’ (I/2/304)
 FN
- (310) بُحْبُوحَةٌ مِنَ الْأَمَلِ (A/1/603)
 /buḥbūḥat-in min-a al- ‘amal-i/
pusat dari art-cita-cita
 KN KSN KN
 ‘...cita-cita yang lebar ...’ (M/3/228)
 FN
 ‘...semaraknya keinginan dan cita-cita...’ (I/2/304)
 Klausa

Kolokasi KN + KSN + KN di atas pada umumnya berpadanan dengan FN dalam BT. KSN berpadanan dengan sesama KSN berlaku pada contoh (305) terjemahan Melayu-Malaysia مِنْ /min/ 'dari', dan pada contoh (306) فِي /fi/ 'di dalam' dan 'dalam'. Pemadanan yang tampak agak bebas berlaku pada contoh (310) versi

terjemahan Melayu-Indonesia di mana Kolokasi KN + KSN + KN diberi padanan dalam bentuk Klausa "*semaraknya keinginan dan cita-cita*".

Kolokasi '*menyelisih perintah*' dalam contoh (307) terjemahan Melayu-Indonesia terasa asing kerana KK *menyelisih* itu sendiri dalam bahasa Melayu-Indonesia tidak pernah wujud. Kata-kata yang diterbitkan dari KN *selisih* adalah:

berselisih 1 *v* berbeda; ada selisihnya. 2 *adv* berlainan pendapat dsb; bertikai; berbantah.

menyelisihkan *v* 1 berlainan pendapat tentang; 2 mempertikaikan; memperbantahkan;

perselisihan *n* 1 berlainan (pendapat dsb); 2 pertikaian; sengketa; percekocokan;

memperselisihkan *v* menyelisihkan.

(Tim Penyusun Kamus Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa, 1995: 900)

Sedangkan kata-kata terbitan dari KN *selisih* mengikut *Kamus Dewan* (Noresah bt. Baharom, *et al*, 2005: 1427-1428) adalah *berselisih*, *berselisihan*, *menyelisihkan*, *memperselisihkan*, *selisihan*, dan *perselisihan* yang maknanya masing-masing tidak jauh berbeza dari makna yang diberikan dalam *Kamus Besar Bahasa Indonesia*.

Oleh kerana itu, KK *menyelisih* selain memang tidak pernah wujud sama ada dalam bahasa Melayu-Indonesia atau pun dalam bahasa Melayu-Malaysia, KK tersebut tidak pernah berkolokasi dengan KN *perintah*. Pemilihan KN *pelanggaran* dalam terjemahan Melayu-Malaysia merupakan pemilihan yang tepat. Mengikut *Kamus Dewan* (Noresah bt. Baharom, *et al*, 2005: 884) di antara makna *pelanggaran* adalah "*perihal menentang perbuatan dsb atau tidak mematuhi (undang-undang, peraturan, adat, dll)*".

Kemunculan FK *menyelisih perintah* dalam terjemahan Melayu-Indonesia di atas merupakan fenomena *collocational clash* ‘pertentangan kolokasi’ seperti yang diisyaratkan oleh Baker (1992: 14-15), Beekman and Callow (1974: 160), dan Larson (1984: 146). Para pakar penterjemahan ini mengingatkan agar para penterjemah bersikap waspada terhadap *collocational clash* ini. Pertentangan kolokasi ini berlaku manakala penterjemah mengekalkan bentuk kolokasi yang memang berlaku secara wajar dalam BS, tetapi tidak demikian dalam BT. Itulah yang berlaku dalam contoh (307) sehingga muncul FK *menyelisih perintah* yang tampak ganjil kerana sebagai hasil dari pertentangan kolokasi.

KN pertama dalam kombinasi KN + KSN + KN ini kerap berupa Penjodoh Bilangan seperti yang tampak dalam contoh (301) عَصَابَةٌ /‘iṣābat/ ‘satu kumpulan, ‘sekelompok’, (303) طَرْفٍ /ṭarf/ ‘sebahagian’, (304) رُكَّامٍ /rukām/ ‘timbunan’, (305) نَفَرٍ /nafar/ ‘segelintir’.

6.1.1.18 Kolokasi KN + KSN:

Kolokasi ini terdiri dari KN yang berkombinasi dengan KSN. KN dalam kolokasi ini sentiasa berkes akusatif kerana fungsinya sebagai الْمَفْعُولُ لِأَجْلِهِ /al-maf‘ūl li ajlihi/ ‘causative object’ (El-Dahdah, 1997: ٢٧ – م), atau sebagai الْحَال/al-ḥāl/ ‘complement of manner’ (Ibid: ١٤ – م). Contoh:

- (311) يَخْتَارُهُ مُتَمَسِّئًا مَعَ (A/1/580)
- /ya- khtāru –hu mutamasysiy-an ma‘a/
 ia (m) memilih-nya (m) bersesuaian bersama
 KN KSN
 ‘Ia dipilih sesuai dengan...’ (M/3/175)
 KA KSN
 ‘Islam memilihnya sejalan dengan...’ (I/2/278)
 KA KSN

- (312) بَدَلًا مِنْ إِضَاعَةِ النَّفْسِ حَسْرَاتٍ (A/1/642)
 /badal-an min idā‘at-I al-nafs-I hasarāt-in/
ganti dari penghilangan art-jiwa penyesalan-pengesalan
 KN KSN
 ‘...bukannya membuang masa mengecewakan hati sendiri...’ (M/3/308)
 KH
 ‘Jangan membenamkan hati dalam penyesalan...’ (I/2/346)
 KPr
- (313) مُتَكَافِلًا مَعَ الْأُسْرَةِ (A/1/645)
 /mutakāfil-an ma‘a al-usraṭ-i/
tanggung menanggung bersama art-keluarga
 KN KSN
 ‘...bertakaful bersama...’ (M/3/313)
 KK KSN
 ‘...terhadap keluarga...’ (I/2/348)
 KSN
- (314) تَكْمِلَةً لِمَا اسْتَعْرَضْنَاهُ (A/1/649)
 /takmilat-an li- mā ista‘raḍ -nā -hu/
penyempurnaan bagi apa telah menerangkan-kami-nya (m)
 KN KSN
 ‘...sebagai menggenapkan peraturan-peraturan yang telah (M/3/322)
 Kami
 FK
 terangkan...’
 ‘...untuk melengkapi apa yang telah kami paparkan...’ (I/2/353)
 FK
- (315) بِنَاءٍ عَلَيَّ (A/1/649)
 /binā‘-an ‘alā/
berdasarkan atas
 KN KSN
 ‘Oleh kerana ...’ (M/3/323)
 KH
 ‘Didasarkan atas...’ (I/2/354)
 KK KSN
- (316) فَضْلًا عَنِّ (A/1/661)
 /fadl-an ‘an/
kelebihan dari
 KN KSN
 ‘...apatah lagi...’ (M/3/348)
 KPg KPg
 ‘...apalagi...’ (I/2/366)
 KPg

- (317) رَدًّا عَلَى (A/1/665)
 /radd-an 'alā/
jawaban atas
 KN KSN
 '...sebagai jawaban kepada...'
 FN KSN (M/3/358)
 '...yang merupakan jawaban terhadap...'
 FN KSN (I/2/371)
- (318) فَضْلًا عَلَى (A/1/666)
 /faḍl-an 'alā/
kelebihan atas
 KN KSN
 'Selain dari itu ...'
 KH (M/3/359)
 'Apalagi...'
 KPg (I/2/372)
- (319) اِبْتِدَاءً مِنْ (A/1/672)
 /ibtidā'-an min/
mulai dari
 KN KSN
 '...mulai dari...'
 KK KSN (M/3/373)
 '...diawali dengan...'
 KK KSN (I/2/378)
- (320) وَإِنَّمَا يَفْعَلُ ذَلِكَ رَغْبَةً فِي نَجَابَةِ الْوَلَدِ (A/1/624)
 /wa inna-mā ya- f'alu dhālika raghbat-an fī
 dan hanya ia (m) berbuat itu (m) suka dalam
 KN KSN
 najābat-I al-walad-i/
 kepintaran art-anak lelaki
 'Ia berbuat demikian kerana inginkan anak yang dikandung itu (M/3/270)
 itu
 FK
 cerdas ...'
 'Hal itu dilakukan karena ingin mendapatkan keturunan...'
 FK (I/2/327)

Beragam bentuk padanan yang diberikan untuk Kolokasi KN + KSN seperti tampak dalam contoh-contoh di atas. Beberapa kategori baru muncul seperti yang berlaku dalam contoh (312) di mana Kolokasi KN + KSN mendapat padanan Kata

Hubung (KH) "*bukannya*" dalam terjemahan Melayu-Malaysia dan Kata Perintah (KPr) "*jangan*" dalam terjemahan Melayu-Indonesia, dalam contoh (316) mendapat padanan Kata Penegas (KPg) "*apatah lagi*" dan "*apalagi*", serta contoh (318) terjemahan Melayu-Indonesia "*apalagi*".

Terjemahan Melayu-Malaysia dalam contoh (312) merupakan bahagian dari ayat majmuk gabungan, iaitu ayat yang terdiri daripada dua ayat atau lebih yang dijadikan satu dengan cara menggabungkan atau mencantumkan ayat-ayat tersebut dengan kata hubung seperti *dan, atau, tetapi*, (Nik Safiah Karim, *et al*, 2006: 478) dan dalam contoh di atas kata hubungnyanya adalah *bukannya*. Ayat selengkapnya adalah:

وَالْتَوَجُّهُ بِالطَّلَبِ إِلَى اللَّهِ ، وَسُؤَالِهِ مِنْ فَضْلِهِ مُبَاشَرَةً ؛ بَدَلًا مِنْ (A/1/642)

إِضَاعَةَ النَّفْسِ حَسْرَاتٍ

/wa al-tawajjuh bi al-ṭalab-i ilā allāh-i
dan art-bertawajjuh dengan art-permohonan kepada Allah

wa su'ālī -hi min faḍli -hi mubāsyarat-an
dan memohon-nya (m) dari kurnia-nya (m) langsung
badal-an min iḍā'at-i al-nafs-i hasarāt-in/
ganti dari penghilangan art-jiwa penyesalan-pengesalan

'Yang harus dilakukan di sini ialah bertawajjuh kepada Allah dan memohon limpah kurniaan-Nya secara langsung *bukannya* membuang masa mengecewakan hati sendiri...'

'Kemudian mereka diberi pengarahannya supaya memohon kepada Allah dan meminta karunia-Nya secara langsung. Jangan membenamkan hati dalam penyesalan...'

TS di atas dalam terjemahan Melayu-Malaysia berupa ayat majmuk gabungan dengan menggunakan kata hubung *bukannya*, sedangkan dalam terjemahan Melayu-Malaysia dibahagi menjadi dua ayat yang terasing. Dalam terjemahan Melayu-

Malaysia, Kolokasi KN + KSN berpadanan dengan KH "bukannya" dan dalam terjemahan Melayu-Indonesia berpadanan dengan KPr "jangan".

6.1.1.19 Kolokasi KNm + KSN + KNj:

Kolokasi ini terdiri dari KN dalam bentuk mufrad (KNm), KSN, dan KN dalam bentuk jamak (KNj). Jenis kolokasi ini dalam data ditemui sebanyak 1448 kali kemunculan. Contoh:

- (321) (A/3/1243)
 إِنَّ كُلَّ سُورَةٍ مِّنْ سُورِ الْقُرْآنِ
 /inna kull-a sūrat-in min suwar-i al- qur'ān-i/
 sesungguhnya setiap surah dari surah-surah art-qur'an
KNm KSN KNj
 'Setiap Surah al-Qur'an...'
KNm (M/6/1)
 'Tiap-tiap surah dari Al-Qur'an...'
KNm KSN (I/4/259)
- (322) (A/3/1248)
 سِمَةٌ مِّنْ سِمَاتِ الْمَنْهَجِ
 /simat-in min simāt-i al- manhaj-i/
ciri dari ciri-ciri art-kaedah
KNm KSN KNj
 '...salah satu dari ciri-ciri methodologi...'
KB KSN KNj (M/6/14)
 '...salah satu ciri khusus manhaj ...'
KB FN (I/4/264)
- (323) (A/3/1248)
 فِي مَوْضِعٍ مِّنَ الْمَوَاضِعِ
 /fī mawḍi‘-in min-a al- mawāḍi‘-i/
 di tempat dari art-tempat-tempat
KNm FSN KNj
 '...di mana-mana tempat...'
FN (M/6/14)
 '...pada suatu tempat...'
FN (I/4/264)

- (324) مَشْهَدٍ مِنْ مَشَاهِدِ الْقِيَامَةِ (A/3/1248)
 /masyhad-in min masyāhid-i al- qiyāmat-i/
pemandangan dari pemandangan-pemandangan art-qiamat
 KNm KSN KNj
 ‘...satu pemandangan hari Qiamat ...’ (M/6/14)
 FN
 ‘...sebuah pemandangan dari pemandangan-pemandangan
 hari (I/4/265)
 FN KSN KNj
 kiamat...’
- (325) فِي مَوْقِفٍ مِنْ مَوَاقِفِ الْقِصَّةِ (A/3/1251)
 /fī mawqif-in min mawāqif-i al- qiṣṣat-i/
 di dalam situasi dari situasi-situasi art-kisah
 KNm KSN KNj
 ‘...dalam salah satu dari situasi kisah ...’ (M/6/25)
 KB KSN KNm
 ‘Pada salah satu perhentian kisah ini...’ (I/4/269)
 KB KNm
- (326) فِي آيَةٍ صُورَةٍ مِنْ صُورِهِ (A/3/1256)
 /fī ayyat-i ṣūrat-in min ṣuwari -hi/
 dalam mana-mana bentuk dari bentuk-bentuk-nya (m)
 KNm KSN KNj
 ‘...dalam apa sahaja bentuknya...’ (M/6/41)
 FN
 ‘...dalam berbagai bentuknya...’ (I/4/275)
 FN
- (327) خَاصِيَّةٌ مِنْ خَوَاصِ الْقُرْآنِ (A/3/1260)
 /khāṣiyat-un min khawāṣ-i al- qur’ān-i/
ciri dari ciri-ciri art-qur’an
 KNm KSN KNj
 ‘...salah satu ciri dari ciri-ciri al-Qur’an...’ (M/6/49)
 KB KNm KSN KNj
 ‘...salah satu keistimewaan Al-Qur’an...’ (I/4/279)
 KB KNm
- (328) سِرٌّ مِنْ أَسْرَارِ الْوُجُودِ (A/3/1263)
 /sirr-un min asrār-i al-wujūd-i/
rahsia dari rahsia-rahsia art-wujud
 KNm KSN KNj
 ‘...sesuatu rahsia dari rahsia-rahsia alam ...’ (M/6/56)
 FN KSN KNj
 ‘...salah satu rahasia dari rahasia-rahasia alam...’ (I/4/282)
 FN KSN KNj

(329)	قَانُونٍ مِنْ قَوَانِينِهِ	(A/3/1263)
	/qānūn-in min qawānīn-i -hi/ <u>undang-undang dari banyak undang-undang</u> -nya (m) KNm KSN KNj	
	'... <u>sesuatu undang-undang dari undang-undang</u> alam...'	(M/6/56)
	FN KSN KN	
	'... <u>suatu undang-undang dari undang-undang</u> alam...'	(I/4/282)
	FN KSN KN	
(330)	وَقْفَةٍ مِنْ وَقَفَاتٍ	(A/3/1276)
	/waqfat-un min waqfāt-in/ <u>perhentian dari perhentian-perhentian</u> KNm KSN KNj	
	'... <u>salah satu tempat perhentian</u> ...'	(M/6/88)
	FN	
	'... <u>sebuah perhentian</u> ...'	(I/4/298)
	FN	

Kolokasi KNm + KSN + KNj di atas mendapat padanan yang beragam. Pola yang hampir sama tampak dalam contoh (324) terjemahan Melayu-Indonesia “*sebuah pemandangan dari pemandangan-pemandangan hari kiamat*”, (327) terjemahan Melayu-Malaysia “*salah satu ciri dari ciri-ciri al-Qur'an*”, (328) dalam kedua-dua versi terjemahan “*sesuatu rahsia dari rahsia-rahsia alam*”, dan “*salah satu rahasia dari rahasia-rahasia alam*”, dan pada contoh (329) dalam kedua-dua versi terjemahan “*sesuatu undang-undang dari undang-undang alam*”, dan “*suatu undang-undang dari undang-undang alam*”. Perubahan yang berlaku adalah KN menjadi FN dengan munculnya Kata Bilangan seperti “salah satu”, “sesuatu”, “sebuah” atau “suatu”.

Pemadanan KSN مِنْ /min/ dengan KSN “*dari*” pada contoh (321) terjemahan Melayu-Indonesia tampak merupakan gangguan tatabahasa Arab dalam bahasa Melayu-Indonesia, kerana jika KSN tersebut diberi padanan *zero*, klausa tersebut

akan tampak lebih wajar: “*tiap-tiap surah Al-Qur’an*” sebagaimana halnya terjemahan Melayu-Malaysia “*Setiap Surah al-Qur’an*”.

6.1.1.20 Kolokasi Prt ف + أما /ammā + fa/:

Kolokasi ini terdiri dari partikel (Prt) أمّا /ammā/ dan Prt ف /fa/ yang membentuk sebuah ayat syarat (*conditional sentence*). Kemunculan Prt أمّا /ammā/ yang mengandung makna syarat ini sentiasa diikuti oleh kemunculan Prt ف /fa/ setelahnya (al-Daqr, 1982: 60). Prt أمّا /ammā/ kadang-kadang bermula dengan Prt الإستئناف /al-isti’nāf/ ف /fa/ atau و /wa/ yang berfungsi untuk menunjukkan bahawa ayat yang bermula dengan partikel tersebut adalah ayat baharu dan tidak ada kaitannya dengan ayat sebelumnya (Ya’qūb, 1983: 376, 562). Khusus untuk Prt و /wa/ , selain sebagai Prt الإستئناف /al-isti’nāf/ juga terkadang muncul sebagai Prt Hubung. Contoh:

(331) أمّا قِصَّتُهُمْ مَعَ الدَّعْوَةِ فَنَلَخَّصُهَا (A/1/31)

/ammā qiṣṣatu-hum ma‘a al-da‘wat-i fa
adapun kisah -mereka (m) dengan art-da’wah maka
 nu- lakhkhiṣu -hā/
 kami-intisarikan-nya (f)

'Kisah kaum Yahudi dengan da’wah ini dapatlah kita intisarikan...'

'Adapun kisah mereka terhadap dakwah dapat kami ringkaskan...'

(332) أمّا أولئك الأَعْفَالُ فَهُمْ يَخْدَعُونَ أَنفُسَهُمْ (A/1/43)

/ammā ulā’ika al-aghfāl-u fa -hum
adapun mereka art orang-orang lalai maka-mereka (m)
 ya-khda‘ūna anfusa -hum/
 mereka menipu diri-diri-mereka (m)

'Adapun kaum Munafiqin yang lalai itu, mereka telah menipu diri sendiri...'

'Sedangkan, mereka yang lalai itu hanya menipu...dirinya sendiri'

- (333) (A/1/46)
 أَمَّا الصُّورَةُ الثَّلَاثَةُ فَهِيَ صُورَةُ النَّفْسِ
 /ammā al-ṣūrat-u al-thālithat-u fa -hiwa ṣūrat-u al-nafs-i/
adapun art-gambar art-ketiga maka-ia (f) gambar art-diri
 ‘Dan gambaran yang ketiga ialah gambaran jiwa...’ (M/1/82)
 ‘Sedangkan, lukisan ketiga menggambarkan jiwa...’ (I/1/54)
- (334) (A/1/48)
 أَمَّا التَّحَدِّي فَـمَنْظُورٌ فِيهِ
 /ammā al- taḥaddī fa -manzūr-un fī -hi/
adapun art tantangan maka-dilihat di dalam-nya (m)
 ‘Cabaran itu dirujuk...’ (M/1/90)
 ‘Mengenai tantangan ini maka perlu diperhatikan...’ (I/1/58)
- (335) (A/1/51)
 فَأَمَّا الْمُؤْمِنُ التَّقِيُّ فَيَزِيدُ الرَّخَاءُ يَمْظَةً
 /fa-ammā al -mu'min-u al-taqiyy-u fa- ya- zīdu
art adapun art-mu'min art-bertakwa maka ia (m)-
 menambah
 al- rakhā'u yaqzat-an/
 art-kesenangan kesedaran
 ‘...tetapi bagi orang yang beriman, kesenangan itu (M/1/96)
 menambahkan kesedaran...’
 ‘...orang yang beriman dan bertakwa akan menambah (I/1/61)
 kesedaran...’
- (336) (A/1/40)
 فَأَمَّا هَذِهِ الْمُحَاوَلَةُ فَهِيَ مُحَاوَلَةٌ فَاشِلَةٌ أَوَّلًا
 /fa-ammā hādhihi al-muḥāwalat-u fa -hiya muḥāwalat-un
maka-adapun ini (f) art-usaha maka-ia (f) usaha
 fāsyilat-un awwal-an/
 gagal pertama
 ‘...maka percubaan ini adalah suatu percubaan yang gagal...’ (M/1/68)
 ‘...maka usaha ini pertama mengalami kegagalan...’ (I/1/48)
- (337) (A/1/42)
 فَأَمَّا الصُّورَةُ الثَّانِيَةُ فَهِيَ صُورَةُ الْكَافِرِينَ
 /fa-ammā al- ṣūrat-u al-thāniyat-u fa- hiwa ṣūrat-u
maka-adapun art-gambar art-kedua maka-ia (f) gambar
 al-kāfirīna/
 art-orang-orang kafir
 ‘Gambaran yang kedua ialah gambaran golongan orang-orang (M/1/72)
 kafir...’
 ‘Gambaran yang kedua adalah golongan *kafirīn*’ (I/1/50)

- (338) وَأَمَّا الْفَاسِقُ أَوْ الْمُنَافِقُ فَتُرْزَلُهُ (A/1/51)
 /wa-ammā al-fāsiqu aw al-munāfiqu
Prt-adapun art-fasik atau art-munafik
 fa- tu- zalzilu -hu/
 maka-ia (f) menggoncangkan-nya (m)
 Bagi orang fasik atau munafik pula, kesusahan itu (M/1/96)
 menggoncangkan hatinya...'
 'Sedangkan, orang yang fasik atau munafik akan (I/1/61)
 menggoncangkan hatinya...'
- (339) وَأَمَّا الْفَاسِقُ أَوْ الْمُنَافِقُ فَتُبْطِرُهُ النَّعْمَةُ (A/1/51)
 /wa ammā al-fāsiq-u aw al-munāfiq-u
Prt-adapun art-fasik atau art-munafik
 fa- tu- btīru -hu al- ni‘mat-u/
 maka-ia (f) membingungkan-nya (m) art-kenikmatan
 ‘...dan bagi orang-orang yang fasik atau munafiq, (M/1/96)
 kesenangan itu menjadikannya angkuh’
 ‘Sedangkan, bagi orang yang fasik atau munafik, maka (I/1/61)
 kenikmatan itu akan menjadikan mereka sombong.’
- (340) وَأَمَّا طَبِيعَتُهَا فَوَاحِدَةٌ (A/1/64)
 /wa ammā ṭabī‘atu-hā fa- wāḥidat-un/
Prt-adapun tabiat -nya (f) maka-satu/
 ‘...dan sifatnya juga sama...’ (M/1/128)
 ‘Adapun ...karakternya masih tetap sama’ (I/1/76)

Kata Pangkal Ayat (KPA) “*adapun*” mengikut pendapat Nik Safiah Karim, *et al* (2006: 245) umumnya digunakan dalam bahasa Melayu Lama. Pepadanan Prt dengan KPA “*adapun*” tampak dalam contoh (331) terjemahan Melayu-Indonesia, (332) terjemahan Melayu-Malaysia, dan contoh (340) terjemahan Melayu-Indonesia. Dalam kitab ‘*Aqa’id Al-Nasafi* Teks Melayu, kombinasi KPA “*adapun*” dengan KH “*maka*” adalah padanan dari kombinasi Prt أَمَّا /ammā/ + Prt فَ /fa/, misalnya “...*adapun* *buddi* itu *maka* ia suatu *sabab* (ya’ni pegawai bagi ‘*ilmu* pulang” terjemahan dari وَأَمَّا الْعَقْلُ فَهُوَ سَبَبٌ لِلْعِلْمِ أَيْضًا /wa ammā al-‘aqlu fa-huwa sabab-un li al-‘ilm-i ayḍan/, “*Maka adapun segala ‘amal* itu *maka* ia itu *sekalian* *kebaktian*...”,

terjemahan dari فَأَمَّا الْأَعْمَالُ فَهَا الطَّاعَاتُ /fa-ammā al-a‘mālu fa-hiya al-ṭā‘āt-u/ (Al-Attas, 1988: 104 dan 122. Lihat: Asmah Haji Omar, 1991: 107)

Penggunaan “sedangkan” sebagai padanan Prt أَمَّا /ammā/ seperti tampak dalam contoh (332), (333), (338), dan (339) terjemahan Melayu-Indonesia menyalahi sistem tataahasa Indonesia. Alwi *et al* (1998: 401) menyebut kata “sedangkan” ini sebagai “koordinator” yang berfungsi untuk menghubungkan dua klausa yang menyatakan pertentangan. Misalnya, “*Ia selalu makan yang enak-enak, sedangkan anak dan isterinya kelaparan*”. Kerana fungsinya sebagai “koordinator”, maka kata “sedangkan” tidak boleh muncul pada awal ayat.

6.1.1.21 Kolokasi Prt لَا /lā/:

Kolokasi ini terdiri dari Prt لَا النَّافِيَةَ لِلْجِنْسِ /lā al-nāfiyat li al-jins-i/ iaitu Prt negatif لَا /lā/ yang berfungsi sama dengan Prt إِنَّ /inna/ yang menjadikan subjek berkes akusatif (*accusative case*) - مَنْصُوبٌ /manṣūb/ - dan predikatnya berkes nominatif (*nominative case*) - مَرْفُوعٌ /marfū‘/-. Subjek dan predikat sentiasa dalam bentuk نَكْرَةٌ /nakirat/ ‘Tidak Tentu’. Namun, tidak selamanya predikat wujud dalam ayat. Prt ini disebut لَا النَّافِيَةَ لِلْجِنْسِ /lā al-nāfiyat li al-jins-i/ kerana maknanya menafikan kewujudan dari jenis subjek (Wright, 1979: ii/94 dan al-Rajhiy, 2004: 186). Contoh:

- | | | |
|-------|---|------------------------|
| (341) | أَلَّتِي لَا عَهْدَ لِلْأَرْضِ بِهَا | (A/1/568) |
| | /al-latī lā ‘ahd-a li al- arḍ-i bi- hā/
yang (f) <u>tidak pengetahuan</u> bagi art-bumi dengan-nya (f)
'...yang <u>tidak pernah berlaku</u> di bumi ini...'
'... <u>belum pernah ada</u> di bumi...' | (M/3/139)
(I/2/265) |

- (342) فَلَا غَرَابَةَ فِي رِسَالَتِهِ (A/1/568)
 /fa- lā gharābat-a fī risālat-i -hi/
 maka tidak keganjilan dalam kerasulan-nya (m)
 'Oleh itu tiada suatu keganjilan di dalam kerasulan beliau...'
 'Karena itu ...risalah beliau ...tidaklah aneh...'
 (M/3/139)
 (I/2/265)
- (343) لَا إِرَادَةَ لَهُ (A/1/573)
 /lā irādat-a la -hu/
tidak kehendak bagi-nya (m)
 '...tidak mempunyai sebarang iradat...'
 '...tidak punya kehendak apa-apa...'
 (M/3/159)
 (I/2/270)
- (344) سَخِيفٌ لَا أَصْلَ لَهُ (A/1/574)
 /sakhīf-un lā aṣl-a la -hu/
 yang lemah tidak asal bagi-nya (m)
 '...yang karut yang tidak berasal ...'
 '...hina dan tidak ada dasarnya sama sekali...'
 (M/3/161)
 (I/2/271)
- (345) لَا سَبِيلَ إِلَىٰ إِنْكَارِهِ (A/1/580)
 /lā sabīl-a ilā inkār-i -hi/
tidak jalan kepada pengingkaran-nya (m)
 '...yang tidak dapat diingkar ...'
 '...yang tidak ada jalan untuk mengingkarinya...'
 (M/3/175)
 (I/2/278)
- (346) لَا شَرِيكَ لَهُ فِي أُلُوْهِيَّتِهِ (A/1/826)
 /lā syarīk-a la-hu fī ulūhiyat-i-hi/
tidak sekutu bagi-nya (m) dalam ketuhanan-nya (m)
 '...tiada sekutu bagi-Nya dalam Uluhiyah-Nya...'
 '...tiada sekutu bagi-Nya dalam uluhiyah-Nya...'
 (M/4/122)
 (I/3/156)
- (347) وَهَذَا الْإِنْكَارُ هُوَ الْكُفْرُ الَّذِي لَا جِدَالَ فِيهِ (A/1/833)
 /wa hādhā al- inkār-u huwa al- kuf-r-u
 dan ini (m) art-keingkaran ia (m) art-kufur
 al-ladhī lā jidāl-a fī -hi/
 yang (m) tidak pertengkaran di dalam-nya (m)
 'Keingkaran ini tidak syak lagi adalah satu pernyataan (M/4/150)
 kekafiran...'
 '...dan pengingkaran ini berarti kekufuran tanpa perlu
diperdebatkan lagi...'
 (I/3/160)
- (348) لَا بُدَّ سَابِقٍ عَلَىٰ هَذِهِ الْفِتْرَةِ (A/1/832)
 /lā budd-a sābiq-un 'alā hādhihi al-fatrat-i/
tidak pilihan pendahulu atas ini (f) art-tempoh
 '...adalah secara pastinya diturunkan sebelum ini ...'
 '...sudah tentu diturunkan lebih dahulu dari masa itu'
 (M/4/148)
 (I/3/159)

- (349) لَا نِيَّةَ لَهُ فِي مُقَارَفَةِ الْحَرَامِ (A/1/841)
 /lā niyyat-a la -hu fī muqārafat-i al- ḥarām-i/
tidak niat bagi-nya (m) dalam melakukan art-haram
 '...tanpa berniat hendak melakukan perkara yang haram...'
 '...tidak ada niat untuk melakukan dosa...'
 (M/4/171)
 (I/3/170)
- (350) فَالْإِنْسَانُ لَا وَجُودَ لَهُ (A/1/843)
 /fa al- insān-u lā wujūd-a la -hu/
 maka art-manusia tidak kewujudan bagi-nya (m)
 'Seseorang "insan" itu tidak mempunyai kewujudannya...'
 'Maka "manusia" itu tidak ada wujudnya...'
 (M/4/176)
 (I/3/172)

Dalam contoh-contoh di atas tampak bahawa Prt لَ /lā/ memperoleh padanan dengan Kata Nafi yang mempunyai fungsi yang serupa. Selain itu juga berpadanan dengan kata bantu aspek “belum” seperti berlaku pada contoh (341) terjemahan Melayu-Indonesia.

Kolokasi Prt لَ /lā/ dengan KN بُدَّ /budd-a/ dalam contoh (347) adalah ungkapan idiom kerana maknanya tidak lagi diambil dari kata per kata.

Demikian jenis-jenis kolokasi dilihat dari sudut pandang nahu. Berikut adalah jenis-jenis kolokasi dilihat dari sudut pandang semantik.

6.1.2 Jenis kolokasi mengikut hubungan semantik:

Pembagian jenis kolokasi mengikut sudut pandang semantik ini merujuk kepada pendapat El-Hassan (1982) yang setelah mengkaji pola-pola kolokasi dalam kitab suci al-Qur'an, ia menemukan tiga hubungan semantik pada kata-kata yang berkolokasi, iaitu hubungan oposisi, hubungan sinonim, dan hubungan saling melengkapi (lihat sub-bab 2.4). Berdasar ketiga-tiga hubungan ini, maka dalam kajian ini penulis menamakannya dengan (1) Kolokasi Antonim, (2) Kolokasi Sinonim, dan (3) Kolokasi Pelengkap.

Selain ketiga-tiga jenis kolokasi di atas, penulis menambahkan dua jenis kolokasi lain yang juga mengikut sudut pandang semantik, iaitu (1) Kolokasi Ungkapan Am, dan (2) Kolokasi Ungkapan Khas.

6.1.2.1 Kolokasi Antonim:

Kolokasi ini terdiri dari dua buah kata atau frasa yang maknanya berlawanan.

Contoh:

- (351) (A/1/23)
 النَّظَامِ وَالْفَوْضَى فِي الْعَقِيدَةِ
 /al-nizām-I wa al-fawḍā fī al-‘aqīdat-i/
art-peraturan dan art-kucar-kacir dalam art-akidah
 ‘...’aqidah yang tersusun rapi dengan ‘aqidah yang kacau-
 bilau...’ (M/1/25)
 ‘...keteraturan dan kekacuan dalam bidang akidah...’ (I/1/27)
- (352) (A/1/23)
 مِنْ قَرِيبٍ وَلَا مِنْ بَعِيدٍ
 /min qarīb-in wa lā min ba‘īd-in/
 dari dekat dan tidak dari jauh
 ‘...sama ada dari dekat atau dari jauh...’ (M/1/26)
 ‘...baik dari dekat maupun dari jauh...’ (I/1/28)
- (353) (A/1/31)
 وَيَضْطَرُّ لِمُصَانَعَتِهَا كَثِيرًا أَوْ قَلِيلًا
 /wa ya-ḍṭarr-u li-muṣāna‘at-I -hā
 dan ia (m) memaksa untuk bermanis mulut-nya (f)
 kathīr-an aw qalīl-an/
ramai atau sedikit
 ‘...dan ini telah memaksa ramai Munafiqin atau sedikit
 berpura-pura masuk Islam...’ (M/1/44)
 ‘...beberapa orang terpaksa berpura-pura, banyak atau
sedikit...’ (I/1/38)
- (354) (A/1/34)
 مِنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ
 /min al-zulumāt-i ilā al-nūr-i/
 dari art-kegelapan-kegelapan kepada art-cahaya
 ‘...dari kegelapan kesesatan kepada nur hidayat yang
 terang...’ (M/1/56)
 ‘...dari kegelapan kepada cahaya...’ (I/1/42)

(355)	الْبَدْءُ وَالْخِتَامُ	(A/1/35)
	/al-bad'-u wa al- khitām-u/ art-permulaan dan art-penutup '...awal dan akhir ...' '...permulaan dan penutup...'	(M/1/57) (I/1/42)
(356)	رَائِحَةٌ غَادِيَةٌ	(A/1/350)
	/rā'ihat-an ghādiyāt-an/ pergi (pada waktu petang) pergi awal pagi '...mundar-mandir...' '...berangkat petang dan pagi...'	(M/2/200) (I/2/15)
(357)	الْمُمْكِنِ وَالْمُسْتَحِيلِ	(A/1/394)
	/al-mumkin-i wa al-mustahīl-i/ art-mungkin dan art-mustahil '...sesuatu yang mungkin dan sesuatu yang mustahil...' '...sesuatu yang mungkin dan mustahil...'	(M/2/320) (I/2/67)
(358)	الْمَخَافِ وَالرَّغَائِبِ	(A/1/552)
	/al-makhāwif-i wa al- raghā'ib-i/ art-ketakutan-ketakutan dan art-kehendak-kehendak '...ketakutan-ketakutan dan kehendak-kehendak kegembiraan ...' '...hal-hal yang menakutkan dan yang menyenangkan...'	(M/3/91) (I/2/256)
(359)	كُلُّهَا أَوْ بَعْضُهَا	(A/1/576)
	/kull-u-hā aw ba'd-u -hā/ semua-nya (f) atau sebahagian-nya (f) '...semuanya atau sebahagiannya...' '...semuanya atau sebagiannya...'	(M/3/167) (I/2/274)
(360)	الْحُقُوقِ وَالْوَجِيبَاتِ	(A/1/586)
	/al-ḥuqūq-i wa al- wājibat-i/ art-hak-hak dan art-kewajiban-kewajiban '...hak-hak dan kewajipan-kewajipan...' '...hak-hak dan kewajiban...'	(M/3/188) (I/2/285)

Kolokasi Antonim pada umumnya mendapatkan padanan dengan kata atau frasa yang juga berantonim sama ada dalam terjemahan Melayu-Malaysia atau terjemahan Melayu-Indonesia. Seperti tampak dalam contoh-contoh di atas, antara

dua kata atau frasa yang berantonim terdapat KH وَ /wa/ ‘dan’, atau أَوْ /aw/ ‘atau’, kecuali pada contoh (354) dan (356). Khusus berkenaan dengan contoh (356), yaitu رَائِحَةٌ غَادِيَةٌ /rā’ihāt-an ghādiyāt-an/ terjemahan Melayu-Indonesia telah memilih penterjemahan harfiah, yaitu ‘berangkat petang dan pagi’ berbanding terjemahan Melayu-Malaysia yang berpadanan dengan ungkapan ‘mundar-mandir’.

6.1.2.2 Kolokasi Sinonim:

Para pakar bahasa sejak dulu hingga kini masih berselisih pendapat tentang kewujudan sinonim, tak terkecuali para pakar bahasa Arab (‘Umar, 1982: 215-219). Namun jika kita kaji perdebatan mereka itu, titik masalahnya adalah pada kewujudan sinonim mutlak, iaitu “perkataan-perkataan yang bersinonim benar-benar mendukung pengertian dan makna yang sama dan dapat ditukar ganti dalam ujaran dan tulisan” (S. Nathesan, 2002: 38). Untuk itu pendapat yang dianut dalam penyelidikan ini adalah kewujudan sinonim yang bukan mutlak, iaitu kata atau frasa yang bersinonim itu bersesuaian dalam makna asasi dan bukannya dalam seluruh makna, dan dapat ditukar ganti dalam konteks tertentu. Misalnya KK وَصَلَ /waṣala/ dan جَاءَ /jā’a/ yang sama-sama mengandung makna *datang* atau *sampai*. Kedua-dua KK dapat berkombinasi dengan KN الْقِطَارُ /al-qitār/, مُحَمَّدٌ /muḥammad/, dan الْخِطَابُ /al-khiṭāb/, tetapi kedua-dua kata tersebut tidak dapat digunakan dalam konteks yang lain. Penutur Arab akan mengatakan وَصَلَ مِنْ سَفَرِهِ /waṣala min safari-hi/ dan bukannya جَاءَ مِنْ سَفَرِهِ* /jā’a min safari-hi/, dan جَاءَ الرَّبِيعِ /jā’a al-rabi’/ dan bukannya وَصَلَ الرَّبِيعِ /waṣala al-rabi’ (‘Umar, 1982: 230).

Mengikuti pendapat ‘Umar dan kenyataan yang wujud dalam data, maka penyelidik beranggapan bahawa Kolokasi Sinonim wujud dalam bahasa Arab, iaitu

kolokasi yang terdiri dari dua buah atau lebih kata atau frasa yang maknanya sama atau hampir sama. Contoh:

- (361) الْحَمْدَ وَالشَّانَاءَ (A/1/22)
- /al-ḥamd-a wa al -thanā'-a/
 art-pujian dan art-pujian
 '...kesyukuran, pujian dan sanjungan...'
 '...pujian dan sanjungan...'
 (M/1/23)
 (I/1/26)
- (362) مُطَارَدَةَ الْخُصُومِ وَالْأَعْدَاءِ (A/1/24)
- /muṭāradat-a al- khuṣūm-i wa al- a'dā'-i/
 penghalauan art-musuh dan art-musuh
 '...seperti musuh memburu musuh...'
 '...sebagaimana pengusiran pihak lawan dan musuh...'
 (M/1/28)
 (I/1/28)
- (363) بِإِرَادَةِ اللَّهِ وَمَشِيئَتِهِ (A/1/25)
- /bi- 'irādat-i Allāh-i wa masyi'at-i-hi/
 dengan kehendak Allah dan kehendak -nya (m)
 '...oleh kehendak Iradat Allah...'
 '...kepada iradah dan kehendak-Nya...'
 (M/1/31)
 (I/1/30)
- (364) الْمُتَضَامَ الْمُتَرَاصَّ (A/1/32)
- /al-mutaḍāmm-a al-mutarāṣṣ-a/
 art-bersepadu art-bersepadu
 '...yang padu dan teguh...'
 '...yang bersatu bahu membahu dan teratur rapi...'
 (M/1/47)
 (I/1/39)
- (365) لَا تَتَغَيَّرُ وَلَا تَتَبَدَّلُ (A/1/34)
- /lā ta- taghayyar-u wa lā ta- tabaddal-u/
 tidak ia (f) berubah dan tidak ia (f) bertukar
 '...tidak berubah-ubah...'
 '...yang tidak berubah dan berganti...'
 (M/1/54)
 (I/1/41)
- (366) حَيَاةً نَابِضَةً خَافِقَةً (A/1/38)
- /ḥayāt-un nābiḍat-un khāfiqat-un/
 kehidupan berdegup berdenyut
 '...hayat yang berdenyut dan berdegup...'
 '...kehidupan yang berdenyut dan bergerak...'
 (M/1/65)
 (I/1/46)

al-ṭarīq-i wa hādī al-sabīl-i/ ‘pemandu dan petunjuk jalan’, dan ‘peretas dan penunjuk jalan’, contoh (368) حَفْدُهُ وَحَسَدُهُ /ḥiqd-a-hu wa ḥasad-a-hu/ yang diberi padanan ‘*hasad dengki*’ dalam terjemahan Melayu-Malaysia, dan terakhir contoh (370) terjemahan Melayu-Indonesia أَعَدَدْنَا وَهَيَّأْنَا /a‘dad-nā-hu wa hayya’-nā-hu/ ‘*Telah Kami sediakan, telah Kami siapkan*’.

Frasa ‘*rasa dendam*’ dalam contoh (368) terjemahan Melayu-Indonesia tidaklah bersinonim dengan *dengki*. Dalam bahasa Melayu-Indonesia, kata yang bersinonim dengan *dengki* adalah *sirik* dan *cemburu* (Nur Arifin Chaniago, *et al*, 2000: 228, dan Tim Penyusun Kamus Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa, 1995: 222, 387)

6.1.2.3 Kolokasi Pelengkap:

Kolokasi ini terdiri dari dua buah kata atau frasa di mana kata atau frasa yang kedua sentiasa muncul setelah kata atau frasa pertama yang maknanya berfungsi sebagai pelengkap atau penguat. Contoh:

- | | | |
|-------|--|----------------------|
| (371) | بَيْنَ وَضُوحِ التَّوْحِيدِ الْكَامِلِ الشَّامِلِ | (A/1/22) |
| | /bayna wuḍūḥ-i al-tawḥīd-i al-kāmil-I al-syāmil-i/
antara kejelasan art-tauhid <u>art-sempurna art-universal</u>
'...di antara 'aqidah Tauhid yang jelas dan <u>sempurna...</u> '
'...antara kejelasan tauhid <u>yang sempurna dan lengkap...</u> ' | (M/1/24)
(I/1/27) |
| (372) | الْأَوْسُ وَالْخَزْرَجُ | (A/1/30) |
| | /al-aws-u wa al-khazraj-u/
art-aus dan art-khazraj
'...Aus dan Khazraj...'
'...suku Aus dan Khazraj...' | (M/1/41)
(I/1/76) |

- (373) **الْمَطَاعِمِ وَ الْمَشَارِبِ** (A/1/34)
 /al-maṭā'im-i wa al- masyārib-i/
 art-makanan-makanan dan art-minuman-minuman
 '...makanan dan minuman...'
 '...makanan dan minuman...'
 (M/1/56)
 (I/1/42)
- (374) **السَّمْعِ وَالطَّاعَةِ** (A/1/35)
 /al-sam'i wa al- ṭā'at-i/
 art-pendengaran dan art-kepatuhan
 '...keta'atan dan kepatuhan...'
 '...mendengar dan taat...'
 (M/1/56)
 (I/1/42)
- (375) **فِي هَذَا الْمُلْكِ الطَّوِيلِ الْعَرِيضِ** (A/1/38)
 /fī hādhā al-mulk-i al- ṭawīl-i al-'arīḍ-i/
 dalam ini (m) art-kerajaan art-panjang art-lebar
 '...dalam kerajaan alam yang luas saujana ini...'
 '...kekuasaan yang panjang dan luas membentang ini'.
 (M/1/64)
 (I/1/45)
- (376) **الظُّرُوفُ وَالْمَلَابَسَاتُ** (A/1/349)
 /al-zurūf-u wa al- mulābasāt-u/
 art-keadaan dan art-kondisi-kondisi sekitar
 '...keadaan dan suasana...'
 '...kondisi dan situasi...'
 (M/2/199)
 (I/2/14)
- (377) **الْخُرَافَاتِ وَالْأَسَاطِيرِ** (A/1/394)
 /al-khurāfāt-a wa al- asāṭīr-a/
 art-tahyul-tahyul dan art-legenda-legenda
 '...khurafat dan dongeng-dongeng yang karut...'
 (M/2/320)
- (378) **تَقَالِيدَ وَعَادَاتٍ** (A/1/766)
 /taqālīd-a wa 'ādāt-in/
 tradisi-tradisi dan adat-adat
 '...tradisi-tradisi, adat-adat ...'
 (M/3/605)
- (379) **قِيَمٍ وَمَوَازِينٍ** (A/1/1246)
 /qiyam-in wa mawāzīn-a/
 nilai-nilai dan neraca-neraca
 '...nilai-nilai, neraca pertimbangan...'
 (M/6/7)

- (380) (A/3/1291)
 آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ
 /āman -ū wa ‘amil -ū
 telah beriman mereka (m) dan telah mengerjakan mereka (m)
 al- ṣāliḥāt-i/
 art-amalan-amalan yang salih
 '..orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang salih...'
(M/6/127)

Dalam contoh (371) kata الشَّامِلِ /al-syāmil/ muncul sebagai pelengkap kata الْكَامِلِ /al- kāmil/, namun tidak memperoleh padanan, berbeza dengan kata yang sama di tempat lain seperti dalam contoh berikut:

- (381) (A/1/186)
 التَّصَوُّرِ الْكَامِلِ الشَّامِلِ
 /al-taṣawwur-i al- kāmil-i al-syāmil-i/
 art-kefahaman art-sempurna art-menyeluruh
 '..kefahaman yang sempurna dan menyeluruh...'
(M/1/436)

Beberapa Kolokasi Pelengkap mempunyai urutan yang tetap dan tidak pernah bertukar, seperti dalam contoh (372) الْأَوْسُ وَالْخَزْرَجُ /al-aws-u wa al-khazraj-u/ ‘Aus dan Khazraj’, contoh (373) الْمَطَاعِمِ وَالْمَشَارِبِ /al-maṭā‘im-i wa al-masyārib-i/ ‘makanan dan minuman’, contoh (374) السَّمْعِ وَالطَّاعَةِ /al-sam‘-i wa al-ṭā‘at-i/ ‘keta’atan dan kepatuhan’, dan dalam contoh (380) آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ /āman-ū wa ‘amil-ū al- ṣāliḥāt-i/ '..orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang salih...'. Beberapa di antara sebab tetapnya urutan tersebut adalah bersifat munasabah, seperti disebutkannya makanan sebelum minuman, kerana pada umumnya orang itu makan terlebih dahulu baru kemudian minum. Demikian juga perbuatan taat akan berlaku setelah seseorang itu mendengar terlebih dahulu apa yang harus ditaatinya itu. Sementara iman merupakan asas dari amalan-amalan yang salih. Dengan kata lain, amalan-amalan salih yang akan mendapat ganjaran adalah yang berdasar iman.

Dalam al-Qur'an banyak sekali ditemui ungkapan dengan urutan seperti dalam contoh (380) di atas.

Urutan *kondisi dan situasi* seperti tampak dalam contoh (376) terjemahan Melayu-Indonesia dapat dikategorikan sebagai pertentangan kolokasi dilihat dari segi urutan. Dalam wacana Melayu-Indonesia, urutan yang umum adalah *situasi dan kondisi* sehingga dalam bahasa percakapan sering kita dengar akronim SIKON, kependekan dari *situasi dan kondisi*. Berikut beberapa contoh penggunaan urutan situasi dan kondisi dalam wacana Melayu-Indonesia (huruf condong oleh penulis):

Perupa Hanafi, Ivan Haryanto, Nasirun, Tisna Sandjaya, dan Wayan Kun Adnyana, dengan caranya masing-masing juga mengkritisi *situasi dan kondisi* politik di tahun Pemilu 2009 ini
<http://www.kompas.com/read/xml/2009/02/04/0111556/moralitas.perupa.untuk.mengkritik.dan.mencibiri.situasi.politik>.

Percuma kata-kata/kalimat yang bagaimanapun tidak akan menyentuh hati dan pikiran para politisi dan pejabat. Sementara tidak sedikit juga rakyat yang tidak peduli terhadap *sikon*
<http://www.kompas.com/read/xml/2008/09/30/23342147/paceklik.kebahagian.saat.lebaran>.

TEMPO Interaktif, Banda Aceh:Survei yang dilakukan IFES, lembaga internasional untuk membangun demokrasi di dunia, menyebutkan *situasi dan kondisi* perekonomian di Provinsi Nangroe Aceh Darussalam buruk.
<http://www.tempointeraktif.com/hg/nasional/2007/02/15/brk.20070215-93334.id.html>

Sikon begini mau berantas korupsi sama saja DREAM ON
<http://www.tempo.co.id/hg/khusus/kolom/?case=interaktif&act=read&page=180>

Dalam data ditemui bahawa kombinasi *الظُرُوفُ وَالْمَلَابَسَاتُ* /al-zurūf-u wa al-mulābasāt-u/ muncul sebanyak 9 (sembilan) kali kemunculan. Hal ini menunjukkan bahawa urutan tersebut lazim dalam wacana bahasa Arab, sementara kombinasi *kondisi dan situasi* tidak lazim dalam wacana bahasa Melayu-Indonesia.

6.1.2.4 Kolokasi Ungkapan Am:

Kolokasi ini terdiri dari sebuah kata, frasa atau ayat lengkap yang muncul setelah Kata Nama Diri (KND) tertentu atau Kata Ganti Nama yang merujuk kepada KND tersebut. Fungsi ayat ini berupa pujian, celaan, dan doa. Contoh:

- (382) إِنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ هُوَ الْحَقُّ (A/1/14)
- /inna Allāh-a subhān-a -hu huwa al-ḥaqq-u/
 sesungguhnya Allah Maha Suci-Ia (m) Ia (m) art-benar
 'Allah S.W.T. itulah yang benar/al-Haq...'
 'Sesungguhnya, Allah adalah Mahabener...'
 (M/1/10)
 (I/1/17)
- (383) وَمِنْ وُجُودِهِ تَعَالَى (A/1/14)
- /wa min wujūd-i -hi ta'ālā/
 dan dari kewujudan-nya (m) Maha Tinggi Ia (m)
 '...dan dari kewujudan Allah Ta'ala...'
 '...dan dari kewujudan-Nya...'
 (M/1/10)
 (I/1/17)
- (384) بِشَهَادَةِ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ (A/1/112)
- /bi- syahādat-i Allāh-i 'azz-a wa jall-a/
 dengan kesaksian Allah mulia ia (m) dan agung ia (m)
 '...dengan disaksikan oleh Allah 'Azzawajalla...'
 '...dengan kesaksian Allah Azza wa Jalla...'
 (M/1/257)
 (I/1/137)
- (385) عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ (A/1/21)
- /'an rasūl-i Allāh-i ṣalla Allāhu 'alay-hi
 dari utusan Allah telah berselawat ia (m) atas-nya (m)
 wa sallam-a/
 dan telah memberi salam ia (m)
 '...dari Rasulullah s.a.w...'
 '...dari Rasulullah saw...'
 (M/1/21)
 (I/1/25)
- (386) وَكَانَ جِبْرِيلُ عَلَيْهِ السَّلَامُ يَلْقَاهُ (A/1/27)
- /wa kāna jibrīlu 'alay-hi al-salām-u
 dan adalah ia (m) Jibril atas-nya (m) art-kesejahteraan
 ya- lqā -hu/
 ia (m) menjumpai-nya (m)
 'Biasanya Jibril a.s. mengunjungi beliau...'
 'Malaikat Jibril a.s. selalu datang menemui beliau...'
 (M/1/37)
 (I/1/34)

- (387) لِإِبْرَاهِيمَ - عَلَيْهِ السَّلَامُ (A/1/28)
 /li-ibrāhīm-a ‘alay-hi al-salām-u /
 bagi Ibrahim atas -nya (m) art-kesejahteraan
 ‘...dengan Ibrahim a.s...’ (M/1/38)
- (388) وَجَاءَ عَلِيٌّ - كَرَّمَ اللَّهُ وَجْهَهُ - بِالْمَاءِ (A/1/464)
 /wa jā’a ‘aliyy-un karram-a Allāh-u
 dan telah datang ia (m) Ali telah memuliakan ia (m) Allah
 wajah-a-hu bi al-mā’-i/
 wajah -nya (m) dengan art-air
 ‘Kemudian Ali Karramallahu wajhah membawa air...’ (M/2/486)
 ‘Ali, karramallahu wajhahu, datang dengan membawa air...’ (I/2/150)
- (389) جُثْمَانِ حَمَزَةَ - رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ (A/1/466)
 /juthmān-i ḥamzat-a raḍiya Allāh-u ‘an-hu/
 mayat Hamzah telah menyukai ia (m) Allah dari-nya
 (m)
 ‘...mayat Hamzah r.a. ...’ (M/2/490)
 ‘...jasad Hamzah...’ (I/2/152)
- (390) الْأُسْتَاذُ الْإِمَامُ الشَّيْخُ مُحَمَّدُ عَبْدُهُ رَحِمَهُ اللَّهُ (A/1/762)
 /al-ustādh-u al-imām-u al-syaikh-u muḥammad ‘abduh
 art-ustaz art-imam art-syekh Muhammad Abduh
 raḥima -hu Allāh-u
 telah mengasihani ia (m)-nya (m) Allah
 ‘...al-Ustaz al-Imam Syekh Muhammad Abduh (M/3/597)
 Rahimahullah...’
 ‘Ustadz al-Imam Syekh Muhammad Abduh rahimahullah...’ (I/3/83)
- (391) مِنْ هَذَا الشَّيْطَانِ لِأَنَّهُ - لَعَنَهُ اللَّهُ عَلَيْهِ (A/1/761)
 /min hādhā al-syayṭān-i li-anna-hu la‘nat-u-Allāh-i
 dari ini (m) art-syaitan kerana ia (m) kutukan Allah
 ‘alay -hi/
 atas-nya (m)
 ‘...dari syaitan, kerana syaitan yang terkutuk...’ (M/3/593)
 ‘...dari tipu daya setan yang dilaknat Allah...’ (I/3/82)

Di antara perbezaan sistem penulisan Arab dan Rumi adalah bahawa dalam huruf Arab tidak mengenal huruf besar seperti yang dikenal dalam penulisan Rumi. Mengikut tatabahasa Melayu (Nik Safiah Karim, *et al*, 2006: 98-100), huruf pertama Kata Nama Khas (KNKh) ditulis dengan huruf besar, sama ada KNKh hidup

manusia, seperti *Fatimah*, *Lim Ah Ming*, dan *Kamaladevi*, atau KNKh hidup bukan manusia, seperti *Jibrail*, *Belang*, dan *Kancil*, atau KNKh tak hidup, seperti *Melayu*, *Toyota*, dan *Proton Saga*. Dan mengikut Pedoman Umum Ejaan Bahasa Melayu yang diterbitkan oleh Majlis Bahasa Brunei Darussalam Indonesia Malaysia (MABBIM), huruf besar juga digunakan dalam penulisan Kata Ganti untuk Allah, seperti *Tuhan akan menunjukkan jalan yang benar kepada hamba-Nya*, *Bimbinglah hamba-Mu*, ya Tuhan, ke jalan yang *Engkau* restui.

Sistem penulisan seperti ini tidak dikenal dalam bahasa Arab. Ungkapan-ungkapan seperti dalam contoh-contoh di atas boleh dijadikan pedoman untuk membezakan KNKh dari Kata Nama Am (KNA). Selain berfungsi sebagai pembeza, ungkapan-ungkapan tersebut juga mengandungi penghormatan seperti tampak dalam contoh (382), (383), dan (384). Ungkapan terdiri dari OM الْمُفْعُولُ الْمُطْلَقُ /al-maf'ūl al-muṭlaq/ 'the absolute object' سُبْحَانَ /subḥāna/ dan KGN /-hu/. OM سُبْحَانَ /subḥāna/ dalam al-Qur'an disebutkan sebanyak 13 (tiga belas) kali yang berkombinasi dengan KH الَّذِي /al-ladhī/ (surah al-Isrā' ayat 1 dan ayat 108, surah Yāsīn ayat 36, dan surah al-Zukhruf ayat 13), KNKh Allah (surah al-Mu'minūn ayat 91, surah al-Qaṣaṣ ayat 68, surah al-Ṣāffāt ayat 159, surah al-Zukhruf ayat 82, dan surah al-Ḥasyr ayat 23, dan FN رَبَّنَا /rabba-nā/ (surah al-Isrā' ayat 93), رَبِّكَ /rabbi-ka/ (surah al-Ṣāffāt ayat 18), dan رَبَّنَا /rabbi-nā/ (surah al-Isrā' ayat 108, surah al-Qalam ayat 29). Dalam ketiga belas kali kemunculan itu, OM سُبْحَانَ /subḥāna/ sentiasa diterjemahkan menjadi "Maha Suci". Ungkapan تَعَالَى /ta'ālā/ yang secara harfiah bererti "tinggi", disebutkan dalam al-Qur'an sebanyak 3 (tiga) kali kemunculan dan hanya sekali sahaja diterjemahkan menjadi "Maha Tinggi", iaitu dalam surah al-Jinn ayat 3, sedangkan dalam kedua-dua kemunculan lainnya, iaitu dalam surah al-Naḥl ayat 3 dan surah al-Naml ayat 63, kata tersebut diterjemahkan menjadi "Maha Suci".

Kedua-dua ungkapan سُبْحَانَهُ /subḥāna-hu/ dan تَعَالَى /ta‘ālā/ kerap muncul secara berdampingan dengan KH وَ /wa/ di antara kedua-duanya sehingga menjadi سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى /subḥānahu wa ta‘ālā/. Ungkapan ini dalam wacana Melayu-Malaysia dan Melayu-Indonesia kerap disingkat menjadi SWT – dengan huruf besar -- (Noresah bt. Baharom, *et al*, 2005: 1557) dan swt – dengan huruf kecil (Tim Redaksi Kamus Besar Bahasa Indonesia, 1995: 1234).

Ungkapan lainnya yang biasa digunakan untuk menghormati Allah adalah kombinasi dua KK عَزَّ /‘azza/ yang secara harfiah bererti ‘mulia’ dan KK جَلَّ /jalla/ ‘agung’. *Kamus Dewan* telah memasukkan ungkapan ini dengan entri “Azzawajalla” yang diberi makna “Yang Maha Agung” (Noresah bt. Baharom, *et al*, 2005: 97).

Nabi Muhammad SAW dalam agama Islam mempunyai kedudukan tersendiri, yang berbeza berbanding para nabi yang lainnya. Beliau nabi terakhir yang ajarannya bersesuaian untuk segala suku bangsa dan sebarang masa hingga akhir zaman. Ungkapan penghormatan sekaligus doa yang diberikan kepada beliau pun berbeza dengan yang diberikan kepada para nabi lainnya. Ungkapan yang diberikan kepada beliau adalah sebuah ayat penuh صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ /ṣallā Allāh ‘alay-hi wa sallama/ yang secara harfiah bererti ‘Allah telah bersalawat dan bersalam kepadanya’. Sementara ungkapan yang diberikan kepada nabi lainnya adalah FS عَلَيْهِ السَّلَامُ /‘alay-hi al-salām-u/ yang secara harfiah bererti “atasnya kesejahteraan”. *Kamus Dewan* telah memasukkan ungkapan صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ /ṣallā Allāh ‘alay-hi wa sallama/ dalam entri *Sallallahualaihiwasallam* (Ibid: 1375) yang diberi penjelasan “moga-moga Allah memberkati dan memberi kesejahteraan ke atasnya (dikatakan setelah menyebut nama Nabi Muhammad)”. Ungkapan ini biasa dipendekkan menjadi SAW yang juga menjadi salah satu entri *Kamus Dewan* (Noresah bt. Baharom, *et al*, 2005: 1399) dan ungkapan عَلَيْهِ السَّلَامُ /‘alay-hi al-salām-u/ dalam

entri *alaihissalam* dengan penjelasan “*damai atau kesejahteraan padanya (biasanya digunakan atau disebutkan sesudah menyebut nama nabi, seperti Sulaiman alaihissalam, Daud alaihissalam, dll)*”. (Ibid: 30) dan ungkapan ini kerap dipendekkan menjadi a.s. yang juga menjadi salah satu entri *Kamus Dewan* (Ibid: 80).

Ungkapan yang biasa disebut setelah nama para sahabat adalah رَضِيَ اللهُ عَنْهُ /raḍiya Allāh-u ‘an-hu/ seperti dalam contoh (389). *Kamus Dewan* telah memasukkan ungkapan ini dengan entri *radiallahuanhu* dengan penjelasan “*moga-moga Allah memberi keredaan kepadanya (disebut sesudah menyebutkan nama khalifah Abu Bakar, Umar, Othman, dan Ali)*” (Ibid: 1265) yang biasa dipendekkan menjadi r.a. yang juga telah dimasukkan sebagai entri dalam *Kamus Dewan* (Ibid: 1262). Sebagaimana tampak dalam contoh (389), ungkapan tersebut tidak terbatas kepada para khalifah yang disebutkan dalam penjelasan *Kamus Dewan*, melainkan berlaku untuk seluruh sahabat. Khusus untuk Sahabat Ali, selain ungkapan ini beliau mendapat ungkapan khusus seperti yang tercantum dalam contoh (388) كَرَّمَ اللهُ وَجْهَهُ /karrama Allāhu wajhahu/ yang mengandung makna *moga-moga Allah memuliakan wajahnya*. Dalam terjemahan Melayu-Indonesia, ungkapan tersebut ditulis dengan huruf condong sebagai penanda bahawa ungkapan itu adalah ungkapan asing.

Ungkapan رَحِمَهُ اللهُ /raḥima-hu Allāhu/ seperti yang tampak dalam contoh (390) biasa digunakan setelah menyebut nama para ulama. Ungkapan ini telah masuk dalam *Kamus Dewan* dengan entri *rahimahullah* dengan penjelasan “*Allah menaruh belas kasihan padanya*” tanpa memberitahukan bila ungkapan ini diucapkan atau ditulis (Ibid: 1268).

Berbeza dengan contoh-contoh sebelumnya, contoh (391) memperlihatkan sebuah ungkapan yang sama-sama doa, tetapi doa agar keburukan ditimpakan kepada

yang didoakan. Ungkapan لَعْنَةُ اللَّهِ عَلَيْهِ /la‘naṭ-u-Allāh-i ‘alay-hi/ memang sepatutnya diucapkan setelah nama musuh umat manusia dan musuh Allah itu disebutkan. *Kamus Dewan* memasukkan entri *laknatullah* yang diberi erti “*dikutuk Allah*” tanpa penjelasan bila ungkapan ini disebut atau ditulis (Lihat Noresah bt. Baharom, *et al*, 2005: 870).

Penggunaan ungkapan-ungkapan yang disesuaikan dengan konteks seperti telah dibincangkan di atas ini adalah sebagai penerapan مُقْتَضَى الْحَال /muqtaḍā al-ḥāl/ 'sesuai dengan yang diperlukan oleh situasi' seperti yang dicadangkan oleh linguis Arab al-Sakkākiyy (1937) (lihat sub-bab 2.3).

6.1.2.5 Kolokasi Ungkapan Khas:

Yang dimaksud dengan Ungkapan Khas adalah ungkapan yang meliputi idiom, peribahasa, kiasan dan yang sejenisnya. Sebagian linguis tidak memasukkan idiom, peribahasa dan kiasan ke dalam kelompok kolokasi. Mengikut mereka, salah satu syarat kolokasi adalah maknanya harus dapat ditelusuri dengan mudah, sementara idiom, peribahasa dan kiasan tidak demikian. Alasan penyelidik memasukkannya dalam kelompok kolokasi adalah bahawa idiom, peribahasa dan kiasan yang dimasukkan dalam kelompok kolokasi di sini adalah yang memang mengandung kombinasi leksem-leksem yang muncul secara bersamaan dan mantap. Kemunculan secara bersamaan dan mantap ini merupakan salah satu ciri kolokasi yang dijadikan pedoman dalam penyelidikan ini. Pendapat bahawa idiom, peribahasa dan kiasan termasuk kolokasi juga didukung oleh pernyataan Hill (2000: 50, 51) yang mengatakan, “*In one sense all collocation is idiomatic and all idioms and phrasal verbs are collocations*” dan “*some ‘strong’ collocations have the status of idioms*” dan mengikut takrif kolokasi yang diberikan oleh Ghazala (2004: 1) yang

memasukkan idiom ke dalam kelompok kolokasi peringkat kedua. Berikut contoh-contoh Kolokasi Ungkapan Khas:

- (392) تُكْشَطُ بِجِرَّةِ قَلَمٍ (A/1/13)
 /tu- ksyat-u bi jarrat-i qalam-in/
 ia (f) dihilangkan dengan tarikan pena
 '...boleh dihapuskan dengan hujung pena sahaja...'
 '...terbuka tutupnya dengan goresan pena...'
 (M/1/8)
 (I/1/16)
- (393) نُلقِي ضَوْءاً عَلَى مُجْمَلٍ هَذِهِ الْمَلَابَسَاتِ (A/1/28)
 /nu- lqiy-a daw'-an 'alā mujmal-i hādhihi
 kita melempar cahaya atas ringkas ini (f)
 al- mulābasāt-i/
 art-keadaan-keadaan
 '...kita terangkan keadaan-keadaan ini dengan ringkas...'
 '...kita menyorot secara global pergaulan...'
 (M/1/38)
 (I/1/35)
- (394) حَذَوَكَ النَّعْلَ بِالنَّعْلِ (A/2/1062)
 /ḥadhwa -ka al- na'l-a bi al-na'l-i/
 bersemuka-mu (m) Art-kasut dengan Art-kasut
 '...(zero)...'
 'Kasusnya sangat persis'
 (M/6/40)
 (I/4/54)
- (395) وَهُوَ فَلْدُهُ كَبِدِهَا (A/1/392)
 /wa huwa fildhat-u kabid-i-hā/
 dan ia (m) potongan hati -nya (f)
 '...iaitu jantung hatinya...'
 '...berupa buah hatinya...'
 (M/2/315)
 (I/2/64)
- (396) دُونَ أَنْ تُلقِي بِالآ إِلَى الْمُحَادِلِينَ (A/1/451)
 /dūna an tu- lqiy-a bāl-an ilā
 tanpa art ia (f) melempar keadaan kepada
 al-mujādil-īna/
 art-orang-orang yang bertengkar
 '...tanpa menghiraukan kepada gangguan-gangguan para penentang...'
 '...dengan tetap memperhatikan ulah para penentang...'
 (M/2/454)
 (I/2/133)
- (397) وَقَعَ الْهَرْجُ وَالْمَرْجُ (A/1/462)
 /waqa'a al- harj-u wa al- marj-u
 telah berlaku ia (m) art-kekacauan dan art-kerosakan
 '...menjadi kucar-kacir...'
 (M/2/482)

- ‘...kalang kabut...’ (I/2/147)
- (398) مِنْ نَفَرٍ يُعَدُّونَ عَلَى الْأَصَابِعِ (A/1/462)
 /min nafar-in yu-‘add-ūna ‘alā al- aṣābi‘-i/
 dari sekumpulan orang mereka (m) dihitung atas art-jari-jari
 ‘...bersama-sama beberapa orang tentera Islam yang boleh (M/2/482)
 dibilang dengan jari...’
 ‘...oleh beberapa orang saja...’ (I/2/147)
- (399) نُعَاجِلُهُ بِمَزِّ الْكَتَفَيْنِ (A/1/579)
 /nu-‘ālij-u -hu bi- hazz-i
 kita menghadapi-nya (m) dengan menggoncang-goncangkan
 al- katfa-yn-i/
 art-bahu dua
 ‘Apakah kita harus hadapi keadaan realiti yang tidak (M/3/173)
 seimbang itu dengan menggoncang-goncangkan bahu
 sahaja...’
 ‘Kita pecahkan dengan menggoyang kedua pundak?’ (I/2/277)
- (400) وَتَرَكُ كُلَّ مِنَ الزَّوْجَيْنِ يَخِطُّ رَأْسَهُ فِي الْجِدَارِ (A/1/580)
 /wa tark-u kull-in min al- zawja-yn-i
 dan membiarkan setiap dari art-suami isteri
 ya- khbiṭ-u ra’s-a -hu fī al- jidār-i/
 ia (m) menghentakkan kepala-nya (m) di art-dinding
 ‘...dan membiarkan suami isteri itu menghentakkan kepala (M/3/176)
 mereka di dinding...’
 ‘...dan membiarkan masing-masing suami-istri (I/2/278)
 menyandarkan kepalanya ke tembok?’
- (401) هَلِ الْحَيَاةُ أَقْوَى مِنَ الْكَوْنِ بِحَيْثُ تَظْهَرُ رَغْمَ أَنْفِهِ؟! (A/2/1271)
 /hal al- ḥayāt-u aqwā min al-kawn-i
 apakah art-kehidupan lebih kuat daripada art-alam
 bi- ḥaythu ta- zhar-u raghma anfi-hi/
 dengan mana ia (f) muncul meskipun hidung-nya (m)
 ‘Apakah hayat itu lebih kuat dari alam buana hingga ia boleh (M/6/76)
 lahir tanpa persetujuannya?’
 ‘Apakah kehidupan itu lebih kuat daripada alam semesta (I/4/292)
 yang demikian jelas’

Penterjemahan idiom dan ungkapan tetap bukanlah pekerjaan yang mudah. Ada kalanya seorang penterjemah tidak menyedari bahawa kata-kata yang akan diterjemahkannya itu merupakan sebuah idiom atau ungkapan tetap sehingga ia

menterjemahkannya apa adanya. Penterjemahan idiom atau ungkapan tetap secara harfiah tentunya akan menghasilkan sebuah pesan yang tidak sesuai dengan yang diharapkan oleh penulis TS. Beberapa contoh kolokasi di atas memperlihatkan bagaimana idiom atau ungkapan tetap yang mendapat perlakuan seperti itu, misalnya dalam contoh (392). Idiom *بِجَرَّةِ قَلَمٍ* /bi-jarrat-i qalam-in/ yang secara harfiah berarti “*dengan tarikan pena*” diterjemahkan menjadi “*dengan hujung pena sahaja*” dan “*dengan goresan pena*”. Ayat selengkapnya dari kedua-dua terjemahan tersebut adalah sebagai berikut:

(A/1/13) وَلَا يُفْتَرَضُ فِي كِلْتَا الْحَالَتَيْنِ أَنَّ مُقَوِّمَاتَ فِطْرَتِهِ سَطْحِيَّةٌ تُنْشَأُ بِقَانُونٍ أَوْ تُكْشَطُ بِجَرَّةِ قَلَمٍ

/wa la yu- ftaraḍu fī kiltā al- ḥālatayni
 dan tidak ia (m) diandaikan dalam kedua-dua art-keadaan
 anna muqawwimāt-a fiṭrati-hi saḥīyyat-un
 bahawa asas-asas fitrah-nya (m) dangkal
 tu- nsya’u bi- qānūn-in aw tu- ksyāṭu
 ia (f) diwujudkan dengan undang-undang atau ia (f) dihapus
 bi- jarrat-i qalam-in/
 dengan tarikan pena

‘Dan dalam dua keadaan ini sistem ini juga tidak mengandaikan (M/1/8)
 bahawa asas-asas fitrah makhluk insan ini adalah asas-asas yang
 dangkal yang hanya wujud dengan kuasa undang-undang atau
 boleh dihapuskan dengan hujung pena sahaja...’

‘Dan, tidaklah dapat dipastikan dalam kedua kondisi itu bahwa (I/1/16)
 unsur-unsur fitrahnya merupakan bekal yang berkembang
 dengan undang-undang atau terbuka tutupnya dengan goresan
 pena’.

Fāyid (2007: 82) mentakrifkan idiom *بِجَرَّةِ قَلَمٍ* /bi-jarrat-i qalam-in/ dengan *بِسُرْعَةٍ وَبَسَاطَةٍ بِدُونِ جُهْدٍ وَعَنَاءٍ* /bi-sur‘at-in wa basāṭat-in bi-dūni juhd-in wa ‘anā’-in/ ‘*dengan cepat dan senang tanpa bersusah payah*’. Jika makna yang diberikan oleh Fāyid ini diikuti, maka kedua-dua ayat di atas akan lebih mudah difahami

maksudnya. Bandingkan antara kedua-dua ayat di atas dengan kedua-dua ayat berikut:

Dan dalam dua keadaan ini sistem ini juga tidak mengandaikan bahawa asas-asas fitrah makhluk insan ini adalah asas-asas yang dangkal yang hanya wujud dengan kuasa undang-undang atau boleh dihapuskan dengan cepat dan senang tanpa bersusah payah...

Dan, tidaklah dapat dipastikan dalam kedua kondisi itu bahwa unsur-unsur fitrahnya merupakan bekal yang berkembang dengan undang-undang atau terbuka tutupnya dengan cepat dan mudah tanpa bersusah payah...

Ayat terakhir di atas adalah terjemahan Melayu-Indonesia. Meskipun idiom بِجَرَّةِ قَلَمٍ /bi-jarraṭ-i qalam-in/ sudah diterjemahkan sesuai dengan makna yang dimaksud, namun makna keseluruhan ayat tersebut masih akan lebih mendekati pesan TS jika penterjemahannya dilakukan lebih cermat lagi. Kata dan frasa yang bergaris bawah dalam ayat terakhir di atas merupakan terjemahan dari يُفْتَرَضُ /yu-ftaraḍu/, سَطْحِيَّةٌ /saṭḥiyyah/, تُنْشَأُ /tu-nsya'/, dan تُكْشَطُ /tu-ksyatu/. Pemilihan kata *dipastikan* dan *bekal* sebagai padanan يُفْتَرَضُ /yu-ftaraḍu/ dan سَطْحِيَّةٌ /saṭḥiyyah/ merupakan padanan yang terlalu jauh. Wehr (1080: 706) memberi erti untuk kata افْتَرَضَ /iftaraḍa/ dengan *to assume, suppose* ‘menganggap, mengandaikan’ dan *superficiality* ‘kedangkalan’ untuk kata سَطْحِيَّةٌ /saṭḥiyyah/, sementara kata تُنْشَأُ /tu-nsya’/ memang salah satu maknanya adalah *berkembang*, sebagaimana juga salah satu makna kata تُكْشَطُ /tu-ksyatu/ adalah *terbuka*. Bandingkan ayat di atas dengan ayat berikut ketika keempat kata ini diberi padanan *diandaikan, dangkal, diwujudkan* dan *dihapuskan*:

Dan, tidaklah dapat diandaikan dalam kedua kondisi itu bahwa unsur-unsur fitrahnya adalah unsur-unsur yang dangkal yang diwujudkan dengan undang-undang atau dapat dihapus dengan cepat dan mudah tanpa bersusah payah...

Ungkapan حَذُّوكِ النَّعْلِ بِالنَّعْلِ /ḥadhwa-ka al-na‘l-a bi al-na‘l-i/ seperti tercantum dalam contoh (394) di atas, dalam Tafsir *Fī Zilāl al-Qur‘ān* disebutkan sebanyak tiga kali, yaitu dalam pentafsiran surah al-An‘ām, surah al-A‘rāf, dan dalam pentafsiran surah Ibrāhīm.

(402) وَذَلِكَ كَالَّذِي يَخُذُّ مِنْ أَهْلِ الْجَاهِلِيَّةِ الْيَوْمِ . . حَذُّوكِ النَّعْلِ (A/2/1062)

بِالنَّعْلِ

/wa dhālika ka- lladhī ya- ḥuthu min ahl-i
dan itu (m) seperti yang (m) ia (m)-berlaku dari ahli
al-jāhiliyyat-i al-yawm-a ḥadhwa -ka al- na‘l-a
art-jahiliah art-hari tapakmu -mu art-kasut
bi al- na‘l-i/
dengan art-kasut

‘Hal ini sama dengan keadaan yang berlaku di kalangan pendokong-pendokong jahiliyah pada hari ini’. (M/5/88)

‘Hal itu seperti yang terjadi pada orang-orang jahiliah masa kini. Kasusnya sangat persis’. (I/4/54)

(403) وَشَيْعَةٌ تُسَمِّي نَفْسَهَا "مُسْلِمَةً" ! وَهِيَ تَتَّبِعُ مَنَاهِجَ أَهْلِ الْكِتَابِ (A/3/1257)

هَذِهِ - حَذُّوكِ النَّعْلِ بِالنَّعْلِ !

/wa syī‘at-un tu- sammī nafs-a-ha muslimat-an
dan golongan ia (f) menamakan diri -nya (f) muslimat
wa hiya ta-tba‘u manāhij-a ahl-a al-kitab-i hādhihi
dan ia (f) menuruti cara-cara ahli art-kitab ini (f)
ḥadhwa -ka ka al- na‘l-a bi al- na‘l-i/
tapak -mu (m) art-kasut dengan art-kasut

‘Dan puak yang menamakan diri mereka sebagai “puak Muslim” yang mengikut sistem hidup dan methodologi-methodologi puak Ahlil-Kitab’. (M/6/40)

‘Golongan yang menyebut dirinya “Muslim”, yang mengikut tata kehidupan Ahli Kitab ini – setapak demi setapak! -- ...’. (I/4/274)

(404) وَيَسِيرُونَ حَذُّوكِ النَّعْلِ بِالنَّعْلِ سِيرَةَ الْهَالِكِينَ (A/2/112)

/wa ya-sīr-ūna ḥadhwa -ka al- na‘l-a
dan mereka berjalan tapak -mu (m) art-kasut
bi al- na‘l-i sīrat-a al- hālik-īna/
dengan art-kasut cara art-orang-orang yang binasa

‘...dan bertindak menurut jejak penzalim-penzalim yang telah binasa itu setapak demi setapak. (M/9/500)

‘Mereka berjalan menapaki tapak sandal demi sandal meniti jalan orang-orang yang binasa’. (I/7/112)

Şīniy *et al* (1996: 41) mentakrifkan ungkapan حَذْوِكَ النَّعْلِ بِالنَّعْلِ /ḥadhwa-ka al-na‘l-a bi al-na‘l-i/ dengan التَّشَابُهَ التَّامُّ /al-tasyābuh al-tāmm/ ‘keserupaan yang sempurna’. Wehr (1980: 164) mentakrifkan dengan ‘*in a completely identical manner, to a T, like two peas in a pod*’. Dalam ketiga kali kemunculan itu, ungkapan tersebut hanya sekali mendapat padanan dalam terjemahan Melayu-Malaysia, iaitu “*setapak demi setapak*”, sedangkan dalam terjemahan Melayu-Indonesia, berpadanan dengan “*Kasusnya sangat persis*”, “*setapak demi setapak*”, dan “*menapaki tapak sandal demi sandal*”. Jika merujuk kepada takrif yang diberikan oleh Şīniy, *et al* atau Wehr, padanan “*Kasusnya sangat persis*” – maksudnya, “*kesnya sangat sama*” – adalah padanan yang paling mendekati pesan TS.

Ungkapan أَنْ تُلْقِيَ بَالًا إِلَى /an tu-lqiy-a bāl-an ilā/ seperti yang tercantum dalam contoh (396), Fāyid (2007: 52) memberikan penjelasan sebagai berikut:

أَلْقَى (فُلَانٌ) إِلَى (فُلَانٍ / كَذًا) بَالًا :
إِهْتَمَّ بِهِ، اسْتَمَعَ جَيِّدًا لَهُ، اِكْتَرَتْ بِهِ، اِنْتَبَهَ إِلَيْهِ

Maksudnya, ungkapan أَلْقَى (فُلَانٌ) إِلَى (فُلَانٍ / كَذًا) بَالًا /alqā (fulān-un) ilā (fulān-in/ kadhā) bāl-an/ adalah “*memperhatikan, mendengarkannya dengan sungguh-sungguh, memberikan perhatian*”. Jika kita perhatikan kedua-dua versi terjemahan dalam contoh (396) di atas itu, ungkapan tersebut telah mendapatkan padanan yang sesuai, andaikata FS “*dengan tetap*” dalam terjemahan Melayu-Indonesia diganti dengan “*tanpa*” seperti yang terdapat dalam terjemahan Melayu-Malaysia. Kata Nafi دُونَ /dūna/ sama ada dalam bahasa Melayu-Malaysia atau dalam bahasa Melayu-Indonesia padanannya yang tepat adalah “*tanpa*”.

Ungkapan dengan menggunakan jari seperti tampak dalam contoh (398) يُعَدُّونَ عَلَى الْأَصَابِعِ /yu-‘add-ūna ‘alā al- aṣābi‘-i/ yang secara harfiah bererti ‘boleh dibilang dengan jari’, juga dikenal dalam masyarakat lain seperti Inggris dan Melayu. Dalam kamus *Cambridge International Dictionary of Idioms*, disebutkan “*can count sth on the fingers of one hand*” maksudnya adalah “*if you say that you can count things on the fingers of one hand, you are emphasizing that they are very rare*”. Contoh yang diberikan dalam kamus tersebut adalah “*I can count on the fingers of one hand the number of times she’s actually offered to buy me a drink*” (Walter, ed., 1998: 136). Maksudnya, “*Saya dapat menghitung dengan jari di sebelah tangan berapa kali ia sebenarnya menawarkan untuk membelikan minuman untukku*”. Setakat ini penulis belum berjaya mendapatkan maklumat, apakah ungkapan يُعَدُّونَ عَلَى الْأَصَابِعِ /yu-‘add-ūna ‘alā al- aṣābi‘-i/ berasal dari bahasa Inggeris atau bukan sehingga dapat dikategorikan sebagai “*borrowed collocation*” ‘kolokasi pinjaman’ seperti yang dikemukakan oleh Blau (1981: 60).

Kamus Dewan (Noresah bt. Baharom, et al, 2005: 611) di bawah entri “*jari*” memberikan contoh ayat “*dapat dibilang (dihitung) dengan jari*” yang diberi maksud “*sangat sedikit*”. Untuk itu, pepadanan dalam terjemahan Melayu-Malaysia “*...yang boleh dibilang dengan jari...*” merupakan hasil dari penterjemahan idiomatik (*idiomatic translation*) dan boleh difahami oleh pembaca masyarakat Melayu-Malaysia kerana ungkapan tersebut juga dikenal di tengah-tengah mereka, sedangkan padanan “*beberapa orang saja*” dalam terjemahan Melayu-Indonesia adalah hasil dari penterjemahan semantis (*semantic translation*) kerana tidak menggunakan idiom serupa meskipun sebenarnya wujud dalam bahasa Melayu-Indonesia (Newmark, 1988: 46-47 dan Machali, 2000: 52)

Ungkapan dengan menggunakan kata “*bahu*” seperti tercantum dalam contoh (399) di atas, juga dikenal dalam masyarakat Melayu – sama ada Melayu-Malaysia atau Melayu-Indonesia dengan sedikit perbezaan dalam pengungkapan dan maksudnya. Jika dalam tradisi Arab “*bahu*” itu digoncang-goncangkan atau digoyang (Lihat Fāyid, 2007: 503), maka dalam tradisi Melayu *bahu* itu cukup diangkat. *Kamus Dewan* (Noresah bt. Baharom, *et al*, 2005: 108) menyebut ungkapan “*mengangkat bahu*” sebagai bahasa percakapan yang maksudnya adalah untuk menyatakan tidak tahu. *Kamus Ungkapan Bahasa Indonesia*, dalam entri *bahu*, menjelaskan bahawa “*angkat bahu*” maksudnya adalah “*tidak tahu; masa bodoh*” (Maman S. Mahayana, *et al*, 1997: 32)

Ungkapan يَخْبِطُ رَأْسَهُ فِي الْجِدَارِ /*ya-khbiṭ-u ra’s-a-hu fī al-jidār-i/* seperti dalam contoh (400) merupakan kiasan. Suami isteri dalam ayat tersebut tidak dibiarkan menghentakkan kepalanya di dinding dalam makna yang sesungguhnya. Yang dimaksud adalah “*merasa jemu dan gelisah kerana sesuatu perkara yang tak kunjung terselesaikan*” (lihat Fāyid, 2007: 287). Jika memperhatikan maksud ungkapan ini, maka kedua-dua versi terjemahan dalam contoh (400) di atas tampaknya jauh dari apa yang diharapkan oleh penulis TS, kerana ungkapan tersebut diterjemahkan secara harfiah. Jika mengikuti maksud yang sebenar, maka kedua-dua versi terjemahan itu akan berbunyi sebagai berikut:

‘...dan membiarkan suami isteri itu tetap dalam rasa jemu dan kegelisahan dengan perkara yang tak kunjung terselesaikan...’

Idiom yang terdiri dari KSN رَغْمَ /*raghma/* dengan FN أَنْفِهِ /*anfi-hi/*, muncul dalam beberapa bentuk selain dari yang tampak dalam contoh (401). Bentuk lain tersebut adalah seperti رَغْمًا عَنْ أَنْفِهِ /*raghm-an ‘an anfi-hi/* dan عَلَى الرَّغْمِ مِنْ أَنْفِهِ /*‘alā al-raghm-i min anfi-hi/* yang diberi makna oleh Wehr dengan “*just to spite him,*

in defiance of him, against his will”, (Wehr, 1980: 347 dan Fāyid, 2007: 87) iaitu ‘sangat menjengkelkan hatinya, mengingkarinya, menentang kehendaknya’. Makna yang diberikan Wehr tak jauh berbeza dengan yang diberikan oleh Fāyid, iaitu عَلَيَّ إِجْبَارًا /‘alā ghayr-i irādati-hi, dūna muwāfaqati-hi, qasran, ijbar-an/ ‘bukan kerana kehendaknya, tanpa persetujuannya, secara terpaksa’.

Idiom رَغْمَ أَنفِهِ /raghma anfi-hi/ dalam contoh (401) di atas mendapatkan padanan yang sesuai hanya dalam terjemahan Melayu-Malaysia.

6.2 Batasan kolokasi bahasa Arab

Dalam Bab Kedua telah dikemukakan batasan kolokasi bahasa Arab yang dikemukakan oleh Husām al-Dīn (1985: 257-259) dan kriteria-kriteria yang menjadi batasannya yang dikemukakan oleh al-Wadranīy (2006: 195). Untuk mengetahui apakah kolokasi yang telah dikumpulkan dari data itu sesuai dengan batasan dan kriteria yang dikemukakan oleh kedua-dua linguist itu, berikut pembahasannya.

Tiga batasan yang dikemukakan oleh Husām al-Dīn (1985, 258:260) adalah: (1) Keserasian Kolokasi, (2) Had Jangkauan Kolokasi, dan (3) Keteguhan Kolokasi.

6.2.1 Analisis Keserasian Kolokasi

Yang dimaksud dengan batasan pertama ini adalah keserasian antara leksem-leksem yang berkolokasi, dan keserasian ini bergantung pada pengetahuan linguistik seseorang, sebagaimana telah dijelaskan pada sub-bab 2.7.1.1.

Jika kita melihat semula contoh-contoh yang sudah dibincangkan dalam subbab 6.1.2.4 iaitu tentang kolokasi ungkapan am, batasan pertama yang dikemukakan oleh Husām al-Dīn ini boleh diterapkan. Misalnya, ungkapan صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ /ṣalla Allāhu ‘alayhi wa sallam/ hanya serasi digunakan setelah menyebut

Rasulullah, sedangkan untuk para nabi lainnya – termasuk malaikat Jibril, ungkapan yang serasi adalah عَلَيْهِ السَّلَامُ /‘alayhi al-salāmu/, dan untuk para sahabat adalah ungkapan اللَّهُ عَنهُ رَضِيَ /raḍiya Allāhu ‘anhu/. Khusus untuk ‘Alī bin Abī Ṭālib, selain ungkapan اللَّهُ عَنهُ رَضِيَ /raḍiya Allāhu ‘anhu/ juga ada ungkapan lain yang hanya serasi bagi dirinya, iatu كَرَّمَ اللَّهُ وَجْهَهُ² /karrama Allāhu wajhahu/. Ungkapan yang serasi untuk para ulama adalah رَحِمَهُ اللَّهُ /raḥimahu Allāhu/.

Di atas telah dibincangkan bahawa keserasian antara leksem-leksem yang berkolokasi ini bergantung pada pengetahuan linguistik seseorang. Dengan pengetahuan linguistik ini seseorang tidak akan serta merta menolak sesuatu kombinasi yang tampaknya tidak serasi atau menganggapnya sebagai “*pertentangan kolokasi*”, kerana boleh jadi salah satu dari leksem yang berkolokasi itu digunakan secara metaforikal dan ini cukup banyak ditemui dalam ungkapan bahasa Arab. Misalnya, KK قَطَعَ /qaṭa‘a/ yang makna asalnya ‘memotong’ boleh berkolokasi dengan sejumlah KN seperti tampak dalam rajah berikut:

² Keserasian ungkapan كَرَّمَ اللَّهُ وَجْهَهُ /karrama allāhu wajhahu/ dengan ‘Alī bin Abī Ṭālib ini sekurang-kurangnya berdasarkan data yang ada yang juga kekerapan kemunculan ungkapan tersebut dalam teks-teks bahasa Arab. Namun jika dilihat dari segi akidah, banyak ulama yang berpendapat bahawa pengkhususan ungkapan ini untuk ‘Alī bin Abī Ṭālib merupakan perbuatan kelompok Syi‘aṭ al-Rāfiḍaṭ. Kerana ungkapan ini mengandungi makna doa, maka selayaknya – mengikut pendapat sebahagian ulama -- boleh digunakan untuk para sahabat yang lainnya juga. Di antara laman web yang menjelaskan masalah ini adalah <http://www.islamqa.com/ar/ref/105474>.

وفيه من الاستنكار ما يقطع الألسنة دون الجواب عليه !
تنزيها لله وتعظيما ; وهو يقطع الصلة بينه وبين هذا
الاستفهامات والإجابة عليها , بما يقطع الطريق على تلك المحاولات ;
ويمشي به في الطريق يقطع به الرؤوس ! ولكن لأن
وسمي الحرام سحتاً لأنه يقطع البركة ويمحقها . وما أشد
إليهم أجمعين . والله - سبحانه - يقطع الحجّة على العرب أن

Rajah 6.1: KK يَنْقَطِعُ /ya-qṭa‘/ dari Pentafsiran surah al-Baqaraṭ, al-Nisā’, al-Mā’idah, dan al-An‘ām

KK يَنْقَطِعُ /ya-qṭa‘/ bentuk الْمُضَارِعِ /al-muḍāri‘/ ‘imperfect’ dari قَطَعَ /qaṭa‘/ berkombinasi dengan sejumlah KN, iaitu الأَلْسِنَةَ /al-alsinat/ ‘lidah-lidah’, الصِّلَةَ /al-ṣilat/ ‘hubungan’, الطَّرِيقَ /al-ṭariq/ ‘jalan’, الرُّؤُوسَ /al-ru’ūs/ ‘kepala-kepala’, الْبَرَكَاتِ /al-barakat/ ‘keberkatan’, dan الْحُجَّةَ /al-ḥujjat/ ‘hujah’. KK يَنْقَطِعُ /ya-qṭa‘/ ketika berkombinasi dengan KN الأَلْسِنَةَ /al-alsinat/ makna asalnya, iaitu ‘memotong’ tidak lagi muncul. Klausa مَا يَنْقَطِعُ الأَلْسِنَةَ دُونَ الْجَوَابِ عَلَيْهِ /mā ya-qṭa‘u al-alsinat-a dūna al-jawāb ‘alay-hi/ diterjemahkan menjadi ‘yang membuat lidah tidak dapat memberi jawapan’ (M/1/276). Manakala berkombinasi dengan KN الصِّلَةَ /al-ṣilat/ ‘hubungan’, makna asal itu muncul kembali sehingga kombinasi kedua kata itu bermakna ‘memutuskan hubungan’ (M/2/61). Kombinasi KK dan KN bahkan menerbitkan sebuah ungkapan idiomatik sehingga klausa بِمَا يَنْقَطِعُ الطَّرِيقَ عَلَى تِلْكَ الْمُحَاوَلَاتِ /bi-mā ya-qṭa‘u al-ṭariq-a ‘alā tilka al-muḥāwalāt-i/ sama sekali tidak mengandungi makna asal kedua-dua kata tersebut. Klausa itu diterjemahkan menjadi ‘yang boleh menghalang percubaan-percubaan itu’ (M/1/421).

Makna asal KK يَنْقَطِعُ /ya-qṭa‘u/ juga muncul manakala berkombinasi dengan KN الرُّؤُوسَ /al-ru’ūs/ ‘kepala-kepala’ sehingga makna kombinasi kedua-dua kata

tersebut menjadi ‘memenggal kepala manusia’. Makna asal ini juga muncul ketika berkombinasi dengan KN الْحُجَّةُ /al-ḥujjat/, namun tentunya kata tersebut digunakan secara metaforikal, kerana KN الْحُجَّةُ /al-ḥujjat/ ‘hujah’ merupakan KN abstrak. Makna metaforikal juga wujud manakala KK يَقْطَعُ /ya-qṭa‘u/ berkombinasi dengan KN الْبَرَكَاتُ /al-barakat/. Kombinasi kedua-dua kata tersebut mendapatkan padanan ‘menghapus keberkatan’.

6.2.2 Analisis Had Jangkauan Kolokasi

Seperti yang berlaku dalam batasan pertama, boleh jadi beberapa leksem berkombinasi dengan leksem lainnya yang seakan-akan merupakan “*pertentangan kolokasi*” kerana kombinasinya itu tampak tidak lazim. Untuk tujuan pemakaian metaforikal boleh sahaja sesuatu leksem berkombinasi dengan leksem lain yang secara semantik tampak tidak bersesuaian. Misalnya, kombinasi KN شَمْسٌ /syams/ dengan KN الْعُمْرُ /al-‘umr/ ‘usia’ seperti dalam ayat شَمْسُ الْعُمْرِ تَمِيلُ لِلْغُرُوبِ /syams-u al-‘umr-i ta-mīlu li al-ghurūb-i/ ‘matahari usianya hampir jatuh’ (M/1/322), kombinasi KN قَدَمٌ /qadam/ ‘kaki’ dengan KN الْمُسَاوَاةُ /al-musāwāt/ ‘persamaan’ dalam klasua فَيَقِفُ الْجَمِيعُ عَلَى قَدَمِ الْمُسَاوَاةِ الْحَقِيقِيَّةِ /fa ya-qifu al-jamī‘u ‘alā qadam-i al-musāwāti al-ḥaqīqiyyat-i/ ‘Seluruh mereka berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah di hadapan Allah Tuhan semesta alam’ (M/1/499), dan kombinasi antara KN أَظْفِرَ /azāfir/ ‘kuku-kuku’ dengan KN الْبَاطِلِ /al-bāṭil/ ‘kebatilan’ dan الْضَّلَالِ /al-ḍalāl/ ‘kesesatan’ dalam ayat يُقَلِّمُ أَظْفِرَ الْبَاطِلِ وَالضَّلَالِ /yu-qallim-u azāfir-a al-bāṭil-a wa al-ḍalāl-i/ ‘Ia mahu memotong kuku kebatilan dan kesesatan’ (M/1/536). Ketiga kombinasi yang mengandung ungkapan metaforikal ini diterjemahkan apa adanya dengan mengekalkan makna harfiahnya selain ungkapan yang kedua yang diterjemahkan secara idiomatik. Ungkapan *berdiri sama tinggi dan*

duduk sama rendah merupakan peribahasa Melayu-Malaysia yang sangat sesuai dengan pesan yang terkandung dalam TS.

6.2.3 Analisis Keteguhan Kolokasi

Kemunculan secara bersamaan antara dua leksem atau lebih secara tetap yang dikenal dengan “*co-occurrence*” (Lehrer, 1974: 175) atau *occurrence together* (Hoey, 2005: 5) merupakan sebahagian syarat dari batasan yang ketiga, iaitu "Keteguhan kolokasi". Sebahagian leksem mempunyai hubungan yang tetap dan mantap dengan leksem tertentu yang tidak berubah atau berganti. Keteguhan hubungan ini tidak ada kaitannya dengan tatabahasa, tetapi mengikuti kesepakatan para pemakai bahasa itu sendiri. Contoh yang dikemukakan oleh Husām al-Dīn adalah طَافَ حَوْلَ الْكَعْبَةِ /ṭāfa ḥawla al-ka‘baṭ-i/ ‘bertawaf di sekitar Ka’bah dan سَعَى بَيْنَ الصَّفَا وَالْمَرْوَةِ /sa‘ā bayna al-ṣafa al-marwaṭ-i/ ‘bersai antara Safa dan Marwah’, yang jika mengikut pendapatnya kita tidak mungkin mengatakan سَعَى حَوْلَ الْكَعْبَةِ* /sa‘ā ḥawla al-ka‘baṭ-i/ ‘bersai di sekitar Ka’bah dan طَافَ بَيْنَ الصَّفَا وَالْمَرْوَةِ* /ṭāfa bayna al-ṣafa wa al-marwaṭ-i/ ‘bertawaf antara Safa dan Marwah’. Ini tentunya berdasar pada kekerapan yang berlaku pada kemunculan KK طَافَ /ṭāfa/ dengan KN الْكَعْبَةِ /al-ka‘baṭ/ dan KK /sa‘ā/ dengan kedua-dua KN الصَّفَا /al-ṣafa/ dan الْمَرْوَةِ /al-marwaṭ/. Kemunculan secara bersamaan ini memang merupakan salah satu ciri khas kolokasi, seperti yang dikemukakan oleh Hoey yang mengatakan bahawa kolokasi adalah:

“...is that it is a psychological association between words (rather than lemmas) up to four words apart and is evidenced by their occurrence together in corpora more often than is explicable in terms of random distribution” (Hoey, 2005: 5).

Mengikuti pendapat Hoey ini, kerapnya kemunculan antar kata-kata secara bersamaan merupakan bukti bahawa kombinasi KK طَافَ /tāfa/ dengan KN الكَعْبَةِ /al-ka‘bat/ dan KK /sa‘ā/ dengan kedua-dua KN الصَّفَا /al-ṣafa/ dan المَرْوَةِ /al-marwat/ boleh disebut sebagai kolokasi. Namun dari data yang diperolehi dari Tafsir *Fī Zilāl Al-Qur‘ān*, Sayyid Quṭb beberapa kali membuat kombinasi yang bertentangan dengan apa yang dikemukakan oleh Husām al-Dīn ini seperti tampak dalam rajah berikut:

نجد بيانا في موضوع الطواف بالصفى والمروة , بسبب ما
الكلام عن التخرج من الطواف بالصفى والمروة . وقد نزلت
بعض المسلمين تخرجوا من الطواف بالصفى والمروة في الحج
العلم ومن بيان مشروعية الطواف بالصفى والمروة ينتقل السياق
كلا الحج والعمرة جعل الطواف بين الصفى والمروة من
هم الذين تخرجوا من الطواف بين الصفى والمروة . . وكان

Rajah 6.2: Kombinasi KN الطَّوَّافِ /al-ṭawāf/ dengan
KN الصَّفَا /al-ṣafā/ dan KN المَرْوَةِ /al-marwat/

KN الطَّوَّافِ /al-ṭawāf/ merupakan kata terbitan dari KK طَافَ /tāfa/. Lazimnya KN الطَّوَّافِ /al-ṭawāf/ ini berkombinasi dengan الكَعْبَةِ /al-ka‘bat/ ‘Ka’bah’, namun Sayyid Quṭb menggunakannya secara tak lazim, iaitu *bertawaf di Safa dan Marwah* atau *bertawaf antara Safa dan Marwah* seperti tampak dalam rajah di atas.

6.3 Kriteria-kriteria kolokasi bahasa Arab

Selanjutnya kita akan mengkaji apakah data kolokasi yang telah dikumpulkan dari tafsir itu juga telah memenuhi kriteria-kriteria seperti yang dikemukakan oleh al-Wadrāniyy (2006: 195). Linguis Arab yang berasal dari Tunis ini mengemukakan

lima kriteria, iaitu: (1) Kriteria Konstruksi, (2) Kriteria Keterikatan, (3) Kriteria Semantik, (4) Kriteria Terjemah, dan (5) Kriteria Fungsi.

6.3.1 Analisis Kriteria Konstruksi

Untuk mengkaji kriteria ini, bahawa kolokasi itu merupakan kombinasi leksikal dalam bentuk ungkapan, kita boleh kembali kepada contoh-contoh yang telah dibahas pada lembaran terdahulu. Semua contoh memperlihatkan bahawa kolokasi terbentuk sedikitnya dari dua leksem dan masing-masing berupa satu kesatuan yang menerbitkan sebuah ungkapan. Misalnya contoh (116) yang memperlihatkan Kolokasi FK $يَنْظُرُ فِي$ /ya-nʒur-u fi/ yang berpadanan dengan ‘mengkaji’, contoh (118) $يَكْشِفُ عَنْ$ /ya-ksyif-u ‘an/ ‘mendedahkan’, dan contoh (119) $جَاءَ بِهِ$ /jā’a bi-hi/ ‘dibawa’. Kombinasi leksem-leksem dalam contoh-contoh ini tidak lagi dilihat satu per satu, melainkan sebagai satu kesatuan binaan. Makna *mengkaji* diperoleh bukan hanya dari KK $يَنْظُرُ$ /ya-nʒur-u/, tetapi dari gabungan KK tersebut dengan FSN $فِي$ /fi/, dan KSN ini merupakan bahagian tak terpisahkan dari KK $يَنْظُرُ$ /ya-nʒur-u/, kerana kehadiran FSN $فِي$ /fi/ itulah yang menerbitkan makna *mengkaji*. Demikian halnya dengan KK $يَكْشِفُ$ /ya-ksyif-u/ dengan KSN $عَنْ$ /‘an/ dan KK $جَاءَ$ /jā’a/ dengan KSN $بِ$ /bi/.

6.3.2 Analisis Kriteria Keterikatan

Contoh-contoh di atas juga merupakan bukti bahawa kombinasi KK dengan KSN ini telah membentuk sesuatu struktur yang memenuhi “Kriteria Keterikatan”. Antara KK dan KSN dalam kombinasi tersebut terdapat keterikatan yang siap dan mantap sehingga menerbitkan makna yang berbeza jika KK tersebut berkombinasi dengan KSN yang berbeza. Kesiapan dan Keteguhan kombinasi tersebut boleh

dibuktikan dengan merujuk kepada sejumlah kamus, misalnya **مُعْجَمُ الْأَفْعَالِ الْمُتَعَدِّيَةِ بِحَرْفِ** /mu‘jam al-af‘āl al-muta`addiyat bi ḥarf/ 'kamus kata kerja yang menjadi transitif dengan partikel' karangan Mūsā bin Muḥammad bin al-Malyaniy al-Aḥmadiy.

6.3.3 Analisis Kriteria Semantik

Iaitu yang menyatakan bahawa kolokasi tidak dapat difahami dari makna setiap unsur yang berkolokasi secara sendiri-sendiri, kerana boleh jadi salah satu dari unsur-unsur itu mengandung makna metafora.

6.3.4 Analisis Kriteria Penterjemahan

Iaitu yang menyatakan bahawa ungkapan dalam kolokasi tidak dapat diterjemahkan secara harfiah kecuali dalam ungkapan tertentu, iaitu dalam ungkapan analitis.

Kedua-dua kriteria ini hanya berlaku untuk sejumlah kolokasi yang salah satu unsurnya memang digunakan secara metaforikal. Untuk mengkaji kedua-dua kriteria ini kita kembali kepada contoh di atas, iaitu kombinasi KN **قَدَم** /qadam/ ‘kaki’ dengan KN **المُسَاوَاة** /al-musāwāt/ ‘persamaan’ dalam klasua **فَيَقِفُ الْجَمِيعُ عَلَى قَدَمِ الْمُسَاوَاةِ الْحَقِيقِيَّةِ** /fa ya-qifu al-jamī‘u ‘alā qadam-i al-musāwāti al-ḥaqīqiyyat-i/. Ayat ini jika diterjemahkan secara harfiah akan berbunyi *‘maka semuanya berdiri di atas kaki persamaan yang sebenar’, sebuah terjemahan yang tidak berjaya menyampaikan pesan TS. Yusoff Zaky Haji Yacob telah berjaya menyampaikan pesan TS itu dengan melakukan penterjemahan idiomatik, iaitu dengan memanfaatkan peribahasa Melayu yang tentunya sudah dikenal di kalangan masyarakat pembaca tempatan. Ayat yang mengandung penggunaan metaforikal tersebut diterjemahkan menjadi *Seluruh*

mereka berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah di hadapan Allah Tuhan semesta alam (M/1/499).

6.3.5 Analisis Kriteria Fungsi

Contoh di atas ini juga merupakan bukti bahawa kolokasi dalam bahasa Arab ini memenuhi kriteria kelima, “Kriteria Fungsi”, bahawa kolokasi berfungsi menjadikan apa yang berlaku dalam sesuatu masyarakat pengguna bahasa sebagai sesuatu ciri kolokasi. Bagi masyarakat pengguna bahasa Arab, ungkapan metaforikal *berdiri di atas kaki persamaan* merupakan ungkapan yang mudah difahami. Masyarakat pengguna bahasa Melayu tentunya akan merasakan kesulitan memahami ungkapan seperti itu. Maka sebagai seorang yang mengetahui dan menguasai bahasa Melayu, Yusoff Zaky Haji Yacob telah berjaya mengubah sesuatu yang lazim di kalangan masyarakat pengguna bahasa Arab menjadi sesuatu yang lazim di kalangan masyarakat pengguna bahasa Melayu.

6.4 Ciri-ciri kolokasi bahasa Arab

Untuk mengenal pasti bahawa kombinasi antara leksem itu merupakan sebuah kolokasi, selain dengan mengenal batasan dan kriterianya, para pelajar dan penterjemah bahasa Arab selayaknya juga mengenal ciri-cirinya. Berdasar contoh-contoh yang telah dikemukakan dalam lembaran terdahulu, kita dapat menentukan sejumlah ciri dan yang terpenting adalah sebagai berikut:

6.4.1 Kolokasi bahasa Arab terdiri dari dua buah leksem atau lebih

Kolokasi dalam bahasa Arab tidak hanya terdiri dari dua kata atau lebih, tetapi juga boleh terdiri dari satuan yang lebih kecil dari kata, misalnya partikel.

Untuk itu, istilah yang digunakan adalah leksem dan bukannya kata, agar mencakupi kata yang satuan yang lebih kecil tetapi bermakna itu (Lihat Harimurti Kridalaksana, 2008: 141). Dari contoh-contoh yang telah dikemukakan dalam bahagian 6.1 terdahulu kita boleh mendapatkan kolokasi yang terdiri dua buah leksem. Misalnya contoh (122) memperlihatkan kombinasi antara tiga unsur bahasa: فَلَا يَسْمَحُونَ لَهَا بِالْوُجُودِ /fa lā ya-smah-ūna la-hā bi al -wujūd-i/ , iaitu kombinasi KK سَمَحَ/samaḥa/ + KSN لَ/li/ + KSN بَ/bi/ yang menerbitkan makna ‘membenarkan, mengizinkan, membolehkan’ (Abd. Rauf Dato’ Haji Hassan, *et al*, 2005: 188). Bahkan juga kita temukan kolokasi yang terdiri dari empat leksem yang berupa KA, seperti tampak dalam contoh (175) الْمُتَوَيَّةِ الْمَرِيضَةِ الْمُعَقَّدَةِ الْمُقْلَقَلَةِ /al-multawiyat-i al- marīḍat-i al-mu‘aqqadat-i al-muqalqalat-i/ ‘yang berbelit-belit, sakit, berkompleks dan resah gelisah’. Keempat KA tersebut berkombinasi tanpa disertai KH.

Kombinasi partikel dapat kita semak dalam contoh-contoh bahagian 6.1.1.20 dan 6.1.1.21. Dalam bahagian 6.1.1.20 kita boleh mendapatkan kolokasi yang terdiri dari dua buah partikel, iaitu Partikel أَمَّا /ammā/ dan Partikel فَ /fa/, seperti yang tampak dalam contoh (329) أَمَّا التَّحَدِّي فَمَنْظُورٌ فِيهِ /ammā al-taḥaddī fa-manẓūr-un fi-hi/ ‘cabaran itu dirujukkan’. Dan dalam bahagian 6.1.1.21 kita boleh mendapatkan contoh-contoh kolokasi yang bermula dengan Partikel لَا /lā/ seperti contoh (336) لَا عَهْدَ لِلْأَرْضِ بِهَا /lā ‘ahd-a li al- arḍ-i bi-hā/ ‘tidak pernah berlaku di bumi ini’.

6.4.2 Leksem-leksem yang berkolokasi tidak sentiasa muncul bersebelahan

Takrif kolokasi dalam *Kamus Dewan* bahawa berkolokasi bagi sesuatu kata adalah yang kerap kelihatan wujud bersebelahan atau berdekatan antara satu sama lain (Noresah bt. Baharom, *et al*, 2005: 806), atau yang diberikan oleh Harimurti Kridalaksana (2008: 127) “asosiasi yang tetap antara kata dengan kata lain yang

berdampingan dalam kalimat”, kedua-dua takrif ini tampaknya tidak sepenuhnya sesuai dengan kenyataan leksem-leksem yang berkolokasi dalam bahasa Arab. Beberapa kolokasi memang wujud *bersebelahan* atau *berdampingan*, tetapi banyak juga leksem-leksem yang berkolokasi tersebut letaknya cukup berjauhan. Antara leksem-leksem yang berkolokasi tersebut – sehingga boleh disebut sebagai kolokasi – terdapat kaitan yang sangat erat dan tidak mungkin dipisahkan. Misalnya, dalam bahagian 6.1.1.1, iaitu Kolokasi Binaan Mā + Min. Kolokasi ini terdiri dari KH مَا /mā/ dan KSN مِنْ /min/ yang tidak pernah muncul berdampingan. Antara kedua-dua leksem ini sentiasa wujud unsur bahasa lain sama ada kata, frasa atau klausa. Misalnya dalam contoh (107) يُبَيِّنُ مَا فِي هَذِهِ الْحَالِ مِنْ نَقَائِصَ /yu-bayyin-u mā fī hādhihi al-ḥāl-i min naqā’is-a/ 'menerangkan sifat-sifat mereka yang tercela' di mana FS فِي هَذِهِ الْحَالِ /fī hādhihi al-ḥāl/ wujud di antara kedua leksem yang berkolokasi tersebut.

Berdasar kenyataan ini, takrif kolokasi yang dikemukakan oleh Sinclair (1991: 170) lebih sesuai dengan kolokasi bahasa Arab. Menurutnya, kolokasi adalah “*the occurrence of two or more words within a short space of each other in a text*” yang tidak mengisyaratkan bahawa kata-kata yang berkolokasi tersebut harus wujud berdampingan, meskipun kadang-kadang dalam data kita temukan kata-kata yang berkolokasi tersebut dipisahkan oleh *a long space*. Misalnya kolokasi antara Prt مَا /ammā/ dan Prt فَ /fa/ dalam ayat berikut:

(405) أَمَّا ثَمَارُ الدُّنْيَا الَّتِي تُشَبِّهُهَا بِالْإِسْمِ أَوْ الشَّكْلِ ، وَأَمَّا ثَمَارُ الْجَنَّةِ (A/1/49)
الَّتِي رَزَقُوهَا مِنْ قَبْلُ - فَرِيْمًا كَانَ فِي هَذَا التَّشَابُهِ الظَّاهِرِي ...

/ammā thimār-u al- dunyā al-latī tu- sybihu -hā
art buah-buah art-dunia yang (f) ia (f) menyerupai-nya (f)
 bi al- ism-i aw al- syakl-i wa ammā thimāru al-jannat-i
 dengan art-nama atau art-bentuk dan art-buah-buah art-syurga

al-latī razaq -ū -hā min qablu
yang (f) telah diberi rezki-mereka-nya (f) dari sebelum
fa- rubba-mā kāna fī hādhā
maka mungkin telah berlaku ia (m) dalam ini (m)

al- tasyābuh-i al- zāhirī
art-keserupaan art-zahir

‘...iaitu sama ada serupa dengan buah-buahan di dunia dari segi (M/1/92)
nama atau rupa bentuk, atau serupa dengan buah-buahan Syurga
yang dihidangkan kepada mereka dahulu...’

‘...yang berupa buah-buahan yang serupa, yang terbayangkan (I/1/59)
oleh mereka bahwa mereka pernah mendapatkannya sebelum
itu...’

6.4.3 Maknanya dapat ditelusuri

Ciri lain dari kolokasi adalah bahawa makna kombinasi antara leksem yang berkolokasi itu dapat diketahui dengan jelas sekurang-kurangnya dari salah satu leksem yang berkombinasi tersebut yang digunakan secara harfiah dan tidak mengandung makna metaforikal. Ciri ini berlaku bagi kebanyakan jenis kolokasi dan tidak berlaku bagi kolokasi jenis tertentu misalnya kolokasi yang berupa idiom atau peribahasa. Makna kombinasi dalam Kolokasi KA + KN (Idāfat), misalnya, dapat dengan mudah difahami maknanya. KA صَغِيرٌ /ṣaghīr/ secara harfiah bererti ‘kecil’, tetapi kerana ia berkombinasi dengan KN السِّنُّ /al-sinn/ ‘usia’, pengertiannya tidak lagi berkaitan dengan saiz, tetapi dengan masa. Dengan demikian masyarakat pengguna bahasa Melayu akan memahaminya dengan mudah bahawa yang dimaksud dengan ungkapan صَغِيرُ السِّنِّ /ṣaghīr al-sinn/ adalah *usia yang muda*.

6.4.4 Arbitrari

Dalam beberapa kolokasi, beberapa leksem berkombinasi secara arbitrari atau sewenang-wenang. Kenyataan ini tidaklah bertentangan dengan pendapat Hill (2000:

53) seperti yang telah dibahas dalam bab pertama yang mengatakan bahawa leksikon tidak bersifat arbitrari atau sewenang-wenang.

Sifat arbitrase yang dimaksud di sini adalah tidak ada alasan yang logik atau semantik mengapa leksem A boleh berkombinasi dengan leksem B. Misalnya, Kolokasi FK yang terdiri dari KK قَالَ /qāla/ dengan KSN ل /li/ seperti tampak dalam rajah berikut:

لا يشعرون . وإذا قيل لهم آمنوا كما آمن الناس ،
 يكون ذلك أبدا . فقلت لهم أرأيتم إن دفعت إليكم
 كذلك من الأنساب . . ويقول لهم إن ذكر الله هو
 وفي أساس عقيدتهم . . قالوا لهم إن كان التوجه - فيما
 منه . . لم يقل: فقل لهم إني قريب . . إنما تولى

Rajah 6.3: Kombinasi KK قَالَ /qāla/ + KSN ل /li/

KK قَالَ /qāla/ dalam pelbagai bentuknya, iaitu bentuk الْمَاضِي /al-māḍī/ pasif قِيلَ /qīla/, bentuk الْمَاضِي /al-māḍī/ yang bersambung dengan KGN ت /-tu/ sehingga berbentuk قُلْتُ /qul-tu/, bentuk الْمُضَارِعِ /al-muḍāri‘/ يَقُولُ /ya-qūlu/, bentuk الْمَاضِي /al-māḍī/ yang bersambung dengan penanda subjek jamak وا /ū/ قَالُوا /qālū/, dan terakhir bentuk KK perintah قُلْ /qul/. Dalam mana-mana bentuk, KK قَالَ /qāla/ sentiasa berkombinasi dengan KSN ل /li/ yang menghasilkan makna ‘berkata kepada’ atau ‘bercakap kepada’. Tidak ada alasan mengapa dalam bahasa Arab KK قَالَ /qāla/ memilih KSN ل /li/ yang secara harfiah dalam bahasa Melayu bererti ‘bagi’ atau ‘untuk’, dan bukannya memilih KSN إِلَى /ilā/ ‘kepada’, iaitu KSN yang

disepakati oleh masyarakat bahasa Melayu “untuk menyatakan sasaran yang merujuk manusia” (Nik Safiah Karim, *et al*, 2006: 259).

6.4.5 Bersifat khas

Kolokasi merupakan fenomena universal, sementara setiap bahasa itu sendiri masing-masing mempunyai ciri khas yang diistilahkan oleh Catford sebagai *sui generis* (1965: 27) dan dinyatakan oleh Nida dan Tiber (1974: 3) “*each language has its own genius*”. Oleh kerana itu, sesuatu kolokasi dalam sebuah bahasa boleh jadi sama sekali berbeza berbanding dalam bahasa lain. KA **الْكَبِيرُ** /al-kabīr/ misalnya dalam bahasa Arab boleh berupa Kata Adjektif Ukuran (KAU) dan juga boleh berupa Kata Adjektif Waktu (KAW), sedangkan dalam bahasa Melayu, KAU **الْكَبِيرُ** /al-kabīr/ dan KAW **الْكَبِيرُ** /al-kabīr/ mendapatkan padanan yang berbeza, iaitu *besar* dan *tua*, seperti tampak dalam terjemahan Kolokasi KN + KA **الْمُلْكُ الْكَبِيرُ** /al-mulk al-kabīr/ ‘kerajaan bumi yang besar’ (M/1/109) dan **الشَّيْخُ الْكَبِيرُ** /al-syaikh al-kabīr/ ‘orang yang tua’ (M/1/399).

6.4.6 Fleksibel dalam urutan kata

Ciri kolokasi bahasa Arab yang lain adalah fleksibel dalam urutan kata. Seorang pelajar bahasa Arab dapat mengubah urutan sebuah kolokasi tanpa mengubah erti. Contoh yang paling sesuai untuk ciri ini adalah Kolokasi KA + KN (Idāfat) yang telah dibahas panjang lebar pada bahagian 6.1.1.6. Urutan KA + KN boleh diubah menjadi KN + KA dengan erti yang sama. Perhatikan jadual di bawah ini:

KA + KN	KN + KN	Makna
ثَابِتَ الْخَطْوِ /thābit-u al-khaṭw-i/	الْخَطْوُ الثَّابِتُ /al-khaṭw-u al-thābit/	langkah yang tetap
مُطْمَئِنِّ الضَّمِيرِ /muṭma'inn-a al-ḍamīr-i/	الضَّمِيرُ الْمُطْمَئِنُّ /al-ḍamīr-u muṭma'inn/	hati nurani yang tenteram
الْعَظِيمِ الْأَثَرِ /al-'azīm-i al-athar-i/	الْأَثَرُ الْعَظِيمُ /al-athar-u al-'azīm	kesan yang besar
الْعَمِيقَةَ التَّأْتِيرِ /al-'amīqat-a al-ta'thīr-i/	التَّأْتِيرُ الْعَمِيقُ /al-ta'thīr-u al-'amīq	kesan yang mendalam
الْمَحْدُودِ الْعُمْرِ /al-mahdūd-u al-'umr-i/	الْعُمْرُ الْمَحْدُودُ /al-'umr-u al-mahdūd/	usia yang terbatas
مُتَشَعِّبِ الْأَطْرَافِ /mutasya'ib-i al-aṭrāf-i/	الْأَطْرَافُ الْمُتَشَعِّبَةُ /al-aṭrāf-u mutasya'ibat/	hujung yang bercabang-cabang
مُتَنَاسِقِ الْأَشْكَالِ /mutanāsiq-a al-asykāl-i/	الْأَشْكَالُ الْمُتَنَاسِقَةُ /al-asykāl al-mutanāsiqat/	bentuk-bentuk yang selaras
مُتَنَوِّعِ الْأَلْوَانِ /mutanawwa'u al-alwān-i/	الْأَلْوَانُ الْمُتَنَوِّعَةُ /al-alwān-u mutanawwa'at/	beraneka warna
بَطِيئَةَ الدَّوْرَانِ /baṭī'at-a al-dawrān-i/	الدَّوْرَانُ الْبَطِيءُ /al-dawrān-u al-baṭī'at/	pusingannya yang lambat
ضَعِيفِ الشَّخْصِيَّةِ /ḍa'if-u al-syakḥṣiyyat-i/	الشَّخْصِيَّةُ الضَّعِيفَةُ /al-syakḥṣiyyat-u al-ḍa'ifat/	kepribadian yang lemah

Kalau pun berlaku perubahan, maka perubahan itu terletak pada aras tatabahasa, mengikut perubahan bentuk, dari Binaan *Idāfat* menjadi Binaan *الصِّفَةِ وَالْمَوْصُوفِ* /al-ṣifāt wa al-mawṣūf/ atau *النَّعْتِ وَالْمَنْعُوتِ* /al-na't wa al-man'ut/ (KN yang diterangkan dan KN yang menerangkan yang berfungsi sebagai KA) yang mengharuskan wujudnya kesesuaian dalam jenis, iaitu antara jenis maskulin dan feminin dan dalam masalah Kata Tidak Tentu *النَّكِيرَةِ* /al-nakirat/ 'Indefinite substantive' dan Kata Tentu *الْمَعْرِفَةِ* /al-ma'rifat/ 'Definite substantive'.

Untuk jenis kolokasi yang lain, urutan kata itu bersifat tetap, dan persoalannya bukan boleh tidaknya diubah, melainkan kerana urutannya itu sentiasa seperti yang ditemui dalam data. Misalnya dalam Kolokasi Pelengkap: الْأَوْسُ وَالْخَزْرَجُ /al-aws wa al-khazraj/, وَالطَّاعَةَ السَّمْعَ /al-sam‘ wa al-tā‘at/, dan الصَّفَا وَالْمَرْوَةَ /al-ṣafā wa al-marwat/.

6.4.7 Tidak dapat diganti dengan sinonim

Ciri ini tentunya tidak berlaku untuk semua jenis sinonim. Sebagaimana tampak dalam contoh-contoh pada bahagian 6.1.2.3 Kolokasi Sinonim, beberapa kata yang bersinonim tidak mendapatkan padanan, atau tepatnya, padanan hanya untuk sebuah kata dan itu entah untuk kata yang mana. Misalnya dalam contoh (375) dua KN yang bersinonim adalah النَّفْعَ /al-naf‘-a/ dan الْفَائِدَةَ /al-fā’idat-a/ dalam ayat يَضْمَنُ لِلْأُمَّةِ النَّفْعَ وَالْفَائِدَةَ /ya-ḍman-u li al-ummat-i al-naf‘-a wa al-fā’idat-a/ yang diterjemahkan menjadi ‘menjamin faedah kepada umat’. Juga dalam contoh (376) FK أَعَدَدْنَاهُ /a‘dad-nā-hu/ yang bersinonim dengan FK هَيَّأْنَاهُ /hayya’-nā-hu/ dalam ayat أَيُّ أَعَدَدْنَاهُ وَهَيَّأْنَاهُ /ay a‘dad-nā-hu wa hayya’-nā-hu/ yang diterjemahkan menjadi ‘Yakni Kami telah pun menyediakan azab itu’. Ini menunjukkan bahawa kedua-dua kata itu bermakna sama dan dapat ditukar ganti.

Beberapa kata yang tampak bersinonim memang ada yang tidak pernah digunakan sebagai pengganti untuk sesuatu kata. Misalnya, KA الْعَظِيمَ /al-‘azīm/ yang bersinonim dengan KA الْكَبِيرَ /al-kabīr/ yang sama-sama mengandung makna *besar*, seperti tampak dalam senarai di bawah ini:

(406)	الشَّرْفُ الْعَظِيمُ	(A/1/28)
	/al-syaraf-u al-‘azīm-u/ art-penghormatan art-besar ‘penghormatan yang amat besar’	(M/1/38)
(407)	دَوْرِهِ الْعَظِيمُ	(A/1/53)
	/dawr-i -hi al-‘azīm/ peranan-nya (m) art-besar ‘peranan agung mereka’	(M/1/102)
(408)	الْإِنْتِفَاعِ الْعَظِيمِ	(A/1/54)
	/al-intifā‘i al-‘azīm-i/ art-pemanfaatan art-besar ‘pengambilan faedah yang besar’	(M/1/102)
(409)	الْفَضْلِ الْعَظِيمِ	(A/1/55)
	/al- faḍl-i al-‘azīm-i/ art-kurniaan art-besar ‘ni’mat nubuwwah yang amat besar’	(M/1/106)
(410)	لِلدَّوْرِ الْكَبِيرِ	(A/1/142)
	/li al- dawr-i al-kabīr-i/ bagi art-peranan art-besar ‘peranan yang besar’	(M/1/323)
(411)	الْوُجُودِ الْكَبِيرِ	(A/1/208)
	/al-wujūd-i al-kabīr-i/ art-wujud art-besar ‘alam buana yang besar’	(M/1/490)
(412)	الْأَصْلِ الْكَبِيرِ	(A/1/216)
	/al-aṣl-i al-kabīr-i / art-asal art-besar ‘asal agama yang agung’	(M/1/512)
(413)	الْوَاقِعِ الْكَبِيرِ	(A/1/263)
	/al- wāqi‘-i al- kabīr-i/ art-realiti art-besar ‘realiti yang besar’	(M/2/13)

Kedua-dua KA dalam senarai di atas, iaitu الْعَظِيمُ /al-‘azīm/ dan الْكَبِيرُ /al-kabīr/ boleh bertukar ganti. Misalnya الدَّوْرُ الْعَظِيمُ /al-dawr al-‘azīm/ atau الدَّوْرُ الْكَبِيرُ /al-dawr al-kabīr/, الْوُجُودُ الْعَظِيمُ /al-wujūd al-‘azīm/ atau الْوُجُودُ الْكَبِيرُ /al-wujūd al-kabīr/. Namun dalam konteks yang berbeza, kedua-dua KA tersebut tidak boleh bertukar ganti. Sekurang-kurangnya belum ditemui dalam data yang ada. Misalnya ungkapan صَدَقَ اللهُ الْعَظِيمُ /ṣadaqa Allāh-u al-‘azīm/ beberapa kali ditemui dalam data dan tidak ditemui ungkapan dengan menggunakan KA الْكَبِيرُ /al-kabīr/ : * صَدَقَ اللهُ الْكَبِيرُ /ṣadaqa Allāh-u al-kabīr/.

6.4.8 Kesan keindahan

Ciri lain yang tidak kalah menariknya dari kolokasi dalam bahasa Arab adalah bahawa kombinasi kata atau frasa yang membentuk kolokasi tersebut memberikan kesan keindahan, iaitu wujudnya kata-kata yang bersajak. Ciri seperti inilah yang pernah diisyaratkan oleh linguis Arab Ibn Fāris (1947) dan menyebutkan dengan istilah dengan الْإِتْبَاعُ /al-itbā‘/ yang secara harfiah bererti ‘mengikutkan’, iaitu satu kata diikuti oleh kata yang lain yang seirama sehingga menimbulkan bunyi yang elok dari segi kata dan memperkuatnya dari segi makna (lihat Bab Kedua, sub-bab 2.3). Misalnya dalam Kolokasi Sinonim seperti tampak dalam senarai berikut:

(414) تَسَاوُقٌ وَتَنَاسُقٌ (A/1/41)

/tasāwuq wa tanāsuq/
persesuaian dan keselarasan
‘persesuaian dan keselarasan’

(M/1/71)

(415) الْإِبْتِلَاءَاتُ وَالْإِمْتِحَانَاتُ (A/1/51)

/al-ibtilā‘āt wa al- imtiḥānāt/
art-ujian-ujian dan art-ujian-ujian
‘ujian-ujian’

(M/1/96)

- (416) أَلْفِيَادَةُ وَالرِّيَاسَةُ (A/1/67)
 /al- qiyādat wa al- riyāsaṭ/
 art-kepemimpinan dan art-kepemimpinan
 ‘kepemimpinan dan keketuaan’ (M/1/137)
- (417) بَجَادُلٌ وَتَمَاهُلٌ (A/1/72)
 /tajādul wa tamāḥul/
 pertentangan dan pertentangan
 ‘berdegil dan menentang’ (M/1/48)
- (418) هَيِّنَةٌ لَيِّنَةٌ (A/1/84)
 /hayyinat layyinat/
 senang lembut
 ‘senang dan lembut’ (M/1/82)
- (419) الْقَصْرُ وَالْحَصْرُ (A/1/108)
 /al-qaṣr wa al-ḥaṣr/
 art-singkat dan art-terbatas
 ‘had yang tegas’ (M/1/248)
- (420) الْحَاسِمُ الْجَازِمُ (A/1/109)
 /al- ḥāsim al- jāzim/
 art-tegas art-tegas
 ‘tegas’ (M/1/249)
- (421) الْأَرْجَاسُ وَالْأَدْنَاسُ (A/1/115)
 /al- arjās wa al- adnās/
 art-kotoran-kotoran dan art-kotoran-kotoran
 ‘kekotoran dosa’ (M/1/265)
- (422) خَفَايَا الْمَشَاعِرِ وَخَنَايَا الضَّمِيرِ (A/1/126)
 /khafāyā al-masyā‘ir wa ḥanāyā
 rahsia-rahsia art-perasaan-perasaan dan selekoh-
 selekoh
 al- ḍamīr/
 art-hati nurani
 ‘celah-celah lipatan perasaan dan hati nurani’ (M/1/286)
- (423) السَّلْبُ وَالنَّهْبُ (A/1/139)
 /al- salb wa al- nahb/
 art-perampasan dan art-perampasan
 ‘perampasan dan penyamunan’ (M/1/315)

(424)	الْمُسْكِرَاتِ وَالْمُخَدَّرَاتِ	(A/1/211)
	/al-muskirāt wa art-benda-benda yang memabukkan dan al- mukhaddirāt/ art-benda-benda yang memabukkan 'arak dan dadah'	(M/1/500)
(425)	الظَّاهِرَةُ الْبَارِزَةُ	(A/1/220)
	/al- ḡāhirat al- bārizat/ art-menonjol art-menonjol 'gejala yang menonjol'	(M/1/521)
(426)	السَّلَاسِلِ وَالْأَغْلَالِ	(A/1/221)
	/al-salāsil wa al- aghlāl/ art-rantai-rantai dan art-belenggu-belenggu 'rantai dan belenggu'	(M/1/524)
(427)	يَعُولُ وَيَكْفُلُ	(A/1/222)
	/ya- 'ūl wa ya- kful/ ia (m) menanggung dan ia (m) menanggung 'menanggung dan memelihara'	(M/1/526)
(428)	عَادُونَ بَاغُونَ	(A/1/226)
	/ādūn bāghūn penceroboh-penceroboh pencabul-pencabul 'penceroboh-penceroboh dan pencabul-pencabul'	(M/1/535)
(429)	وَلَا كَافِلٍ وَلَا عَائِلٍ	(A/1/230)
	/wa lā kāfil wa lā 'ā'il/ art-tidak penanggung art-tidak penanggung tanpa penjaga dan pemelihara	(M/1/543)
(430)	التَّفَكُّرُ وَالتَّدَبُّرُ	(A/1/231)
	/al- tafakkur wa al- tadabbur/ art- berfikir dan art-berfikir 'berfikir'	(M/1/546)
(431)	الطَّلَاقِ وَالْفِرَاقِ	(A/1/253)
	/al-ṭalāq wa al-firāq/ art-talak dan art-perpisahan 'talak dan perpisahan'	(M/1/604)

(432)	الْدَّمَارُ وَالْبَوَارُ	(A/1/299)
	/al- damār wa al- bawār/ art-kemusnahan dan art-kebinasaan 'bahaya'	(M/2/86)
(433)	يَنْمُو وَيَرْبُو	(A/1/306)
	/ya- nmū wa ya- rbū/ ia (m) berkembang dan ia (m) bertambah 'bertambah subur'	(M/2/104)

6.5 Kekekapan kemunculan

Kekerapan kemunculan partikel, kata atau frasa yang berkombinasi merupakan salah satu ciri bahawa kombinasi tersebut layak disebut kolokasi. Seperti yang sudah disebutkan dalam Bab Pertama, bahawa kekerapan kemunculan ini merupakan faktor pemerhatian lampau (*a factor of past observation*) yang sangat penting kerana dapat dijadikan dasar untuk meramalkan bagaimana kumpulan kombinasi itu terbina. Pola dan jenis kombinasi kata-kata tersebut kerap kali tidak serta merta boleh dikenal pasti dan akan menjadi lebih mudah dikenali melalui perantaraan senarai konkordans (Parlington, 1998: 9).

Untuk mengetahui kekerapan sesuatu kombinasi partikel, kata, atau frasa, program *aConcorde* boleh membantu memberi kita senarai, seperti tampak di bawah:

رآه عمر بن الخطاب - رضي الله عنه - أمام بعض
 أنه أرسل أبا بكر - رضي الله عنه - أميراً على
 والشيخان . [وعن أبي هريرة - رضي الله عنه - أن رجلاً
 عن أبي بكر الصديق - رضي الله عنه - أنه قال
 جابر بن عبد الله - رضي الله عنه - أنه قال :
 وقع من أبي بكر - رضي الله عنه - حين أقسم
 أن دحية بن خليفة - رضي الله عنه - خرج من
 أن عمر بن الخطاب - رضي الله عنه - خرج من
 حمزة بن عمرو الأسلمي - رضي الله عنه - رسول الله [
 أن عمر بن الخطاب - رضي الله عنه - سأل أبي
 بإسناده - عن سلمان الفارسي - رضي الله عنه - عن النبي [
 ذلك أبا أيوب الأنصاري - رضي الله عنه - فقال: سمعت
 أتيت أنس بن مالك - رضي الله عنه - في رمضان
 بمن تقول . . " وعن جابر - رضي الله عنه - قال: " جاء
 الشيخان . [وعن أبي هريرة - رضي الله عنه - قال: " بعثنا
 تستعجلون . . " وعن ابن مسعود - رضي الله عنه - قال: " كأني
 الصحيحين - بإسناده - عن البراء - رضي الله عنه - قال: " كان
 عن البراء بن عازب - رضي الله عنه - قال: " نزلت
 الله بن يزيد الأنصاري - رضي الله عنه - قال: " نهي
 عن البراء بن عازب - رضي الله عنه - قال: أول
 اتجاه . عن أبي هريرة - رضي الله عنه - قال: إن
 بن الحارث عن أبيه - رضي الله عنه - قال: بعثنا
 وخصائصها - 1 : عن جابر - رضي الله عنه - قال: خرج
 - 8 وعن أبي الدرداء - رضي الله عنه - قال: خرجنا
 الله . . عن أبي موسى - رضي الله عنه - قال: سئل

عن خباب بن الأرت - رضي الله عنه - قال: شكونا
 أخرجته أبو داود . [وعننه - رضي الله عنه - قال: قال
 والترمذي .] وعن أبي هريرة - رضي الله عنه - قال: قال
 والترمذي . [وعن ابن مسعود - رضي الله عنه - قال: قال
 عمرو بن أمية الضمري - رضي الله عنه - قال: قدمت
 والنسائي - 3 . [وعن جابر - رضي الله عنه - قال: كان
 والترمذي - 2 . [وعن أنس رضي الله عنه - قال: كنا
 الصوم - 7 . وعن أنس - رضي الله عنه - قال: كنا
 طريق آخر - عن البراء - رضي الله عنه - قال: نزلت
 أن أنس بن مالك - رضي الله عنه - كبر حتى
 عبد الله بن رواحة - رضي الله عنه - لرسول الله [
 كما حارب أبو بكر - رضي الله عنه - مانعي الزكاة ,
 عبد الله بن جحش - رضي الله عنه - وكان رسول
 وهو قائد لجيش عمر - رضي الله عنه - وهو الخليفة
 ولقد كتب أبو عبيدة - رضي الله عنه - وهو قائد
 بوقت قليل . . وكان بلال - رضي الله عنه - يبكر في
 ماجه عن أبي هريرة - رضي الله عنه: - قال: قال
 الله [ص [وابن رواحة رضي الله عنه] . . أخرجته الشيخان
 صاحب رسول الله [ص - [رضي الله عنه في سفينة
 لا يرجعون . . " وعن أنس رضي الله عنه قال: قال
 والمرحمة والغفران . . عن عائشة رضي الله عنها , قال رسول
 السنن - 6 . [وعن عائشة - رضي الله عنها - قالت: سألت
 فسأل عمر ابنته حفصة - رضي الله عنها - كم أكثر
 وبخاصة بعد وفاة خديجة - رضي الله عنها - وموت أبي
 داود - بإسناده - عن عائشة رضي الله عنها أن رسول
 وورد عن ابن عباس - رضي الله عنهما - أن الآية

روي عن ابن عباس - رضي الله عنهما - أن التعريض
 حديث أسامة بن زيد - رضي الله عنهما - أن النبي [
 بإسناده - عن ابن عباس رضي الله عنهما - أن امرأة
 بإسناده - عن ابن عباس - رضي الله عنهما - عن النبي [
 وقاص وعتبة بن غزوان - رضي الله عنهما - فتخلفا عن
 الإسلام: عن ابن عمر - رضي الله عنهما - قال: "وجدت
 عبد الله بن عمر - رضي الله عنهما - قال: سمعت
 البخاري عن ابن عمر - رضي الله عنهما - قال: قال
 بإسناده - عن ابن عباس - رضي الله عنهما - قال: قلت
 لأيمانكم). . عن ابن عباس - رضي الله عنهما - قال: لا
 وورد عن ابن عباس - رضي الله عنهما - لغو اليمين
 الشيخان عن ابن عباس رضي الله عنهما قال كان

Rajah 6.4: Konkordans KK رَضِيَ /raḍiya/

Rajah di atas memperlihatkan kekerapan kemunculan KK رَضِيَ /raḍiya/ yang diambil dari Surah al-Baqaraḥ. Dari konkordans yang dibuat oleh program *aConcorde* ini dapat diambil kesimpulan sebagai berikut:

1. Sebelum KK رَضِيَ /raḍiya/ ini sentiasa disebutkan KNKh hidup yang berupa nama para sahabat, seperti Abū Bakr, ‘Umar, Jābir, Abū Hurayrah, dll.
2. KK رَضِيَ /raḍiya/ ini merupakan KK yang menjadi transitif dengan bantuan KSN عَنْ /‘an/ yang membentuk FK رَضِيَ عَنْ /raḍiya ‘an/. KN رَضِيَ عَنْ /raḍiya ‘an/ sentiasa berada di antara KK رَضِيَ /raḍiya/ dan KSN عَنْ /‘an/.

3. Kekekapan munculnya FK ini merupakan petunjuk bahawa kombinasi antara KK رَضِيَ /raḍiya/ dan KSN عَنْ /‘an/ ini merupakan sebuah kolokasi dan semua kamus pun akan memperkuatkan kenyataan ini.

Kesimpulan ini dapat dijadikan pedoman bagi para pengajar bahasa Arab dan penterjemah, bahawa kedua-dua unsur bahasa ini, iaitu KK رَضِيَ /raḍiya/ dan KSN عَنْ /‘an/ harus dilihat sebagai satu kesatuan yang tak terpisahkan. Dengan kata lain, ketika pengajar bahasa Arab memperkenalkan kosa kata yang mengandungi KK رَضِيَ /raḍiya/ hendaknya tidak lupa menyertakan KSN عَنْ /‘an/. Demikian halnya untuk para penterjemah, harus memperlakukan KSN عَنْ /‘an/ sebagai bahagian dari KK رَضِيَ /raḍiya/ sehingga menerbitkan makna ‘menyukai, meredai’. Makna KSN عَنْ /‘an/ sudah tidak tampak lagi dalam penterjemahan.

Namun sayangnya, tidak semua partikel, kata atau frasa dapat dibuatkan konkordansnya dengan program *aConcorde* ini, sebagaimana telah dijelaskan pada sub-bab 6.1.1.1 yang lampau. Di samping itu, juga kerana leksem-leksem yang berkolokasi itu dalam bahasa Arab tidak sentiasa bersebelahan (lihat 6.4.2). Untuk mencari leksem-leksem yang berkolokasi seperti itu dilakukan pencarian secara manual, iaitu dengan menggunakan kemudahan *menu Find* yang terdapat dalam program *Microsoft Word*, seperti yang penulis lakukan dalam pencarian kolokasi dengan kata utama KN الْفُرْصَةَ /al-furṣat/ (lihat 7.2).

6.6 Penutup

Demikian analisis data tentang kolokasi dalam bahasa Arab yang bermula dengan pembahasan jenis-jenis kolokasi yang ditinjau dari sudut pandang tatabahasa dan semantik. Temuan yang terpenting dalam kajian ini adalah ditemuinya jenis-jenis kolokasi yang belum pernah dibahas oleh para penyelidik terdahulu, iaitu:

1. Kolokasi Binaan Mā + Min,
2. Kolokasi FS,
3. Kolokasi KN + FS,
4. Kolokasi KNm + KSN + KNj, dan
5. Kolokasi Prt **أَمَّا** /ammā/ + **فَ** /fa/.

Dari analisis terjemahan jenis-jenis kolokasi tersebut dapat disimpulkan terjemahan harfiah masih berlaku sama ada dalam terjemahan Melayu-Malaysia atau dalam terjemahan Melayu-Indonesia.

Di antara kolokasi yang ditemui dalam data terdapat kolokasi yang bukan berasal dari budaya Arab, iaitu yang dikenal dengan “*borrowed collocations*” ‘kolokasi pinjaman’.

Dari kajian batasan dan kriteria, kolokasi yang telah dikemukakan terbukti memenuhi batasan dan kriteria yang pernah dibahas oleh beberapa orang linguist.

Terakhir, dari kajian tentang kolokasi ini juga dapat disimpulkan beberapa ciri yang dapat dijadikan pedoman dalam mengenal pasti kombinasi leksem bahawa ianya adalah merupakan kolokasi.